

Jilid III  
Bil. 12



Hari Rabu  
22hb Mac, 1989

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

**Cuti kepada AhU-ahli—Kebenaran:**

**Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)**

**Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) / [Ruangan 2025]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 2025]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN**  
**MESYUARAT 18:**

**Tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri—Y.B. Tuan P. Pato (Ipoh)**  
**[Ruangan 2107]**

**USUL:**

**Ucapan Takziah atas Kematian Mendiang Y.B. Dato' Chan Siang Sun, Menteri**  
**Kesihatan dan Keluarganya [Ruangan 2111]**

KANDUNGANNYA—(samb.)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit  
(Pemerbadanan) (Pindaan) [Ruangan 2123]**

**Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan  
Melaka) (Pindaan) [Ruangan 2134]**

**Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) [Ruangan 2158]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZAU, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALLI, D.P.M.T., S.M.T, K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULO K BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI Uus (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAYID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jombangan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, **J.P.** (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.T.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

Yang Berhormat TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang),
- „ TUAN NURNIKMAN BIN AeDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau),
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MoHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., **J.P.** (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis)
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Rabu, 22hb Mac, 1989

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TUAN  
YANG DI-PERTUA**

**CUTI KEPADA AHLI-  
AHLI—KEBENARAN**

Y.B. Tuan Lim Kit Siang.

Y.B. Tuan Lim Guan Eng.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli Parlimen bagi kawasan Tanjong pada 17hb Mac, 1989 hingga 24hb Mac, 1989 dan Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ahli Parlimen bagi kawasan Kota Melaka dari 17hb Mac, 1989 hingga 24hb Mac, 1989.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar tidak hadir).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

*(Soalan No. 2 Y.B. Dr Chen Man Hin tidak hadir).*

**HUBUNGAN MALAYSIA—  
MAURITIUS**

**3. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bagaimanakah perhubungan dua hala di antara Malaysia dengan Mauritius. Apakah persetujuan-persetujuan yang telah dicapai antara Malaysia dan Mauritius hasil lawatan Dr Beergoonath Ghurburrin, Timbalan Perdana Menteri Mauritius ke Malaysia pada bulan Februari, 1989.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, perhubungan di antara Malaysia dan Mauritius sentiasa baik dijalinan melalui kerjasama di arena antarabangsa dan pertukaran lawatan di antara pemimpin-pemimpin kedua-dua buah negara.

Hubungan dua hala telah mencapai tahap yang lebih tinggi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita melakukan lawatan rasmi ke Mauritius pada bulan Ogos, 1988 bila dua Perjanjian, iaitu "Perjanjian Kebudayaan" dan "Perjanjian Penubuhan Suruhanjaya Bersama

mengenai Kerjasama Ekonomi dan Teknikal di antara Kerajaan Malaysia dan Mauritius" telah ditandatangani.

Tuan Yang di-Pertua, lawatan Dr Beegoonath Ghurburrun, Timbalan Perdana Menteri Mauritius, ke Malaysia dari 9hb hingga 13hb Februari tahun ini, adalah berjaya. Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bersama Malaysia-Mauritius mengenai Kerjasama Ekonomi dan Teknikal dilangsungkan dengan jayanya semasa lawatan itu. Lawatan itu telah juga membolehkan pemimpin-pemimpin kita meningkatkan perhubungan dan memperkukuhkan persahabatan dengan pemimpin Mauritius.

Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bersama telah merintiskan jalan untuk menaikkan tahap hubungan kerjasama dua hala dalam bidang perdagangan, ekonomi, pelaburan dan teknikal di masa depan. Dari segi kerjasama perdagangan dan ekonomi, kedua-dua pihak telah mengenalpasti beberapa peluang yang boleh diterokai bersama oleh pihak swasta, seperti projek usahasama di bidang perkilangan di Mauritius bagi tujuan eksport ke negara anggota Persatuan Ekonomi Eropah. Sebagai anggota Konvensyen Lome, barangan buatan Mauritius mendapat layanan istimewa di pasaran Persatuan Ekonomi Eropah.

Selaras dengan polisi kita yang menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan, Malaysia telah menawarkan bantuan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia kepada Mauritius.

Usahawan-usahawan Mauritius yang mengiringi Timbalan Perdana Menteri Mauritius telah mengadakan perbincangan dengan pihak Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia. Hasil daripada perbincangan itu, Dewan Perniagaan dan Industri kedua-dua buah negara telah ber-setuju menubuhkan sebuah Majlis

Bersama bagi mempereratkan lagi hubungan kerjasama perdagangan dan ekonomi di antara mereka.

Dengan itu, kejayaan lawatan Timbalan Perdana Menteri Mauritius dan Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bersama Malaysia-Mauritius, bukan sahaja telah mengukuhkan persahabatan di antara pemimpin pemimpin kedua-dua negara, bahkan telah memberikan sumbangan yang positif ke arah peningkatan hubungan dua hala. Perkembangan ini sudah tentu akan mendatangkan faedah jangka panjang kepada kedua-dua negara.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan terdapat sumbangan peningkatan dua hala di antara negara kita dengan Mauritius. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah butir-butir lanjut mengenai sumbangan peningkatan dua hala? Kalau boleh, minta perincian.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai jawapan pendeknya bahawa bantuan Program Kerjasama Teknik Malaysia MTCP kita telah pun dapat memberikan bantuan jika dikehendaki oleh Mauritius seperti berikut:

- (i) dermasiswa untuk latihan jangka pendek di Malaysia;
- (ii) penempatan jangka pendek di Malaysia;
- (iii) khidmat pakar-pakar di Malaysia;
- (iv) biasiswa untuk pengajian lanjutan di Malaysia; dan
- (v) program-program pertukaran.

Dari segi bidang perdagangan ekonomi, kita telah pun berbincang di antara pihak swasta Malaysia dan Mauritius untuk membuatkan

perjanjian bagi mengadakan perkilangan untuk kita membuat bidang perkilangan pembuatan untuk mengeksport barangan itu ke Pasaran Ekonomi Eropah.

Seperti saya kata pada awal-awal tadi, Mauritius mempunyai suatu keadaan yang baik yang mana mereka mendapat keistimewaan untuk mengeksport barang-barang buatan Mauritius ke Eropah. Maka kita telah pun bersetuju dengan adanya kepakaran di kalangan industri-industri kita di Malaysia untuk membuka industri di Mauritius untuk dieksportkan barangan buatan itu ke Pasaran Ekonomi Eropah.

**Tuan Joe Ojhi Supiring:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut jawapan Menteri, negara kita telah pun mencapai satu kejayaan untuk bersahabat dengan negara Mauritius. Dan kita pernah membaca daripada suratkhobar-suratkhobar bahawa Kerajaan kita telah merancang untuk membantu teknikal, khususnya bagi teknikal pertanian dan pendidikan. Saya ingin bertanya, daripada persahabatan dua hala ini dan persetujuan dalam rangka lawatan pemimpin negara itu, pertama adakah Kerajaan Mauritius telah bercadang untuk membeli bahan komoditi daripada negara ini dan jenis apakah komoditi itu? Kedua, apakah komoditi daripada negara Mauritius yang berkemungkinan negara kita akan mendapat faedah?

**Dato' Dr Abdullah Fadil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah perdagangan Malaysia-Mauritius bagi tahun 1987 bernilai M\$17 juta dan daripada ini 90% ialah eksport Malaysia ke Mauritius. Maknanya, imbangkan perdagangan adalah menguntungkan kita. Dan barang-barang yang dieksport kepada Mauritius berbagai-bagai daripada segi barangan eksport mahupun hasil-hasil semula jadi Malaysia seperti

getah, kelapa sawit, timah dan barangan yang lain-lain yang mana mendapat pasaran di Mauritius. Bahan-bahan yang dibawa daripada Mauritius terhad hanya 10% daripada \$17 juta yang saya sebut sebentar tadi. Dan bahan itu merupakan bahan-bahan makanan yang mana datangnya daripada lawatan yang ada di sekitar Mauritius.

#### HOSPITAL BESAR PULAU PINANG—MENAMBAH BANGUNAN

**4. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah tindakan akan diambil berkaitan dengan projek-projek yang telah lama diabaikan bagi menambah satu lagi bangunan di Hospital Besar Pulau Pinang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr Ting Chew Peh):** Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Kesihatan telah memberi keutamaan untuk melaksanakan projek Blok Perkhidmatan Pusat Hospital Besar Pulau Pinang. Pembinaan projek itu dijangka akan bermula pada bulan April tahun ini dan dijangka siap menjelang tahun 1991.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hashim bin Safin.

*(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Hashim bin Safin tidak hadir).*

#### PROJEK LEBUHRAYA UTARA SELATAN (PLUS)— MODAL BERBAYAR

**6. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

(a) berapakah modal berbayar Projek Lebuhraya Utara Selatan Berhad (PLUS) dan

- beberapa banyak ia telah dikumpulkan sehingga kini bagi projek lebuh raya utara selatan;
- (b) berapa banyak pinjaman akan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada PLUS bagi projek lebuh raya utara selatan dan apakah syarat-syarat pinjaman;
- (c) sejak PLUS mengambil alih pengurusan operasi dan penyenggaraan Lebuh raya Utara Selatan daripada Lembaga Lebuh raya Malaysia pada 30hb November, 1988, berapa banyak kutipan tol telah dibuat setakat ini dan apakah pembaikan telah dibuat kepada Lebuh raya Utara Selatan;
- (d) bilakah PLUS berupaya melakukan kerja ke atas pelbagai projek lebuh raya yang diserahkan tugas dan apakah kemajuan yang dibuat setakat ini; dan
- (e) dengan peranan yang dimainkan oleh PLUS masih adakah tugas-tugas lain yang dilakukan oleh Lembaga Lebuh raya dan adakah lembaga menjadi pertindikan.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) Syarikat projek Lebuh raya Utara—Selatan Berhad atau PLUS Bhd. mempunyai modal berbayar sebanyak \$50 juta.
- (b) Kerajaan memberi pinjaman sejumlah \$1,650 juta kepada Syarikat PLUS Bhd. Di antara syarat-syarat yang dikenakan ke atas pinjaman tersebut ialah jumlah pinjaman itu akan drkeluarkan dalam 10 ansuran tahunan. PLUS Bhd. dikehendaki membayar balik pinjaman ini dalam 21 tahun atau 21 ansuran tiap-tiap

setengah tahun, mulai tahun ke-15, dari tarikh pengeluaran pertama pinjaman. Kadar faedah yang dikenakan adalah sebanyak 8% setahun dan pinjaman ini hanya boleh digunakan semata-mata untuk membiayai kos pembinaan Lebuh raya ini sahaja.

- (c) Sejak PLUS Bhd. mengambil alih Lebuh raya Utara-Selatan daripada Lembaga Lebuh raya Malaysia pada 30hb. November, 1988, jumlah tol yang telah dikutip sehingga 28hb Februari, 1989 ialah sejumlah \$16.39 juta. Di antara kerja-kerja pembaikan dan perkhidmatan yang telah dibuat oleh PLUS Bhd. ialah seperti berikut:
- (i) khidmat bekerja "PLUS Services" yang beroperasi selama 24 jam sehari, dilancarkan untuk meronda, membantu dan menjaga keselamatan pengguna-pengguna Lebuh raya;
- (ii) khidmat telefon "PLUS line" 24 jam sehari juga disediakan untuk pengguna-pengguna Lebuh raya berhubung terus dengan Ibu Pejabat PLUS Bhd. melalui talian telefon Nombor 03-2915020;
- (iii) kerja-kerja menambah 5 lorong tol di Plaza Tol Sungai Besi sedang dilaksanakan bagi mengurangkan kesesakan lalulintas, terutama di hujung minggu. Kerja-kerja tersebut dijangka siap dalam bulan Jun 1989 ini;
- (iv) buku maklumat pengguna-pengguna Lebuh raya telah diedarkan untuk memberikan

maklumat mengenai PLUS Bhd. dan juga projek Lebuhraya Utara-Selatan, yang juga mengandungi peta-peta lengkap jalanraya bagi kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Buku tersebut bukan sahaja sebagai panduan menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan sahaja, tetapi juga untuk membolehkan orang ramai menjelajah ke kawasan-kawasan lain di sepanjang kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

- (d) PLUS Bhd. sedang menjalankan kerja-kerja pembinaan Lebuhraya mengikut perjanjian konsesi projek. Projek pertama telah dilancarkan pada 28hb Oktober 1988, iaitu pembinaan pakej pertama dan kedua Lebuhraya ekspresway Lembah Klang Baru. Selain daripada itu, kerja-kerja pembinaan juga akan dimulakan di Lebuhraya Gurun ke Sungai Petani, Lebuhraya Pagoh ke Yong Peng Selatan dan juga Lebuhraya Butterworth ke Taiping yang dijangka akan dilaksanakan dalam tahun 1989 ini.
- (e) Walaupun Lebuhraya Utara Selatan telah diswastakan kepada Syarikat PLUS Bhd. Lembaga Lebuhraya Malaysia masih mempunyai peranan penting dalam melaksanakan kerja-kerja pengawasan am dan pemcriksaan kerja-kerja yang dilakukan oleh PLUS Bhd. dari peringkat merekabentuk, pembinaan, operasi dan kerja-kerja penyelenggaraan Lebuhraya tersebut. Selain daripada itu, LLM juga membantu Kerajaan untuk menentukan sejumlah pinjaman yang diberikan

kepada PLUS Bhd. itu dibelanjakan dengan betul dan mengikut tujuan sebenarnya. Olch yang demikian, tiada berlaku sebarang pertindihan tugas di antara PLUS Bhd. dengan tugas-tugas atau peranan yang dimainkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Di samping tanggungjawab yang telah dinyatakan, LLM juga masih bertanggungjawab menguruskan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dan juga Jambatan Pulau Pinang.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Soalan tambahan. Dari jawapan Yang Berhormat Menteri bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu dari pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan kepada PLUS Bhd. sebanyak \$1,650 juta, bolehkah beliau memberitahu apakah jaminan atau collateral yang diberikan oleh PLUS kepada Kerajaan dan macam mana cara loan itu akan diservicekan oleh PLUS itu?

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi saya telah menerangkan berkenaan dengan bayaran balik dan bilakah dan berapakah akan dapat balik.

Berkenaan dengan jaminan yang telah diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya telah menjelaskan perkara ini beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini, perjanjian-perjanjian di antara PLUS Bhd atau United Engineers Bhd mempunyai beberapa syarat. Bukan syarat itu sahaja, apabila kita mengeluarkan apa-apa peruntukan daripada pinjaman yang disediakan kepada PLUS Bhd. akan disahkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan juga Kementerian Kewangan, barulah Kementerian Kerjaraya boleh mengeluarkan apa-apa peruntukan kepada mereka dan juga PLUS Bhd. tidak boleh apabila sahaja mereka

mahu apa-apa peruntukan boleh memohon kepada kita atau sesiapa. Permohonan itu disampaikan kepada LLM, selepas itu akan disiasat oleh sebuah jawatankuasa, jika jawatankuasa itu berpuas hati, barulah sahaja kita akan memberikan pinjaman itu mengikut dengan jadual yang telah ditetapkan dalam kontrak yang kita tandatangani dengan PLUS Bhd.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Tuan Yang di-Pertua, berapa banyak tol-tol di lebuh raya yang dibina tetapi dipakai atau dimusnahkan serta berapakah jumlah kos kerugian yang terlibat. Itu soalan saya yang pertama.

Soalan yang kedua, apakah jaminan Kementerian untuk memastikan perkara yang sedemikian rupa tidak berlaku di masa akan datang dalam mana-mana bentuk kerugian.

**Dato' S. Samy Vellu:** Saya minta Ahli Yang Berhormat ulang balik, saya tak dengar apakah kandungan soalan itu. (*Ketawa*)

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Soalan saya yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, berapa banyakkah tol-tol di lebuh raya yang dibina tetapi tidak digunakan ataupun dirobohkan termasuklah plaza tol dan termasuklah kos-kos yang terlibat, bermaknanya kerugian kos yang terlibat.

Kedua, apakah jaminan Kementerian untuk memastikan sebarang pembaziran kos tidak akan berlaku di masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab kedua-dua soalan dari Ahli Yang Berhormat itu, apabila kita mulakan kutipan tol di Jalan Seremban-Kuala Lumpur atau Kuala Lumpur-Seremban iaitu satu sistem yang terbuka dan hari ini kita

mempunyai sistem baru iaitu sistem yang tertutup oleh kerana itu plaza tol dan stesyen-stesyen yang telah kita bina sejak beberapa tahun ini mesti dirobohkan kerana kita tak boleh simpan di sana. Itu bukan berertinya diambil kira sebagai kerugian telah dilakukan oleh LLM. Jadi dalam proses pembinaan ini kita mesti menubuhkan beberapa tempat, membuka beberapa plaza, mendirikan beberapa bangunan mengikut dengan jadual dan juga merobohkan beberapa bangunan apabila sampai masanya. Ini semua termasuk dalam satu rangkaian, satu sistem untuk menjalankan dan juga untuk mendapatkan satu rangkaian terus daripada Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru.

Hari ini kita mempunyai rangkaian dari Bukit Kayu Hitam ke Gurun iaitu sistem terbuka, bukan sistem tertutup. Mengapakah kita mempunyai sistem terbuka di situ oleh kerana kita belum menyiapkan semua rangkaian jalan. Apabila kita menyiapkan semua rangkaian jalan, saya percaya tidak ada perobohan bangunan seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Satu lagi bangunan yang kita telah membina dan dirobohkan iaitu di Jalan Kuching atas permintaan rakyat jelata dan juga atas permintaan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberikan faedah kepada mereka dan faedah kepada rakyat jelata. Saya nampak mengenakan tol di Jalan Batu itu tidak begitu sesuai dan kita telah memberikan sedikit gantirugi iaitu \$300,000 kepada syarikat itu. Pada hari ini semua sudah selesai. Saya percaya tidak ada gantirugi seperti itu diberikan kepada sesiapa pun lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir).

### KBSM—PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN

**8. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Pendidikan menyatakan perkembangan dan kemajuan rancangan KBSM sejak dilancarkan dan permasalahan yang dihadapi. Adakah Kerajaan betul-betul yakin bahawa KBSM boleh mencapai objektif pendidikan terutama dari segi sebagai satu alat yang paling berkesan untuk mencapai perpaduan kaum di samping melengkapkan dan menyediakan satu-satu kemahiran kepada generasi masa hadapan dalam pasaran tenaga buruh yang lebih mencabar.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 1988.

Walau bagaimanapun, pada tahun lalu pelaksanaan KBSM ini terhad kepada empat program bahasa iaitu Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil di Tingkatan I dan di Kelas Peralihan. Jadi, pada tahun ini KBSM telah dilaksanakan dengan sepenuhnya di Tingkatan I dan di Kelas Peralihan.

Berikutan daripada pelaksanaan KBSM pada awal tahun ini, beberapa masalah telah timbul, terutamanya di segi kemudahan bilik darjah dan pengangkutan pelajar. Hal-hal ini timbul kerana jadual waktu perlu dilanjutkan keluar daripada jadual waktu biasa atau jadual yang lama. Derigan kerjasama semua pihak, pada keseluruhannya pada masa ini masalah-masalah seperti ini adalah boleh dikatakan terkawal.

Dari segi matlamatnya pula, KBSM berhasrat untuk menghasilkan manusia dan juga warganegara yang baik. Rakyat yang baik ini memiliki ilmu pengetahuan, boleh berfikir, memiliki kemahiran, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan mementingkan perpaduan. Nilai-nilai murni yang akan diajar merentas kurikulum atau semua matapelajaran memang menekankan kepada perpaduan. Di samping itu, kemahiran-kemahiran asas yang akan dibekalkan memang bertujuan untuk membolehkan pelajar-pelajar kita menghadapi dan menycuaikan diri mereka dengan keperluan-keperluan semasa dan juga masa hadapan. Kementerian pendidikan yakin KBSM dapat menyediakan pelajar yang lebih berkualiti untuk memenuhi objektif tersebut.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam KBSM ini berapakah bilangan pelajar di dalam satu kelas yang dianggarkan sesuai untuk KBSM itu dan setakat ini berapakah guru yang telah dilatih untuk mengajar KBSM ini di dalam empat matapelajaran itu. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan kalau tidak dengan bilangan yang tepat, peratusannya ataupun langkah-langkah yang diambil untuk melatih guru-guru tersebut.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah murid dalam sebuah bilik darjah itu tidak berubah dengan yang telah diletakkan dalam Surat Pekeliling Kementerian Pendidikan dan untuk soalan tambahan kedua Ahli Yang Berhormat itu tadi, bahawa persediaan tenaga pengajar dan pendidik untuk program KBSM ini memanglah disediakan dan telah dijalankan menerusi di mana untuk memperkenalkan lebih dekat dan untuk menyediakan pendidik-pendidik yang sedia ada dalam

perkhidmatan, kita mengadakan kursus-kursus insentif dan juga kursus yang menekankan dan memperkenalkan mereka kepada KBSM yang baru ini.

**Tuan Zubir bin Embong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Pendidikan dengan usaha dan cita-cita besar KBSM untuk melahirkan warganegara yang baik. Saya ingin bertanya kalau hanya dengan cita-cita besar dan juga kandungan KBSM ini sahaja, ia mungkin tidak dapat dipenuhi kalaulah guru-guru tidak menghayati cita-cita besar ini oleh kerana ada di kalangan guru-guru menyebut bahawa KBSM itu merupakan satu singkatan kata: "KERJA BERAT SAMPAI MATI". Ini menggambarkan satu protes terhadap cita-cita besar dan tidak menggambarkan bahawa suatu penghayatan di kalangan guru-guru. Saya ingin mendapat penjelasan apakah tindakan serta program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan untuk menjadikan guru-guru ini terlebih dahulu menghayati KBSM sebelum hanya diterapkan kepada pelajar-pelajar. Kalau ianya telah diambil tindakan, sejauh manakah kesan-kesan yang telah diperolehi oleh kerana baru sebentar tadi Timbalan Menteri menyebut bahawa masalah guru itu di bawah kawalan. Ini menunjukkan satu masalah yang besar.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat masalah yang saya sebutkan tadi bukan termasuk dalam bidang pendidik tetapi golongan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu kalau dibandingkan dengan tenaga pendidik yang kita ada, yang ada sekarang yang sedia menghadapi cabaran-cabaran dalam bidang pendidikan dan pembangunan pendidikan di negara kita memang membanggakan. Tetapi golongan yang

kecil ini memang ada kerana bila kita mengadakan satu program yang baru memang ada juga orang yang tidak senang menerima kerana kadang-kadang bukan sebab yang besar tetapi sebab-sebab yang remeh-temeh.

Jadi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kursus-kursus intensif yang kita sediakan di Pusat Kurikulum dan juga di peringkat negeri untuk mengenalkan guru-guru yang berkhidmat ini untuk memahami tujuan-tujuan dan juga matlamat dan objektif serta strategi-strategi yang telah kita sediakan untuk menyediakan satu pencapaian pendidikan yang kita telah sediakan dan juga telah letakkan sebagai satu matlamat dari segi arah pendidikan kita,

Jadi, masalah yang sebenarnya yang saya telah katakan tadi kebanyakannya timbul dan segi pengubahsuaian cara di peringkat kawasan-kawasan sekolah di mana dan segi kekurangan bilik darjah, di mana tempatnya sudah sesak dan juga dari segi pengangkutan yang pada masa kami adalah diselesaikan dan diperbincangkan di antara pihak-pihak yang terlibat di peringkat negeri dan juga sokongan dari ibubapa yang ingin sama-sama mencapainya supaya kejayaan program ini dapat dicapai.

#### GRADUAN ORANG ASLI— PENGANGGURAN

**9. Dr Tan Seng Giaw** minta Menten Dalam Negeri menyatakan usaha-usaha yang sedang dibuat untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan graduan Orang Asli, khasnya peluang-peluang pekerjaan mendidik anak-anak Orang Asli di kampung-kampung mereka atau mengurus sendiri projek-projek pemangunan malahan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Jika tidak ada usaha-usaha sedemikian, mengapa.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan memang ada menjalankan masalah pengangguran di kalangan graduan Orang Asli. Antaranya termasuklah memberi peluang pekerjaan sebagai guru kelas bimbingan di asrama-asrama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, dan tenaga pengajar pra-sekolah di TABIKA-TABIKA Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Selain daripada itu mereka juga diberi peluang menyertai kursus-kursus seperti pertanian dan ternakan supaya mereka boleh berusaha untuk berdikari. Di samping itu Kerajaan juga telah memperkenalkan industri-industri kecil di perkampungan Orang Asli di mana tenaga penggerakannya adalah terdiri dari graduan-graduan penganggur yang telah menyertai kursus keusahawanan.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah Orang-orang Asli di Semenanjung? Soalan saya yang kedua, berapakah jumlah penuntut Orang Asli di peringkat rendah, menengah dan juga di universiti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak minta notis? Adakah figure kenyataan itu?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Boleh cubalah juga Tuan Yang di-Pertua. Jumlah Orang Asli mengikut banciaan dibuat tahun ini lebih kurang 70,000 orang dan dijangka akan meningkat 72,000 orang pada tahun 1990. Jumlah penuntut-penuntut di sekolah rendah ialah lebih kurang 10,000 orang; sekolah menengah 1,600 orang dan jumlah mahasiswa Orang Asli di universiti tempatan ialah seramai 46 orang dan mahasiswa di luar negeri ialah 2 orang.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada dua soalan besar di sini. Yang pertama berapakah jumlah Orang Asli yang bekerja dengan Kerajaan dan jumlah Orang Asli yang bertugas di Jabatan Orang Asli. Yang keduanya berdasarkan kepada jawapan ini saya rasa mestilah kurang. Apakah Yang Berhormat sedar tentang kekurangan yang didapati ini dan adakah cara-cara lain untuk menambahkan pekerjaan kepada mereka seperti menambahkan seorang lagi Senator ataupun Ahli Parlimen untuk mewakili Orang Asli ini di Malaysia? Dan apakah Yang Berhormat sedar bahawa soalan ini walaupun tidak berkaitan tetapi dia amat tepat dituju; terdapat pembalakan-pembalakan dan juga pemburu-pemburu yang mengambil kesempatan menggunakan wanita Orang Asli untuk melepas perasaan semasa mereka masuk ke hutan-hutan. (*Ketawa*) Perkara ini berlaku dan saya boleh memberi bukti kalau Yang Berhormat hendak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang kemudian itu, rasa saya terpesong langsung daripada soalan asal. (*Ketawa*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jumlah Orang-orang Asli yang bertugas dengan Kerajaan pada hari ini ialah 2,242 orang iaitu:

Kategori A	—	5 orang;
Kategori B	—	16 orang;
Kategori C	—	56 orang;
Kategori D	—	2,175 orang.

Bilangan Orang Asli yang berkhidmat di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pula ialah:

Kategori B	—	2 orang;
Kategori C	—	33 orang;
Kategori D	—	358 orang;

JUMLAH	..	<u>393 orang</u>
--------	----	------------------

Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, soalan yang keempat itu kalau boleh bukti-bukli saya cukup berminat untuk mengetahui. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Samson Chin Chee Tsu.

(*Soalan No. 10 Y.B. Tuan Samson Chin Chee Tsu tidak hadir.*)

### PERJANJIAN UDARA MALAYSIA-CHINA

**11. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kedudukan persetujuan yang dicapai oleh Malaysia dan China untuk mengadakan penerbangan di antara kedua-dua negara. Bilakah Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) membuat penerbangan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dan Republik Rakyat China (RRC) telah menandatangani ringkas satu Perjanjian Udara pada Jun, 1988. Perjanjian ini membolehkan syarikat-syarikat penerbangan kebangsaan kedua-dua negara mengadakan perkhidmatan udara berjadual di antara Malaysia dan Republik Rakyat China.

Berhubung dengan perkhidmatan penerbangan MAS ke Republik Rakyat China, ingin saya memaklumkan bahawa MAS telah membuat perancangan untuk mengadakan perkhidmatan berjadual sekali seminggu ke Republik Rakyat China. Pelaksanaan perkhidmatan berjadual ini akan dibuat selepas Perjanjian Udara ditandatangani dengan rasminya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada

negara Malaysia ada rundingkan dengan Republik Rakyat China selain daripada membolehkan penerbangan MAS mendarat di Guangzhou, sama ada kota raya lain misalnya Shanghai dan Beijing akan dimasukkan ke dalam jadual untuk membolehkan penerbangan MAS mendarat.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perjanjian Udara antara Malaysia dengan Republik Rakyat China, syarikat-syarikat penerbangan kedua-dua negara berkenaan adalah diberi hak trafik iaitu MAS boleh mengadakan penerbangan sebanyak 3 kali seminggu di antara Malaysia dengan RRC. MAS boleh mengadakan penerbangan ke dua tempat iaitu di Beijing dan satu lagi tempat mengikut pilihan, misalnya Canton. Bagi Civil Aviation Administration of China iaitu syarikat penerbangan kebangsaan Republik Rakyat China, penerbangan sebanyak 3 kali seminggu di antara RRC dan Malaysia dan CAAC boleh mengadakan penerbangan ke dua tempat di Malaysia iaitu yang pertama Kuala Lumpur dan satu lagi tempat mengikut pilihannya iaitu seperti Pulau Pinang atau Kota Kinabalu atau Kuching.

### REAKTOR TENAGA NUKLEAR

**12. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sesudah negara mempunyai Pusat Tenaga Atom di Bangi, adakah Kerajaan berfikir bahawa munasabah pula negara mempunyai reaktor tenaga nuklear bagi memajukan sains di negara ini;
- (b) adakah sikap negara terhadap adanya usaha pihak yang memiliki bahan nuklear yang cuba membuang sisa bahan nuklear itu di laut antarabangsa

yang kesannya boleh mengancam makhluk bernyawa di sekitar kawasan pembuangan itu;

- (c) sejauh manakah Kerajaan telah dapat menyedarkan rakyat di negara ini tentang baik dan buruknya bahan dan sisa nuklear.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman); Tuan Yang di-Pertua:**

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua jenis reaktor nuklear iaitu reaktor penyelidikan dan satu lagi reaktor janakuasa. Reaktor penyelidikan kebiasaannya mempunyai kuasa kurang daripada 30 megawatt terma, sementara reaktor janakuasa elektrik mempunyai kuasa lebih dari 2,000 megawatt terma dan khusus digunakan untuk penjanaan elektrik. Buat masa ini, Malaysia hanya mempunyai reaktor penyelidikan sahaja iaitu yang terletak di Unit Tenaga Nuklear (UTN), Kompleks PUSPATI di Bangi. Reaktor tersebut mempunyai kuasa Satu megawatt terma sahaja dan digunakan semata-mata untuk tujuan penyelidikan.

Pada masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk menjanakan elektrik dari sumber nuklear memandangkan kita mempunyai banyak pilihan dari sumber-sumber lain seperti gas, minyak, hidro dan arang batu. Ini adalah sesuai dengan Polisi Empat Bahanapi yang diamalkan oleh negara kita di mana sumber tenaga utama ialah gas, minyak, hidro dan arang batu, kuasa nuklear hanya merupakan pilihan yang terakhir.

- (6) Kerajaan memandang berat dan bertindak tegas terhadap pembuangan sisa-sisa buangan ke dalam perairan Malaysia. Ini jelas dinyatakan di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Seksyen 29, serta Seksyen 26 Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984.

Di peringkat antarabangsa pula, Malaysia telah menandatangani persetujuan untuk menerima "Convention on the Prevention of Marine Pollution by Dumping of Wastes and Other Matters", dengan izin, atau lebih dikenali sebagai "London Dumping Convention", dengan izin. Kerajaan (Kementerian Pengangkutan) sedang mengambil langkah-langkah perlu untuk meratifikasi konvensyen tersebut.

Dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan seperti yang tersebut di atas, jelas menunjukkan bahawa negara memandang berat dan tidak membenarkan malah menentang pembuangan sisa dengan sewenang-wenangnya, khususnya di perairan Malaysia. Ini merangkumi semua jenis sisa sama ada sisa beracun atau bahan nuklear. Dengan pendirian ini, bererti Kerajaan juga menentang pembuangan sisa-sisa tersebut di perairan antarabangsa.

- (c) Kerajaan sedar bahawa soal penerimaan masyarakat mengenai satu-satu teknologi baru adalah penting dalam sesebuah negara berdemokrasi di mana pendapat-pendapat serta sentimen-sentimen masyarakat selalu diambil kira. Ini terutamanya mengenai teknologi yang boleh

menimbulkan salah faham atau selalu dirangkaikan dengan penggunaan untuk ketenteraan seperti teknologi nuklear.

Bagi menyedarkan masyarakat umum mengenai kebaikan dan keburukan bahan dan sisa nuklear, ianya harus dilihat kebaikan dan keburukan teknologi nuklear bagi tujuan keamanan secara menyeluruh. Untuk itu, Kerajaan, khususnya Unit Tenaga Nuklear, telah mengadakan seminar, kursus, ceramah dan pameran untuk orang ramai di tempat-tempat tertentu. Di samping itu, UTN juga menerima lawatan-lawatan yang dibuat oleh orang-orang awam, murid-murid sekolah, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi, badan-badan profesional serta agensi-agensi Kerajaan atau swasta ke makmal-makmal UTN termasuk ke Pusat Rawatan Sisa di unit itu. Pusat tersebut mempunyai kemudahan khusus untuk mengurus dan memproses sisa-sisa bahan radioaktif berbahaya pendek dan berparas rendah. Sisa-sisa tersebut adalah hasil dari aktiviti-aktiviti penyelidikan yang dijalankan di makmal-makmal Kerajaan atau swasta.

Walau bagaimanapun, Malaysia tidak memproses sisa-sisa nuklear iaitu sisa radioaktif yang berbahaya panjang dan berparas tinggi yang kebiasaannya yang dihasilkan dari pemrosesan semula bahanapi nuklear.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat bukan pakar nuklear tetapi saya ingin bertanya soalan yang ada hubungan, iaitu apakah Yang Berhormat sedar bahawa walaupun perang nuklear

belum lagi berlaku tetapi peperangan menggunakan sisa bahan nuklear ini sekarang sedang berlaku iaitu dengan pembuangan bahan-bahan ini di laut menyebabkan hidupan di laut akan terkena bahan yang berkenaan dan ikan-ikan itu kita makan dan akhirnya kita pula akan mendapat kesan.

Apakah Yang Berhormat sedar bahawa kapal yang kononnya berlayar dua tahun dan cuba hendak membuang sisa nuklear di mana-mana tempat pun tidak dapat, adalah dibuktikan bahawa apabila kapal itu pulang ke pangkalannya kapal itu kosong, tidak ada lagi bahan nuklear. Adakah disyaki ia membuang bahan tersebut di perairan antarabangsa Malaysia. Apakah ini benar dan kalau benar, apakah hubungannya dengan perusahan laut dalam?

Kedua, dahulu Yang Berhormat berjanji untuk menswastakan pembuangan sisa dan juga usaha-usaha untuk menyedarkan rakyat mengenai bahayanya sisa nuklear dan juga bahan-bahan sisa elektronik. Tetapi sampai sekarang kita belum lagi mendapat maklumat mengenai perkara tersebut dan saya ingin tahu di manakah bahan-bahan itu sekarang disimpan dan adakah ianya disimpan secara curi-curi atau di simpan di mana-mana tempat?

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua,

pertamanya, Kerajaan sentiasa bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan sama ada di dalam atau di luar negeri. Dengan cara menjalankan usaha-usaha untuk memastikan supaya regulasi yang telah ada dapat melalui Atomic Licensing Board, dengan izin, boleh mengawal atau menyelia perkara-perkara yang bersabit dengan pembuangan sisa-sisa ini yang boleh menjejaskan perairan terutamanya yang dekat dengan kita. Kes yang dibangkitkan oleh Yang

Berhormat mengenai kapal-kapal ini, kalaulah perkara itu benar dan ada buktinya, maka perlulah disampaikan kepada pihak berkuasa supaya tindakan dapat diambil oleh pihak PUSPATI.

Kedua, tentang perkara pen-swastaaan pembuangan sisa-sisa ini belum lagi ada keputusan dan kalau adapun mungkin akan disampaikan oleh pihak yang berkenaan. Namun demikian, mengenai usaha-usaha untuk menyedarkan rakyat tentang kepentingan ataupun bahaya dan sebagainya, seperti yang telah saya terangkan tadi bahawa ada berbagai bentuk latihan, pendedahan, ceramah yang dijalankan dan juga latihan-latihan atau aktiviti-aktiviti bersama yang telah dijalankan oleh pihak UTN dengan jabatan-jabatan atau agensi-agensi di dalam dan di luar negeri melalui lawatan ataupun hubungan kerjasama dengan pegawai-pegawai di luar negara.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:**

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat ada menyatakan bahawa PUSPATI ada menjalankan satu bentuk reaktor sahaja iaitu reaktor penyelidikan yang menggunakan satu megawatt terma. Saya ingin tahu apakah bentuk penyelidikan yang dijalankan dan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menambahkan satu megawatt terma ini kepada angka yang lebih tinggi kerana ianya boleh dicapai kepada 30 megawatt terma memandangkan kegunaan dan juga perkembangan negara hari ini adalah meningkat.

Soalan saya yang kedua, iaitu disebutkan tadi bahawa reaktor elektrik tidak diguna atau tidak mahu diperkenalkan di Malaysia sedangkan kegunaan elektrik adalah begitu nyata pentingnya. Bolehkah diberikan alasan-alasan tidak menggunakan reaktor tersebut dan apakah pihak

Kementerian mempunyai cadangan-cadangan untuknya atau mewujudkannya di satu hari nanti.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji**

**Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, di antara lain, hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan adalah menghasilkan radio isotop untuk penyelidikan dan penggunaan dalam bidang-bidang seperti perubatan, pertanian dan perindustrian serta digunakan sebagai alat dalam penganalisa bahan-bahan. Kita harus menyedari bahawa tujuan Kerajaan mendirikan kemudahan-kemudahan reaktor penyelidikan seperti ini adalah untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dalam semua aspek bukan sahaja penggunaan sains tetapi juga pembangunan teknologi yang mana diharapkan akan membawa hasil dari segi ekonomi dan dengan itu dapat memberi pengertian serta kefahaman masyarakat bagi berhadapan dengan dunia sains dan teknologi yang penting bagi meningkatkan taraf ekonomi negara dan rakyat.

Pilihan lain, Kerajaan akan memberi pertimbangan kepada pandangan Yang Berhormat mengenai kemungkinan untuk meningkatkan kuasa ke taraf yang lebih tinggi. Mengenai soalan ketiga, iaitu apakah Kerajaan ada mempunyai cadangan untuk menggunakan kuasa reaktor ini untuk tujuan menjana elektrik, Kerajaan tidak bercadang dan mungkin tidak membuat pilihan ini memandangkan bahawa kita mempunyai banyak pilihan-pilihan dari sumber-sumber lain sepertimana yang kita sedia maklum seperti gas, minyak haidro dan arang batu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar.

*(Soalan No. 13 Y.B. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar tidak hadir).*

## SYIAR ISLAM

**14. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan Syiar Islam selaras dengan Perlembagaan Negara yang meletakkan Islam sebagai Agama Rasmi dan sejauh mana usaha itu dapat dilakukan melalui Dasar Ekonomi Baru yang sedang dirancang untuk tahun-tahun akan datang.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkat syiar Islam, Kerajaan mengambil langkah-langkah yang berbentuk pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal. Secara formal ialah melalui sistem pendidikan di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan yang lain. Secara tidak formal ialah dengan menyebarkan kesedaran Islam di kalangan rakyat yang beragama Islam melalui ceramah-ceramah dan penerangan-penerangan agama dengan menggunakan berbagai-bagai media melalui institusi-institusi Kerajaan.

Usaha-usaha menegakkan syiar Islam melalui Dasar Ekonomi Baru amat jelas disokong oleh Kerajaan berasaskan matlamat dan strategi Dasar Ekonomi Baru itu sendiri. Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dasar Ekonomi Baru digubal dengan hasrat untuk mencapai perpaduan di kalangan rakyat berbilang bangsa di negara ini. Bagi tujuan ini, strategi-strategi dan program-program Dasar Ekonomi Baru telah diarahkan untuk menghapuskan ciri-ciri ketidakseimbangan ekonomi antara mereka serta meningkatkan taraf hidup kumpulan-kumpulan rakyat yang telah ketinggalan dalam proses pembangunan. Pada hemat Kerajaan dengan meningkatnya taraf hidup dan kedudukan ekonomi semua golongan rakyat yang berbilang kaum, maka

semakin teguhlah asas-asas syiar Islam yang diamalkan oleh negara kita. Sesungguhnya Kerajaan berhasrat untuk meneruskan usaha-usaha murni ini di tahun-tahun akan datang dengan lebih sempurna lagi selaras dengan ajaran-ajaran dan syiar Keislaman seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara kita dengan kerjasama seluruh rakyat di negara kita ini.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya ataupun cadangkan, di dalam Dewan Rakyat kita ini tiap-tiap kali kita mengadakan permulaan kita mengadakan bacaan doa dan tidakkah pihak Kerajaan bercadang supaya diadakan bacaan doa tiap-tiap pagi sebelum bekerja di Jabatan-jabatan Kerajaan. Ini rasa saya amat penting. Selain daripada itu, kita dapat mengelakkan daripada pekerja-pekerja menyalahgunakan kuasa ataupun sebagainya sebab kita sudah berdoa dan berikrar kepada Allah subhanahuwata'ala. Adakah cadangan?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu cadangan yang baik dan ada setengah-setengah Jabatan Kerajaan telah pun memulakan amalan ini. Ini terpulanglah kepada Jabatan masing-masing untuk mengamalkan seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah perkembangan judi yang berlaku yang heboh dalam suratkhbar dan dalam Parlimen baru-baru ini merupakan satu usaha daripada Kerajaan untuk meningkatkan syiar-syiar Islam. Kalau tidak, mengapakah perkara itu merupakan satu galakan daripada pihak yang berkenaan?

Yang keduanya, adakah Kerajaan sedar Dasar Ekonomi Baru yang telah gagal dan akan disambung dengan rancangan baru MPEN adalah dasar ekonomi yang tidak menjurus ke arah pembentukan akhlak dan moral. Kalau sekiranya Kerajaan sedar, apakah Kerajaan akan mengambil perhatian?

Yang ketiga—satu lagi. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti Yang Berhormat! Dua sahaja cukuplah,

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Takut tak boleh jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama Kerajaan memang sedar dan Kerajaan tidak pernah menggalakkan orang Islam untuk bermain judi. Usahanya sekarang ialah seharusnya orang-orang seperti Yang Berhormat dan orang-orang lain yang beragama Islam menjelaskan kepada masyarakat umum tentang haram kita bermain judi. Kita tidak pernah menggalakkan soal judi. Sebenarnya yang dihebohkan itu soal 30 tahun dahulu tetapi dihebohkan sekarang oleh setengah-setengah orang yang cuba untuk mencari kesempatan untuk memancing kemenangan bagi diri masing-masing. Itu takrif dan kita telah tahu kesemuanya.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan menolak sama sekali tentang kegagalan Dasar Ekonomi Baru. Kita tidak menerima bahawa Dasar Ekonomi Baru itu telah gagal. Sebenarnya Dasar Ekonomi Baru telah pun berjaya setakat ini dan diterima umum sebagai satu kejayaan. Nampaknya Ahli Yang Berhormat ini tidak sedar dan tidak faham tentang Dasar Ekonomi Baru yang akan dilaksanakan selepasnya. MPEN bukan Dasar Ekonomi Baru yang akan dilaksanakan selepas 1990. MPEN itu

satu majlis perbincangan, perundingan yang mana Ahli PAS pun mengambil bahagian di dalam perbincangan ini. Inilah yang kita harapkan sekarang semoga wakil-wakil PAS di dalam MPEN ini akan memberi jurusan akhlak yang mulia untuk Dasar Ekonomi Baru. Inilah harapan kita bahawa asas ini kalau kita hendak tengok hebat atau tidak wakil-wakil MPEN dari PAS ini untuk menjelaskan atau memberi penerangan kepada MPEN bagi kita laksanakan Dasar Ekonomi Baru yang menjurus kepada pembentukan akhlak seperti yang diidam-idamkan oleh Yang Berhormat.

#### **JALANRAYA SIMPANG LUBOK ANTU—HYDRO BATANG AI**

**15. Tuan Jawah Anak Gerang** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) bilakah Jalanraya Persekutuan dari Simpang Lubok Antu ke Hydro Batang Ai, Lubok Antu akan diturap; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan memberi tambahan peruntukan kewangan lagi kepada Anggaran Pembangunan tahun 1989 iaitu \$1.5 juta untuk maksud-maksud ini memandangkan keperluan jalan ini untuk penduduk-penduduk di Sarawak.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jalanraya dari Simpang Lubok Antu ke Hydro Batang Ai adalah Jalan Persekutuan. Jalan tersebut telah tidak disenaraikan sebagai projek jalanraya yang diberikan keutamaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sememangnya bercadang untuk mengtarkan jalan tersebut dan kerja-kerja itu telah dicadangkan untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Keenam yang akan datang sahaja.

- (b) Peruntukan tahunan yang disediakan bagi tahun ini yang berjumlah \$500,000 adalah bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan tersebut. Kementerian Kerjaraya berpendapat jumlah itu mencukupi bagi tujuan yang dimaksudkan itu.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bukan orang Sarawak tetapi saya sampai ke Simpang Lubok Antu ke Hydro Batang Ai bersama Ahli-ahli Parlimen dahulu, saya dapati memanglah jalan ini terlalu teruk dan sukar bagi penduduk-penduduk berkenaan untuk berhubungan. Tadi jawapan dari Yang Berhormat Menteri tidak mahu menyenaraikan untuk dijadikan pertimbangan yang utama dan jawapannya adalah akan dimasukkan kepada Rancangan Malaysia Keenam. Saya ingin tahu jawapan dari Yang Berhormat Menteri kalaulah itu yang dijawab apakah perkara-perkara yang patut dilakukan buat sementara sebelum sampai kepada Rancangan Malaysia Keenam ini kerana jalan-jalan demikian terlalu teruk sangat. Kami Ahli-ahli Parlimen yang pergi ke sana semua pun muntah, mabuk-mabuk semua. (*Ketawa*)

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah pergi ke tempat itu lebih awal daripada Ahli Yang Berhormat (*Ketawa*), saya sendiri tahu apakah keadaan jalan itu. Selepas itu juga saya minta Kerajaan Persekutuan untuk mengambilalih jalan-jalan seperti Jalan Persekutuan itu, selepas itu Kerajaan telah memberi \$140 juta pada tahun 1988 dan pada akhir tahun 1989 saya percaya kita boleh juga mendapat lebih peruntukan untuk memperbaiki keadaan jalan-jalan di seluruh negeri Sarawak. Tetapi ini bukan berertinya apabila sahaja Kerajaan Persekutuan mengambilalih 1,200 km jalan, pada hari itu sahaja kita terus mengtarkan jalan, bomoh

pun tak boleh buat itu. (*Ketawa*) Saya minta Ahli Yang Berhormat sabar sedikit. Kita telah mengatur beberapa rangkaian jalan di Sarawak. Saya percaya tidak lama lagi kita akan memulakan kerja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

(*Soalan No. 16 Y.B. Tuan Sun Kwang Yang tidak hadir*),

### MAS—TAMBANG MURAH BAGI PENUNTUT-PENUNTUT

**17. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah MAS bercadang hendak mengadakan tambang murah khas bagi penuntut bagi penerbangan di antara Kuala Lumpur—Los Angeles—Kuala Lumpur memandangkan hampir 20,000 orang penuntut Malaysia yang sedang menuntut di Amerika. Adakah beliau sedar tambang pergi balik yang ada sekarang adalah terlalu tinggi khususnya bagi para penuntut.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya menitikberatkan keperluan kemudahan-kemudahan penumpang dan dalam hal ini juga memberi perhatian kepada keperluan penuntut-penuntut kita yang belajar di luar negeri. Ke arah matlamat ini, pihak MAS telah pun mewujudkan berbagai tambang murah khas untuk kegunaan penuntut-penuntut iaitu pada masa ini tambang penuntut diperolehi pada jalan di antara Amerika Syarikat dan Malaysia dan di antara United Kingdom dan Malaysia. Tambang-tambang murah ini memberi potongan diskaun sebanyak kira-kira 65% daripada tambang penerbangan biasa pada sektor-sektor tersebut.

Kementerian dan MAS juga sedang mengambil langkah untuk mewujudkan tambang-tambang penuntut

ini pada sektor-sektor antarabangsa yang lain khasnya di mana terdapat ramai penuntut-penuntut Malaysia. Bagaimanapun, perlu saya memaklumkan bahawa tambang-tambang khas seperti tambang penuntut ini dikehendaki dirunding dan mendapat kelulusan daripada pihak negara yang berkenaan sebelum ianya boleh dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ada senarai tiap-tiap perjalanan bagi penuntut-penuntut kita di mana tempat-tempat mereka belajar dan balik ke Malaysia, tetapi terlalu panjang. Kalau Yang Berhormat berminat, saya boleh sampaikan satu salinan. Terima kasih.

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri berkenaan bercadang untuk berunding dengan negara berkenaan untuk menurunkan lagi tambang ini untuk faedah penuntut-penuntut yang ada di luar negeri. Terima kasih.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini belum ada cadangan. Sebab pada pendapat kita, yang saya kata senarainya panjang tadi ini, berbagai-bagai tempat dan perjalanan, diskaun-diskaun yang diberi ada yang 56<sup>1</sup>/<sub>2</sub>%, ada yang 61% hingga 68%, ada yang 67% dan pada pendapat kami buat masa ini peratusan-peratusan ini menasabah, diskaunnya sampai 68%. Jadi, kalau dikira tambang itu, agak boleh tahanlah juga.

#### BAYARAN PEMBERIAN KIRAAN KEPALA

**18. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa memandangkan pada hakikat bahawa peruntukan kepala tahunan yang kena dibayar kepada Kerajaan Negeri oleh Kerajaan

Persekutuan adalah berasaskan ke atas kadar melebihi sepuluh tahun lalu dan hakikat bahawa kos-kos telah naik, adakah:

- (a) pihak Kerajaan Persekutuan bersedia untuk menyemak semula perlembagaan untuk menaikkan kadar ini; dan
- (b) sama ada pihak Kerajaan negeri Pulau Pinang ada membuat sebarang permintaan rasmi kepada Kerajaan Persekutuan bagi menambahkan kadar ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar kadar yang digunakan sekarang bagi membuat bayaran bagi pemberian Kiraan Kepala adalah kadar yang telah ditetapkan lebih sepuluh tahun yang lalu. Sungguhpun demikian, perkiraan pemberian ini sebenarnya adalah diasaskan kepada unjuran penduduk bagi sesuatu tahun yang berkenaan dengan berdasarkan kepada banci tahun 1980. Kerajaan Persekutuan sanggup menyemak semula kadar pemberian ini sekiranya asas-asas yang digunakan dalam membuat perkiraan ini telah banyak berubah dan juga kedudukan kewangan negara mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan Persekutuan belum lagi menerima sebarang permintaan rasmi dari Kerajaan negeri Pulau Pinang bagi menaikkan kadar tersebut.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang pernah mengesyorkan bahawa sebahagian daripada cukai jalan yang dibayar oleh penduduk-penduduk disimpan oleh tiap-tiap Kerajaan Negeri dan sekiranya beliau tidak sedar sama ada Kementerian beliau akan menimbang cadangan ini supaya

Kerajaan Negeri dapat peruntukan atau hasil yang menasabah untuk membiayai perbelanjaan ini.

**Tuan Madatang bin Morejal:** (*Bangun*)

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan sedar. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila. (*Ketawa*)

**Tuan Loke Yuen Yow:** Kementerian Kewangan sedar bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang pernah mengesyorkan seperti apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Kerajaan Persekutuan akan mengkaji syor ini dan membuat keputusan yang betul, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan. Cepat, ya?

**Tuan Madatang bin Morejal:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, apakah dasar utama yang dikenakan oleh Kementerian Kewangan untuk mengagihkan peruntukan kepada setiap negeri di seluruh negara, terima kasih.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan membuat perkiraan pemberian yang saya sebutkan tadi berdasarkan kepada bilangan penduduk di dalam negeri masing-masing dan pada tahun-tahun sebelum tahun 1978, kadar pemberian yang diberikan kepada negeri-negeri yang berkenaan adalah berasaskan kepada kadar seperti berikut; bagi 50,000 orang yang pertama—\$15.00 seorang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjangkah?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Pendek sahaja. Bagi 200,000 orang berikutnya—\$10.00 seorang dan bagi selebihnya—\$4.00 seorang. Tetapi mulai tahun 1987 kadar itu telah

dinaikkan kepada satu tahap yang dianggap sesuai. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan sudah habis.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1,2,5, 7,10,13,16 dan 19 hingga 49 adalah diberi di bawah ini*).

## DASAR LUAR MALAYSIA TERHADAP PAKISTAN

**1. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sikap Dasar Luar Malaysia terhadap Pakistan di bawah Puan Benazir Bhutto;
- (b) apakah sikap kita terhadap Mujahiddin Afghanistan dan apakah komitmen kita terhadap perjuangan mereka; dan
- (c) apakah kita bersedia mengundang para pemimpin dari kedua-dua negara tersebut melawat Malaysia.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:**

(a) Dasar luar Malaysia terhadap Pakistan di bawah pimpinan Perdana Menterinya Puan Benazir Bhutto adalah tidak berubah. Sesungguhnya, ikatan persaudaraan Islam serta nilai dan cita-cita yang sama sebagai ahli-ahli Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) telah membolehkan Pakistan dan Malaysia untuk bekerjasama dengan eratnya di berbagai bidang. Adalah menjadi harapan Malaysia agar hubungan dua hala antara Malaysia dan Pakistan yang rapat, mesra dan muhibbah serta kerjasama yang erat yang sedia terjalin itu dipereratkan lagi dan akan terus berkekalan walaupun negara Pakistan kini dipimpin oleh

anggota kerajaan serta pemimpin politik yang baru.

(b) Berhubung dengan soalan kedua tersebut, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pendirian kita mengenai isu Afghanistan adalah jelas. Kerajaan Malaysia sentiasa memberi sokongan penuh termasuk bantuan kewangan sebagai tanda simpati dan komitmen kita kepada perjuangan Mujahiddin bagi mengembalikan kemerdekaan dan kedaulatan negara mereka. Dalam hubungan ini, Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Tabung Amanah bagi mangsa-mangsa perang Afghanistan pada tahun 1984. Di samping itu, kita telah juga membenarkan penubuhan Pejabat Perwakilan Mujahiddin di Kuala Lumpur bagi membolehkan mereka bergiat cergas dalam mendapat sokongan ke atas perjuangan mereka.

(c) Kerajaan Malaysia bersedia mengundang para pemimpin dari Negara Pakistan dan Mujahiddin Afghanistan untuk melawat Malaysia pada suatu masa yang sesuai kelak bagi mengeratkan serta memperkukuhkan lagi hubungan dua hala di antara Malaysia dengan kedua-dua buah negara tersebut.

## PEMBALAKAN HUTAN

**2. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perusahaan Utama menghentikan pembalakan hutan-hutan kita secara "indiscriminate" kerana kerosakan teruk kepada alam sekitar dapat dikesani dan sekiranya satu dasar pemeliharaan tidak diikuti, negara mungkin akan menjadi pengimport kayu balak pada masa akan datang.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali):** Pembalakan di Malaysia dirancang dan dijalankan mengikut dasar perhutanan dan pelan pembangunan negara. Berlandaskan dasar tersebut

hutan simpanan kekal telah diwartakan dan diurus berdasarkan prinsip penghasilan berkekalan di mana pembalakan bukan sahaja dijalankan mengikut sistem tebangan memilih tetapi juga aktiviti susulan dijalankan untuk merawat kawasan yang telah dibalak melalui silvikultur dan penanaman mengaya di mana perlu untuk menentukan supaya hutan simpanan kekal dipelihara dan diurus bagi pembekalan balak secara berterusan.

Hutan simpanan kekal bukan sahaja memperuntukkan kawasan hutan bagi pengeluaran balak tetapi juga kawasan hutan bagi perlindungan alam sekitar dan ekologi termasuk kawasan legeh air (watershed), kawasan perlindungan flora dan fauna asli hutan dan hutan rekreasi. Dengan itu keperluan bagi perlindungan alam sekitar diambil kira sepenuhnya di dalam pengurusan, pemeliharaan dan pembangunan hutan dan operasi pembalakan.

Di luar kawasan hutan simpan kekal memanglah terdapat kawasan hutan yang telah dikenalpasti untuk pembangunan pertanian dan lain-lain kegiatan dan keperluan ekonomi. Bagi kawasan-kawasan hutan yang telah diganti dengan tanaman getah atau kelapa sawit, kawasan tersebut masih ditutupi dengan tanaman pokok yang mempunyai kesan positif ke atas alam sekitar dan ekologi.

Bagi menentukan bekalan balak yang mencukupi di masa hadapan, usaha-usaha penghutan semula seperti penubuhan ladang-ladang hutan telah dijalankan. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini juga penggunaan kayu getah yang semakin menjadi popular telah dapat menambahkan bekalan kayu bagi keperluan dalam negeri dan juga bagi dieksport.

## RANCANGAN PERTUKARAN BELIA

5. **Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apa sudah terjadi dengan rancangan pertukaran belia bagi negara ini. Apakah Kementerian bercadang untuk mengadakan semula program pertukaran belia-belia Malaysia dengan negara-negara jiran.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan):** Kementerian Belia dan Sukan masih lagi menjalankan program pertukaran belia peringkat dalam negeri dan antarabangsa. Program pertukaran belia dengan negara-negara jiran yang masih berjalan lagi ialah seperti berikut:

- (i) Rancangan Pertukaran Belia Malaysia/Indonesia;
- (ii) Rancangan Pertukaran Belia Malaysia/Korea;
- (iii) Rancangan Pertukaran Belia Malaysia/Fukuoka; dan
- (iv) Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun yang dibiayai oleh Kerajaan Jepun.

Di samping itu juga Kementerian ini masih lagi menjalankan pertukaran belia di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi tujuan mewujudkan integrasi nasional.

Oleh kerana kekurangan peruntukan, Kementerian ini tidak dapat meluaskan lagi Rancangan Pertukaran Belia ke negara-negara jiran yang lain seperti Filipina, Singapura, Thailand dan Brunei Darussalam. Namun begitu Kementerian ini akan berusaha untuk memperbanyakkan lagi rancangan pertukaran belia dari masa ke semasa bagi tujuan mendedahkan para pemimpin belia terhadap pembangunan negara asing.

## BURUH ASING YANG BERDAFTAR

7. **Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah buruh-buruh asing yang berdaftar pada pengetahuan Kerajaan dan adakah buruh-buruh ini diberi permit yang mereka boleh bekerja apa-apa sahaja atau dihadkan kepada kerja-kerja yang tertentu sahaja.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sehingga 1 Mac 1989, seramai 9,760 orang buruh asing telah dikeluarkan dengan Pas Lawatan (Kerja Sementara) untuk mereka bekerja di sektor perladangan dan juga sebagai Pembantu Rumah. Kebenaran ini hanya diberi kepada satu jenis pekerjaan sahaja.

## PENYAKIT MALARIA

10. **Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) mengapakah kes-kes Malaria masih terus meningkat di Sabah.
- (b) berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan untuk menampung dari merebaknya penyakit Malaria di Sabah sahaja dalam tempoh lima tahun yang lalu;
- (c) apakah langkah-langkah pencegahan yang sedang dijalankan untuk menahan penyakit ini daripada terus merebak di Sabah.

**Dr Ting Chew Peh:**

- (a) Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sungguhpun pada keseluruhannya penyakit Malaria dapat dikawal di Negeri Sabah tetapi penyakit ini masih berlaku lagi di kawasan-kawasan pendalaman dan di

banjaran bukit di mana penduduknya sentiasa bergerak (mobile population). Penyakit Malaria ini juga masih berlaku oleh sebab tabiat nyamuk malaria itu sendiri.

Di Sabah juga didapati ada kawasan pendalaman yang tertentu di mana telah didapati bahawa kuman malaria telah menjadi kebal terhadap ubat anti malaria yang biasa digunakan.

- (b) Peruntukan yang diberi kepada Sabah untuk menampung Malaria dari terus merebak adalah paling tinggi sekali jika dibandingkan dengan peruntukan untuk negeri-negeri lain. Pembahagian peruntukan adalah mencukupi tiap-tiap tahun.

*Pembahagian Peruntukan Dan Perbelanjaan RKPBV Negeri Sabah Untuk 5 Tahun*

Tahun	Peruntukan	Perbelanjaan	%	Perbelanjaan
1984	5,884.050	5,631.743	95.7%	
1185	6,205.00	6,205.800	100.0%	
1986	6,062.184	5,955.922	98.2%	
1987	5,330.500	5,288.801	99.2%	
1988	5,374.050	5,352.978	99.6%	

\* Peruntukan bagi 1984 dan 1985 telah diberi terus oleh Kementerian Kesihatan ke Sabah.

- (c) Di antara langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengawal penyakit Malaria di Sabah ialah:
- (i) membasmikan tempat-tempat membiaknya nyamuk pembawa penyakit malaria.
  - (ii) membunuh nyamuk dewasa (adult mosquito) pembawa penyakit malaria dengan ubat semburan.

- (iii) merawat pesakit malaria dengan ubat anti malaria yang mujarab.
- (iv) Mengadakan aktiviti "Active Case Detection" untuk mencari kes malaria oleh kakitangan Kementerian Kesihatan dan Sukarelawan penjagaan Kesihatan primer (Primary Health Care Workers) dan pemberian ubat secara keseluruhan serta rawatan yang lengkap.
- (v) Mengadakan aktiviti "Passive Case Detection" di semua hospital-hospital, dispensari-dispensari dan klinik-klinik desa. Aktiviti ini melibatkan pengambilan contoh darah pesakit bagi kes-kes demam dan kes-kes yang disyaki mengidap malaria serta memberi rawatan kepada pesakit-pesakit yang berkenaan.
- (vi) Memberi pelajaran kesihatan kepada orang ramai terhadap cara-cara mengawal penyakit malaria.
- (vii) Menjalankan kajian untuk mengetahui dengan mendalamnya tabiat nyamuk pembawa malaria. Kajian juga sedang dijalankan untuk mencari ubat yang lebih efektif bagi merawat pesakit malaria.

## PENGANGGURAN SISWAZAH

**13. Puan Zainabon binti Abu Bakar** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) Sejauh manakah kejayaan Kerajaan di dalam usaha

mengurangkan kadar pengangguran di kalangan siswazah dengan adanya pelancaran Projek Pertanian untuk para siswazah menganggur.

- (b) berapakah jumlah sebenar yang menyertai projek ini daripada jumlah keseluruhan; dan
- (c) adakah pihak Kerajaan menjalankan projek tersebut dengan secara bercorak komersial atau hanyalah sekadar melepaskan batuk ditangga.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):**

- (a) Program petani siswazah telah dilancarkan pada 23hb September, 1986, oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri. Program petani siswazah diwujudkan bertujuan untuk mendapatkan penglibatan para siswazah yang muda dan terlatih terutama di dalam bidang yang ada kaitan dengan pertanian, terlibat secara langsung sebagai petani atau usahawan pertanian di dalam usaha untuk menukarkan corak pertanian daripada yang berbentuk tradisional kepada yang berbentuk moden dan berorientasikan komersial. Program ini bukan satu program bertujuan untuk mengurangkan kadar pengangguran di kalangan siswazah. Walaupun jika program ini berjaya, faedahnya ialah pekerjaan sebagai petani atau usahawan pertanian kepada para siswazah semenjak pelancaran tersebut adalah didapati sambutan daripada kalangan siswazah-siswazah terhadap program ini menggalakkan. Sehingga kini seramai 696 orang siswazah telah mendaftar dengan Kementerian.

Kementerian Pertanian juga telah mengadakan latihan untuk siswazah. Pada tahun lepas satu latihan orientasi diadakan kepada seramai 107 siswazah yang bertujuan memberi pendedahan kepada mereka tentang bidang pertanian yang berpotensi untuk diceburi. Berikutan dari latihan orientasi tersebut, Kementerian dengan kerjasama Jabatan/Agensi di bawahnya dari masa ke semasa ada menyediakan latihan pengkhususan mengikut bidang/komoditi tertentu.

Pinjaman yang telah diluluskan oleh Bank Pertanian Malaysia sehingga bulan Mac tahun 1989 adalah sebanyak 71 pinjaman yang berjumlah \$1.9 juta melibatkan 114 orang siswazah.

- (b) Daripada jumlah siswazah yang telah mendaftar dengan Kementerian Pertanian, seramai 187 orang siswazah telah melibatkan diri dalam 83 buah projek, iaitu seperti berikut:

<i>Peringkat</i>	<i>Bilangan Siswazah</i>	<i>Bilangan Projek</i>
Penerangan	43	14
Pelaksanaan	144	69
	<u>187</u>	<u>83</u>

Di antara projek-projek yang dijalankan ialah seperti projek tanaman sayur, jagung, buah betik, pisang, tapak semaian bunga-bunga dan buah-buahan, ternakan lembu pedaging, lembu tenusu, kambing serta ternakan ikan air tawar.

- (c) Untuk makluman Yang Berhormat, program ini adalah satu pendekatan baru untuk mengubah pertanian secara tradisional kepada pertanian secara moden yang berorientasikan komersial menerusi penyerapan golongan muda

yang terlatih di dalam bidang yang ada kaitan dengan pertanian menjadi usahawan pertanian atau petani moden. Dengan itu di bawah program ini Kementerian Pertanian tidak memberikan sesuatu projek khas untuk diusahakan oleh siswazah tetapi sebaliknya siswazah sendiri yang perlu mengenalpasti dan menentukan jenis-jenis bidang usaha yang akan dijalankan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri ada memperuntukkan tanah untuk diusahakan oleh siswazah. Adalah diharapkan melalui program ini akan dapat melahirkan petani-petani moden yang berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan subsidi/grant dari Kerajaan.

Untuk mencapai maksud ini Kementerian ada menyediakan beberapa insentif kepada siswazah seperti kemudahan kredit di bawah Bank Pertanian Malaysia, kemudahan mendapatkan maklumat mengenai tanah dan kemudahan mendapatkan latihan/kursus dan khidmat nasihat bagi projek yang ingin diceburi daripada Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pertanian.

#### **PROJEK LEBUHRAYA— KAWALAN**

**16. Tuan Sim Kwang** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

(a) adakah pihak Menteriannya mengikut kehendak-kehendak Akta Kawalan Kualiti Alam Sekitar 1984 untuk menjalankan Environment Impact Assesment (EIA) ketika melaksanakan projek Lebuhraya Antara Genting, Cameron Highland dan Fraser's Hill pada khususnya, dan semua projek Pembinaan Lebuhraya amnya;

(b) adakah pihak Kerajaan bercadang melaksanakan suatu kajian Penyelidikan secara mendalam terhadap kesan-kesan negative akibat dari pembinaan Lebuhraya ke atas alam sekitar di negara kita, dan jika ya butir-butir.

**Dato' S. Samy Vellu:**

(a) Kementerian Kerjaraya sentiasa mematuhi kehendak undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa, termasuklah juga bagi mematuhi Akta Kawalan Kualiti Alam Sekitar 1984 itu, dalam perancangan semua projek-projek jalan raya atau Lebuhraya, dan juga projek jalan raya antara Genting Highlands, Cameron Highlands dan Bukit Fraser's, yang akan dilaksanakan kelak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam perancangan dan kajian projek ini yang akan dilaksanakan oleh Juruperunding, kajian "Environmental Assesment Impact" tersebut telah pun dimasukkan sebagai salah satu daripada garis panduan atau "Term Of Reference" kajian yang akan dilaksanakan itu. Kerajaan juga bercadang membina Jambatan dan terowong bagi mengurangkan masalah tersebut dan juga akan menentukan gangguan atau kesan-kesan negatif yang paling minima sahaja berlaku ke atas alam sekitar di kawasan itu.

(b) Di antara "Term Of Reterence" kajian "Environmental Assesment Impact" yang akan dilaksanakan oleh Juru-perunding tersebut ialah juga termasuk kajian terhadap kesan-kesan negatif akibat daripada pembinaan projek jalan raya Genting Highlands, Cameron Highlands dan Bukit

Fraser's itu. Kerajaan sememangnya mengambil kira dan memandang serius terhadap kesan-kesan tersebut dalam melaksanakan bukan sahaja projek-projek itu, tetapi juga projek-projek lebuhraya yang lain, yang dilaksanakan di negara kita.

### **KOLEJ SELATAN— PENDAFTARAN**

**19. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan perkembangan terbaharu berhubung dengan permohonan bagi mendaftarkan Kolej Selatan dan kenapa Kementerian tersebut mengambil masa yang begitu panjang untuk memproses permohonan ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):** Berhubung dengan permohonan bagi mendaftarkan Kolej Selatan, adalah dimaklumkan bahawa sehingga hari ini, Pejabat Pendaftar Syarikat masih menunggu jawapan kepada suratnya bertarikh 9 Februari 1989 daripada firma peguam yang mewakili penaja-penaja kolej tersebut. Surat itu pada asasnya meminta supaya firma peguam tersebut membekalkan dengan secepat mungkin perkara-perkara yang perlu bagi membolehkan pertimbangan dibuat termasuk draf tataujud dan tatauuran syarikat dicadangkan dan juga bayaran yuran permohonan yang tidak disertakan dengan permohonan pada asalnya.

Anggapan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya mengambil masa yang panjang untuk memproses permohonan yang tersebut adalah tidak benar. Sebenarnya kelewatan yang berbangkit adalah oleh kerana firma professional yang diupah untuk menguruskan permohonan ini nampaknya tidak begitu fasih dengan prosedur permohonan dan peruntukan undang-undang berkaitan dengannya.

### **KURSUS JANGKA PENDEK KEPADA PENUNTUT TINGKATAN LIMA**

**20. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah rancangan Kementerian hendak mengadakan kursus-kursus jangka pendek kepada penuntut Tingkatan Lima yang menunggu keputusan SPM;
- (b) jumlah dan jenis-jenis kursus yang diadakan bagi belia-belia yang menganggur sepanjang tahun 1988, sekarang dan bilangan peserta yang terlibat;
- (c) adakah program follow-up telah dibuat, jika ada berapa peratuskah yang berjaya dalam ertikata yang sebenarnya.

### **Cik Teng Gaik Kwan:**

- (a) Kementerian Belia dan Sukan telah merancang Rancangan Pengembaraan dan Kem Musim Cuti sebagai aktiviti untuk penuntut-penuntut Tingkatan Lima yang menunggu keputusan peperiksaan SPM dan juga masyarakat belia. Rancangan ini adalah bertujuan untuk membentuk sikap positif dan melahirkan semangat keyakinan, daya tahan, bersatu padu dan berkemampuan untuk menghadapi cabaran hidup dunia remaja.
- (b) Kementerian ini telah melaksanakan sebanyak 261 kursus dalam pelbagai bidang bagi belia yang 'menganggur' sepanjang tahun 1988 dan melibatkan seramai 8,076 peserta. Bagi tahun 1989 pula, Kementerian akan melaksanakan sebanyak 286 kursus yang melibatkan seramai 7,828 peserta.

(c) Kementerian ini memang ada menjalankan program susulan kepada bekas peserta kursus. Bagi program latihan yang dijalankan di Pusat-pusat Latihan Belia didapati kejayaan para peserta amat menggalakkan. Peratus kejayaan bagi tahun 1988 adalah seperti berikut:

(i) Pusat Latihan Belia DusunTua	68.6%
(ii) PusatLatihan Belia Negara Peretak	89.2%
(iii) Pusal Latihan Belia Kuala Terengganu	57.6%

Bagi program jangka pendek yang dijalankan di peringkat negeri untuk tahun 1988 belum diperolehi angkanya yang sebenar. Walau bagaimanapun, sambutan daripada belia untuk mengikuti kursus jangka pendek itu amatlah menggalakkan.

#### MIDF—PINJAMAN PROJEK-PROJEK

**21. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan setakat ini bagaimanakah kadar penglibatan pengusaha tempatan dan Luar Negeri dari segi menggunakan kemudahan yang disediakan oleh MIDF dan apakah permasalahan yang dihadapi oleh MIDF bagi memenuhi kehendak mereka.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1988, MIDF telah meluluskan sebanyak 108 pinjaman bernilai \$53.2 juta. Daripada jumlah ini, 96 pinjaman bernilai \$32.5 juta diluluskan kepada syarikat-syarikat *milik tempatan sepenuhnya*, 8 pinjaman bernilai \$12.7 juta kepada syarikat yang dikuasai oleh warganegara Malaysia, 1 pinjaman bernilai \$1.1 juta kepada syarikat usahasama yang dikuasai oleh rakyat asing dan 3 pinjaman bernilai \$6.9 juta

kepada Syarikat milik asing sepenuhnya.

2. MIDF tidak menghadapi apa-apa masalah untuk mengeluarkan pinjaman-pinjaman bagi projek-projek yang didapati berdaya maju setelah dikaji.

#### KAMPUNG TERSUSUN

**22. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar memberitahu setakat manakah kejayaan yang dicapai berhubung dengan kampung tersusun atau halacara baru dan sila beritahu dimanakah kampung-kampung tersusun seperti itu dan apakah pula pekerjaan-pekerjaan bagi mereka yang tinggal di kampung-kampung tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah):** Sehingga ini, terdapat sebanyak 38 projek halacara baru di seluruh negara. Beberapa projek-projek halacara baru telah mencapai kemajuan yang cemerlang, bagi yang lain kemajuan sederhana dicapai. Sebagai contoh, di projek Muling Lating, hasil pengeluaran purata padi sehektar ialah sebanyak 6 metrik tan semusim berbanding dengan 3 metrik tan sebelum projek ini dilaksanakan. Manakala pendapatan bersih purata ialah \$1,325 sehektar, semusim berbanding lebih kurang \$500 sebelumnya. Untuk makluman Y.B., sehingga ini, jumlah pengeluaran padi di projek tersebut adalah yang tertinggi sekali di Malaysia.

Pekerjaan peserta-peserta di projek halacara baru tidaklah berubah hanya cara kendalinya sahaja yang berubah. Kalau dulu dibuat secara individu sekarang secara kelompok, kalau dulu kaedah tradisi sekarang secara estate. Di samping kegiatan ekonomi utama seperti padi, kelapa sawit dan getah, peserta-peserta juga bergiat dalam

aktiviti-aktiviti ekonomi sampingan iaitu industri kampung, ternakan ayam, ikan air tawar, dusun dan sebagainya.

Taburan projek-projek halacara baru dan pekerjaan peserta-peserta di seluruh Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Projek</i>	<i>Pekerjaan Utama</i>	<i>Pekerjaan sampingan</i>
1. Perlis .. ..	(a) Kampung Titi Tinggi	Ternakan lembu tenusu	— Prosesusu — makanan binatang — ternakan ayam — sayur-sayuran
	(b) Kampung Simpang Geti	Padi dan tembakau	— sayur-sayuran — tanaman mempelam
	(c) Kampung Bukit Cabang Dalam	Mempelam	— sayur-sayuran — ternakan ayam, kambing
2. Kedah .. ..	(a) Kampung Binjal, Kubang Pasu	Padi dan getah	— ternakan ayam — sayur-sayuran — kraftangan (rotan)
	(b) Kampung Lalang, Baling	Getah dan kelapa sawit	— ternakan ayam — sayur-sayuran — perabut — dusun
	(c) Kampung Selat Bagan Nyior, Langkawi	Getah	—
	(d) Kampung Dusun Pengapit, Sik	Kopi dan getah	— tanaman pisang — ternakan ayam — ternakan biri-biri — ternakan ikan air tawar
3. Pulau Pinang..	(a) Kubang Menderong	Getah dan padi	— ternakan ayam — ternakan itek — telur masin — kilang jus
	(b) Kampung Laboh Banting	Padi	— sayur-sayuran — ternakan ayam — ternakan itek — ternakan kambing — ternakan ikan air tawar — kraftangan (mengkuang) — tembikar
4. Perak .. ..	(a) Kampung Kepala Bendang, Kuala Kangsar	Kelapasawit	— tanaman pisang — labu sayong
	(b) Kampung Padang Serai Dalam, Larut Matang	Kelapasawit	—
	(c) Kampung Teluk Peribu, Bagan Serai	Padi	—
	(d) Kampung Gelung Pepuyu, Manjong	Getah	—

<i>Negeri</i>	<i>Projek</i>	<i>Pekerjaan Utama</i>	<i>Pekerjaan Sampingan</i>
5. Selangor ..	(a) Kampung Ulu Gesir, Hulu Selangor	Kelapa sawit	— tanaman pisang — jagung — tebu — lembu PKC — kraftangan (buluh)
	(b) Kampung GenderamHulu, Sepang	Getah	— dusun (cadangan)
	(c) Kampung Merbau Berdarah, Kuala Selangor	Kelapa sawit	—
6. Negeri Sembilan	(a) Kampung Jijan. Seremban	Getah dan kelapa sawit	— sayur-sayuran — ternakan ikan — ternakan ayam daging dan telur
	(b) Kampung Padang Lebar, Kuala Pilah	Kelapa sawit.koko dan getah	— ternakan ikan air tawar — sayur-sayuran — ternakan lembu susu — ukiran kayu
	*(c) Kampung Bemban	Kelapa sawit dan koko	—
7. Melaka ..	(a) Kampung Sri Mendapat, Jasin	Kelapa sawit	— kerepek ubi — tanaman pisang emas — projek "mini diary"
	*(b) Kampung Bukit Sedanan, Jasin	Kelapa sawit,koko	—
8. Johor .. ..	(a) Kampung Parit Seraya, Pontian	Kelapasawit	— j a m nanas — ternakan kambing biri-biri — nanas — tempeyek ubi
	(b) Kampung Semaloi, Mersing	Kelapa sawit	— kacang tanah — keledak — keladi cina — jagung — sayur-sayuran
	(c) Kampung Tebing Runtuh, Gelang Patah	Kelapa sawit/koko	—
	*(d) Kampung Rantau Panjang, (Desa Mahkota) Daerah Kota Tinggi	Kelapa sawit	— cendawan tiram — ternakan kambing biri-biri — tanaman pisang, jagung manis — kraftangan — ternakan itek telur

<i>Negeri</i>	<i>Projek</i>	<i>Pekerjaan Utama</i>	<i>Pekerjaan sampingan</i>
9. Pahang ..	(a) Kampung Salong, Pekan	Kelapa sawit	— tanaman kontan — buah-buahan — sayur-sayuran
	(b) Kampung Tembeling Tengah, Temerloh	Kelapa sawit	—
10. Kelantan ..	(a) Kampung Maling Lating, Kota Bharu	Padi	— dusun buah-buahan — ternakan ikan air tawar — ternakan itek dan ayam — ternakan lembu penggemok — meckuning — sayur-sayuran — tanaman kulat
	(b) Kampung Tok Darpah, Pasir Mas	Padi/koko	— ternakan ikan air tawar — bengkel tanah liat — tembakau
	*(c) Kampung Air PutehjeLi	Kelapa sawit	—
	*(d) Kampung Limau Purut, Tanah Merah	Getah	— ternakan biri-biri — (ternakan burung puyuh — ternakan ikan air tawar
11. Terengganu ..	(a) Kampung Gunung, Ulu Terengganu	Kelapa sawit	— koko — sayur-sayuran
	(b) Kampung Kubu, Marang	Padi/koko	— tembikar — tembakau
	(c) Kampung Mak Bakas, Setiu	Getah	— dusun buah-buahan
12. Sarawak ..	(a) Kampung Telaga Air, Kuching	Kelapasawit	— arang (dalam perancangan)
13. Sabah .. ..	(a) Kampung Telisai	Kelapa sawit/koko	— sayur-sayuran — buah-buahan
	(b) Kampung Beriawah Hulu	Getah/padi	— sayur-sayuran — buah-buahan
	(c) Kampung Kekapur	Getah	—

**NOTA:**

\* Projek-projek Halacara Baru Yang Disenaraikan Pada Tahun 1988.

**MINYAK KELAPA  
SAWIT—PENGELUARAN**

**23. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah sebab-sebab yang menjadikan pengeluaran minyak kelapa sawit mentah merosot di dalam tempoh-tempoh tertentu dan nyatakan:

- (a) tahap pengeluaran dalam tempoh enam bulan pertama dari skim-skim pembangunan tanah dan agensi-agensi Kerajaan; .
- (b) tahap pengeluaran minyak kelapa sawit mentah dari estet-estet swasta dalam tempoh yang sama dan nyatakan jumlah keluasan tiap-tiap bahagian itu.

**Dato' Alias bin Md Ali:** Di antara sebab-sebab yang menjadikan pengeluaran minyak kelapa sawit mentah merosot di dalam tempoh-tempoh tertentu adalah seperti berikut:

- (i) Pengaruh keadaan cuaca;
- (ii) Pengaruh amalan-amalan agronomi; dan
- (iii) Pengaruh biologi pokok kelapa sawit.

Pada amnya, untuk tempoh enam bulan pertama setiap tahun kadar pengeluaran minyak kelapa sawit Malaysia adalah di sekitar 40 peratus dan selebihnya adalah dalam tempoh enam bulan kedua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita saya mengemukakan tahap pengeluaran minyak kelapa sawit mentah dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1988 dan keluasan tanaman kelapa sawit bagi skim-skim pembangunan tanah dan

agensi-agensi Kerajaan serta estet-estet swasta, sebagaimana berikut:

- (a) *Pengeluaran minyak kelapa sawit mentah (Jan-Jun 1988)*
  - (i) SkimPembangunan Tanah dan agensi Kerajaan 702,707 tonne
  - (ii) Estet-estet Swasta 1,231.421 tonne
  - (iii) Pekebun Kecil Persendirian 189,232tonne
- (b) *Keluasan Tanaman Kelapa sawit (1988)*
  - (i) SkimPembangunanTanah dan agensi Kerajaan 797,278 hektar
  - (ii) Estet-estet Swasta 837,736 hcktar
  - (iii) PekebunKecil Persendirian 150,647 hektar

**PROJEK BEKALAN  
ELEKTRIK DI KAMPUNG**

**24. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bcrapakah banyak kawasan yang diluluskan projek-projek bekalan letrik dalam tempoh 12 bulan (Jan-Dis 1988). Sebutkan kawasan-kawasan itu dan nyatakan peruntukannya; dan
- (b) apakah sebab projek-projek bekalan letrik yang sudah lulus dan sudah diproses selalu tergendala kerja-kerjanya.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tempoh tahun 1988 sebanyak 351 buah projek BELB yang melibatkan 592 buah kampung telah diluluskan dan sedang berada dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Pelaksanaan projek-projek tersebut melibatkan peruntukan sebanyak \$113.29

juta. Oleh kerana bilangan kampung yang telah diluluskan untuk projek BELB pada tahun 1988 adalah terlalu banyak iaitu 592 buah ianya akan mengambil masa yang lama untuk saya membaca senarai. Memadailah jika saya sebutkan bilangan kampung yang diluluskan mengikut negeri. Bilangan kampung dan peruntukan yang diagihkan adakah seperti berikut:

### PROJEK BELB 1988

	Bilangan	
	Negeri	Kampung/Peruntukan
Kedah ..	119	\$ 13,560,000
Pulau Pinang	7	1,550,000
Perak .	63	13,900,000
Selangor	34	6,200,000
Negeri Sembilan	12	2,470,000
Melaka	10	1,930,000
Johor ..	110	16,380,000
Pahang .	36	15,860,000
Terengganu	34	14,190,000
Kelantan.	97	16,250,000
Sabah .	31	5,000,000
Sarawak	39	6,000,000
Jumlah .	592	\$113,290,000

(b) Kelewatan pelaksanaan projek BELB yang dapat dikesan adalah disebabkan oleh beberapa perkara antaranya ialah:

- masalah pengambilan balik tanah untuk rentangan talian, untuk pencawang dan station luar bandar.
- masalah mendapatkan izin lalu daripada tuan tanah (tanah persendirian ataupun agensi).
- masalah rekabentuk.
- masalah kontraktor.
- masalah cuaca.
- masalah pembekalan barang-barang binaan.

Di antara masalah-masalah tersebut masalah pembekalan barang-barang binaan khususnya barang-barang pelengkap (accessories) merupakan masalah yang paling ketara sekali dalam kelewatan pelaksanaan projek yang telah diluluskan. Walau bagaimanapun agensi-agensi pelaksanaan dan agensi-agensi pusat sentiasa berusaha bagi mengatasi masalah ini.

### BADAN PERUSAHAAN AWAM BUKAN KEWANGAN

**25. Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (i) bilangan badan Perusahaan Awam Bukan Kewangan (Non-Financial Public Enterprise) yang wujud sekarang;
- (ii) jumlah harta (assets) dan tanggungannya (liabilities) bagi tahun 1987 dan 1988.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Napsiah binti Omar);** Sehingga akhir Februari 1989, jumlah PABK yang ditubuhkan adalah sebanyak 1,035 buah. Dari jumlah ini terdapat 520 PABK yang aktif di mana kerajaan mempunyai ekuiti lebih 50%. PABK tersebut telah ditubuhkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian-kementerian yang mengawasinya. Sebanyak 199 dari 520 PABK itu adalah terletak di bawah Kementerian Perusahaan Awam.

Berasaskan kepada kriteria pengawasan seperti yang disebutkan di atas, jumlah harta dan tanggungan sebanyak 520 PABK bagi tahun 1987 adalah seperti berikut:

Harta—\$88.8 billion.

Tanggungan—\$52.8 billion.

Harta dan Tanggungan bagi 199 PABK di bawah Kementerian Perusahaan Awam adalah seperti berikut:

Harta—\$12.7 billion.

Tanggungan—\$ 8.5 billion.

Harta dan tanggungan bagi tahun 1988 masih belum dapat ditentukan oleh kerana PABK berkenaan sedang dalam proses menyiapkan akaun masing-masing.

### PEGAWAI KEM TAHANAN TAIPING

**26. Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah pihak Kementerian akan memindah pegawai-pegawai dari Kem Tahanan Taiping ke Pusat-pusat Pemulihan Dadah sebab pegawai-pegawai di Kem Tahanan Taiping adalah kelebihan dan pegawai di Pusat Pemulihan Dadah adalah kekurangan sebagaimana yang disyorkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu nisbah pegawai dan penagih dadah di pusat pemulihan ialah 1:25, tetapi masa kini nisbah pegawai dengan penagih dadah di pusat-pusat pemulihan dalam negeri kita ialah 1: (100-150).

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Pihak Kementerian Dalam Negeri menyedari bilangan pegawai-pegawai di Kem Tahanan Taiping adalah berlebihan dan tindakan sedang diambil untuk menempatkan semula pegawai-pegawai tersebut di kem atau penjara-penjara yang menghadapi masalah kekurangan pegawai. Walaupun begitu pihak Kementerian tidaklah pula bercadang untuk menempatkan pegawai-pegawai tersebut di Pusat-pusat Pemulihan Dadah kerana secara keseluruhannya Jabatan Penjara sendiri masih memerlukan tenaga pegawai-pegawai ini.

Pada masa yang sama pihak Kementerian dengan kerjasama agensi

pusat juga mengambil tindakan secara berasingan untuk mengatasi masalah kekurangan pegawai di Pusat-pusat Pemulihan Dadah.

### NEGARA LUAR MENDIRIKAN KILANG

**27. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah negara-negara pelabur sepuluh terbaik yang membuat pelaburan di Malaysia dan apakah pula negara-negara pengeksport ke Malaysia sepuluh terbaik.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Di dalam tahun 1988, sepuluh negara-negara luar utama yang telah diberi kelulusan untuk mendirikan projek-projek perkilangan terbanyak ialah seperti berikut:

(1) *Jepun*—dengan jumlah cadangan pelaburannya \$1,221.9 juta berbanding dengan tahun 1987 hanya \$715.1 juta. (2) *Taiwan*—\$829.5 juta (\$243.0 juta) (3) *Amerika Syarikat*—\$535.1 juta (\$162.7 juta) (4) *Perancis*—\$524.7 juta (\$66.8 juta) (5) *Singapura*—\$419.6 juta (\$258.8 juta) (6) *Hong Kong*—\$298.4 juta (\$88.8 juta) (7) *United Kingdom*—\$196.5 juta (\$76.8 juta) (8) *Jerman Barat*—\$116.8 juta (\$28.4 juta) (9) *India*—\$88.9 juta (\$79.7 juta) dan (10) *Thailand*—\$51A juta (\$3.2 juta).

Sepuluh negara pengeksport terbesar ke Malaysia dalam tahun 1988 adalah seperti berikut:

(1) Jepun (\$10,170.6 juta)—23.43%	daripada jumlah import Malaysia.
(2) Amerika Syarikat (\$7,679.6 juta)—17.6%	daripada jumlah import Malaysia.
(3) Singapura (\$5,730.0 juta)—13.20%	daripada jumlah import Malaysia.
(4) United Kingdom (\$2,131.3 juta)—1.911%	daripada jumlah import Malaysia.

- |   |                                      |
|---|--------------------------------------|
| (5) Taiwan(\$1,994.4 juta)—4.59%                                    | daripada jumlah import Malaysia.     |
| (6) Australia(\$1,801.7 juta)—1.15%                                 | daripada jumlah import Malaysia.     |
| (7) Republik Persekutuan Jerman/Jerman Barat (\$1,693.5 juta)—3.90% | daripada jumlah import Malaysia.     |
| (8) Thailand (\$1,323.3 juta)—3.05%                                 | daripada jumlah import Malaysia.     |
| (9) Republik Rakyat China (\$ 1,266.0 juta)—2.92%                   | daripada jumlah import Malaysia; dan |
| (10) Republik Korea (\$1,118.5 juta)—2.58%                          | daripada jumlah import Malaysia.     |

### TANAH REZAB KTM

**28. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tidak kurang daripada 200 ribu keluarga yang tinggal di tanah di tepi landasan keretapi dan tanah rezab KTM mengalami kesulitan terpaksa meninggalkan dari rumah yang mereka sedang duduki sekarang apabila KTM telah diswastakan. Jika sedar, adakah Kerajaan mempunyai projek untuk menyusun semula atau memberi tapak rumah kepada mereka yang terlibat.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Penduduk setinggan yang menduduki tanah KTM berhampiran dengan landasan amat membahayakan nyawa sendiri serta keselamatan tren-tren. KTM telah pun keluaran pemberitahuan am kepada semua setinggan yang menduduki tanah KTM di seluruh rangkaian KTM untuk mengingatkan mereka supaya berpindah secara sendiri sebelum tindakan diambil oleh pihak KTM. Pihak penduduk setinggan adalah dinasihatkan supaya mengambil tindakan sendiri untuk berpindah supaya tidak menghadapi masalah apabila KTM mengambil tindakan nanti.

Masalah setinggan sebenarnya adalah satu masalah negara. Pihak KTM sebagai sebuah badan pengangkutan tidak dapat menempatkan semula penduduk setinggan. Dalam pada itu, Kementerian merayu kerjasama dari Kerajaan Negeri dalam usaha menempatkan semula penduduk setinggan.

### AMPANG SEBAGAI MAJLIS PERBANDARAN

**29. Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada suatu majlis bandaran baru akan ditubuhkan untuk mengambil alih pentadbiran jajahan Ampang yang kini masih disandang oleh Majlis Daerah Hulu Langat.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat):** Suka dimaklumkan bahawa secara rasminya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan belum menerima apa-apa cadangan dari Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan untuk menjadikan jajahan Ampang sebagai sebuah Majlis Perbandaran. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengambil tindakan sewajarnya apabila menerima permohonan secara rasmi daripada Kerajaan Negeri berkenaan.

### AKTA DITERJEMAHKAN KE BAHASA MALAYSIA

**30. Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan Akta-akta Parlimen/Ordinan-ordinan yang telah diterjemahkan dengan rasminya dari bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia, serta memberi butir-butir berkaitan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun);** Bilangan Akta Parlimen/Ordinan yang dptperbuat sebelum 1967 yang telah

diterjemahkan oleh Seksyen Bahasa Kebangsaan, Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara dan diwartakan di dalam Warta Kerajaan Persekutuan ialah 133 (angka bagi tarikh 1/2/89).. Berkenaan dengan undang-undang yang dibuat selepas tahun 1967, segala undang-undang tersebut memang ada teks bahasa kebangsaannya.

#### GURU BAHASA MANDARIN— KEKURANGAN

**31. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Pendidikan menjelaskan apakah langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru bahasa Mandarin dan kelebihan guru Bahasa Malaysia.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa langkah telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah kekurangan guru bahasa Mandarin.

Langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (1) Menambahkan jumlah pengambilan guru pelatih pengajaran Bahasa ini di maktab-maktab perguruan.
- (2) Menjalankan Kursus Dalam Cuti bagi guru-guru tanpa latihan yang sedang mengajar di sekolah-sekolah. Apabila tamat mengikuti kursus ini, mereka akan menjadi guru-guru yang berkelayakan.
- (3) Mengambil guru-guru sandaran tanpa latihan dari kalangan mereka yang ada kelulusan dalam bahasa Mandarin.

Kementerian Pendidikan tidak menghadapi masalah mengenai guru Bahasa Malaysia yang berlebihan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat yang berkenaan.

#### GURU PELATIH KE MAKTAB-MAKTAB

**32. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Pendidikan menyatakan cadangan bilangan pengambilan guru-guru pelatih ke maktab-maktab latihan perguruan dan nyatakan jumlah pengambilan pelatih-pelatih dalam tempoh lima tahun yang lalu (sejak tahun 1984) dan menjelaskan sebab-sebab mengapa terdapat tambahan/kurangan dalam pengambilan guru-guru pelatih dalam masa akan datang.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengambilan guru pelatih sejak tahun 1984 adalah seperti berikut:

	<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1984	.. .. .	6,208 orang
1985	.. .. .	10,050 orang
1986	.. .. .	12,030 orang
1987	.. .. .	10,244 orang
1988	.. .. .	9,198 orang

Kementerian Pendidikan menambahkan pengambilan guru-guru pelatih ke maktab-maktab dari tahun 1984-1988 sebab terdapat kekurangan guru pelatih di sekolah-sekolah rendah dan mengurangkan pengambilannya kerana mulai tahun 1994 dijangkakan wujud lebihan guru.

#### BAKAR MERCUN PADA HARI RAYA

**33. Tuan Ibrahim bin Azmi** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah menyambut Hari raya orang Melayu Islam tidak dibenarkan membakar mercun maka diharamkan dengan amaran dikenakan denda tetapi untuk menyambut Hari Raya Cina dibenarkan membakar mercun dengan bebasnya hingga beberapa hari siang malam tanpa menghiraukan ketenteraman awam, kenapakah

Kerajaan membeza-bezakan tentang perkara ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sejak tahun 1986, Kerajaan telah membenarkan kelonggaran pembakaran mercun pada hari-hari perayaan berbagai kaum di negara ini seperti Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina/Chap Goh Meh, Hari Deepavali, Hari Gawai dan sebagainya. Oleh itu dakwaan bahawa orang Melayu tidak diberikan kelonggaran pembakaran mercun adalah tidak benar sama sekali.

### HAKISAN PANTAI

**34. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar akan hakisan teruk di persisiran pantai dari Bagan Ajam sehingga ke Kuala Muda di Pulau Pinang, Jika ia, apakah langkah-langkah yang sedang diambil bagi memulihkan dan melindungi nyawa dan harta benda mereka-mereka yang tinggal di persisiran pantai ini.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Kerajaan memang menyedari masalah hakisan pantai yang berlaku di sepanjang 22 km. pantai dari Bagan Ajam sehingga ke Kuala Muda di Pulau Pinang. Dari jumlah 22 km. ini kawasan yang mengalami hakisan yang serius adalah di sepanjang 4.1 km. di Bagan Ajam, 800 m di Robina Park dan 600 m di Kuala Muda. Pada masa ini kerja-kerja rekabentuk terperinci dan penyediaan dokumen tender bagi projek ini sedang dibuat dengan Bantuan Teknikal Kerajaan Belgium dan dijangka akan siap pada bulan Oktober ini.

Kos projek yang dianggarkan di dalam kajian kemungkinan ialah sebanyak 18 juta. Akan tetapi anggaran kos ini akan dikaji semula apabila kerja-kerja rekabentuk disiapkan. Pelaksanaan projek ini akan dibuat secara berperingkat apabila peruntukan diperolehi.

### PROTON SAGA KE AMERIKA SYARIKAT

**35. Tuan Hsing Yin Shean** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa Proton mahu mendakwa Amerika Inc. (PAI) kerana melanggar perjanjian. Apakah sebab-sebab yang diberikan kerana membatalkan perjanjian di antara Proton dan PAI. Memandangkan penembusan pasaran ke Amerika Syarikat adalah penting untuk kejayaan Proton kerana ini membantu menambahkan lagi pengeluaran untuk mencapai "Economies of Scale", adakah Kementerian beliau akan melantik pengedar baru di masa depan. Jika ia, bila.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman);** Proton tidak mengeneipkan kemungkinan untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas Proton Amerika Inc. (PAI) yang tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam perjanjian dalam tempoh yang ditetapkan. Syarat-syarat yang tidak dipenuhi dan menyebabkan pembatalan perjanjian itu ialah:

- (i) mendapatkan pengesahan Kenderaan (vehicle certification), dan
- (ii) kelulusan Kerajaan Persekutuan dan Negeri di Amerika Syarikat bagi membolehkan kereta nasional dieksport ke negara tersebut.

Berikutan dengan pembatalan perjanjian tersebut, pihak Proton sedang mengkaji semula kemasukan Proton Saga ke pasaran negara tersebut.

### GURU PELATIH DI SEKOLAH TAMIL/CINA

**36. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Pendidikan menyatakan

apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi kekurangan guru-guru pelatih, khususnya dalam sekolah-sekolah Tamil dan Cina dan nyatakan juga sama ada Kerajaan akan membatalkan Akta Pendidikan 1961.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak pernah mengalami kekurangan calon guru pelatih termasuk calon-calon bagi kursus-kursus Pendidikan Sekolah Rendah (Cina), Pendidikan Sekolah Rendah (Tamil), Pendidikan Sekolah Menengah (Cina) dan Pendidikan Sekolah Menengah (Tamil). Mengenai Akta Pelajaran 1961, adalah dimaklumkan bahawa Jawatankuasa yang mengkaji Akta tersebut masih menjalankan kajiannya. Oleh itu belum dapat dimaklumkan sebarang keputusan tentang perkara ini.

#### INSTITUSI KEWANGAN—IMEJ

**37. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Kewangan menyatakan tidakkah ada undang-undang tertentu yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia kepada pegawai-pegawainya sendiri dan Bank-bank serta institusi kewangan yang lain sebagaimana yang berlaku penipuan pengeluaran \$22.2 juta dan juga pengeluaran di Malayan Banking di Lapangan Terbang Subang baru-baru ini dan perkara-perkara seumpama ini berlaku sebelumnya. Kita tidak mahu perkara-perkara dan kelemahan ini berulang lagi dan ini juga menjatuhkan imej institusi kewangan negara ini dipandang oleh negara lain.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Oleh kerana pertanyaan atas perkara ini telah pun dijawab pada 7hb Mac 1989 iaitu ketika menjawab pertanyaan Ahli

Yang Berhormat daripada Sandakan, saya tidak bercadang mengulangi jawapannya.

#### JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI PENYELEWENGAN

**38. Tuan Haji Hashim bin Safin** minta Menteri Pendidikan menyatakan selaku Pengerusi Jawatankuasa Anti Penyelewengan (Ombudsman) menerangkan bagaimana perjalanan jawatankuasa ini. Apa tujuan utamanya dan setakat ini apakah tindakan yang telah diambil oleh Jawatankuasa ini.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa ini dinamakan Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Pengurusan Kerajaan. Tujuan utama Jawatankuasa ini ditubuhkan adalah untuk mencari jalan untuk mengelakkan penyelewengan dan memastikan tindakan tatatertib diambil secara berkesan.

Jawatankuasa ini telah meneliti dan masih mengkaji sistem pengurusan kewangan dan peraturan tata tertib dalam perkhidmatan awam dan mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam sistem pengurusan yang boleh menyebabkan penyelewengan.

Setakat ini Jawatankuasa telah mengemukakan beberapa cadangan kepada Kabinet untuk memperkemas lagi sistem pengurusan dan peraturan-peraturan yang ada untuk memastikan penyelewengan tidak berlaku.

Sebenarnya Jawatankuasa ini bukanlah Jawatankuasa Penyiasat dan tidak ada kuasa menangkap dan mendakwa dari segi penyelewengan. Oleh itu semua aduan-aduan dari orang awam mengenai penyelewengan diserahkan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR).

## BIRO PENGADUAN AWAM— ADUAN

**39. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan aduan yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam mulai 1-1-1988 hingga 31-12-88 dan dari 1-1-1989 hingga 28-2-1989 dan jumlah aduan yang dapat diselesaikan. Bagaimanakah keberkesanan Biro Pengaduan Awam dalam menyelesaikan aduan awam dalam mengatasi imejnya sebagai "agen pos". Adakah ada rancangan lain untuk menggantikan Biro dengan Sistem Ombudsman, jika ada, bila dan jika tidak, mengapa?

**Dato' Oo Gin Sun:** Bagi tahun 1988 Biro Pengaduan Awam telah menerima 2,474 aduan tetapi hanya sebanyak 1,152 adalah di dalam bidangnya iaitu terhadap jentera perkhidmatan awam dan sebanyak 723 aduan telah pun diselesaikan. Mulai 1-1-1989 sehingga 28-2-1989 sebanyak 486 aduan diterima tetapi 195 adalah di dalam bidangnya dan daripada bilangan itu 45 telah diselesaikan.

Saya terperanjat mendapati Yang Berhormat telah membangkitkan soal mengenai keberkesanan Biro Pengaduan Awam dan sejauh manakah ia dapat mengatasi imej sebagai "agen pos". Saya masih ingat Yang Berhormat sendiri telah berucap dengan panjang lebar mengenai Biro Pengaduan Awam dalam Dewan ini pada 11-11-1986 sewaktu Perbahasan mengenai Urusan Belanjawan 1987 berkenaan Jabatan Perdana Menteri. Di dalam ucapan itu, Yang Berhormat sendiri telah menyampaikan tahniah terhadap perubahan Biro Pengaduan Awam terutama "Modus Operandi" baru Biro ini. Ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat yakin dengan kemampuan dan peranan Biro Pengaduan Awam.

Kerajaan sedang berusaha untuk memperkemaskan lagi perjalanan Biro Pengaduan Awam untuk mencapai matlamat penubuhannya dan juga mengambil apa-apa langkah yang sesuai untuk menjamin bahawa segala rungutan orang ramai akibat keputusan dan tindakan pentadbiran yang dirasakan tidak adil dapat disiasat dan diselesaikan.

## PEMBELIAN SENJATA

**40. Dr V. David** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bolehkah beliau memberitahu Dewan ini tentang jumlah wang yang telah pun dibelanjakan sehingga hari ini bagi membeli senjata-senjata bernilai \$4,600 juta dari Kerajaan Britain; dan
- (b) adakah negara kita mempunyai tabung yang begitu banyak bagi pembelian senjata-senjata ini.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum lagi membuat sebarang perbelanjaan berkenaan dengan cadangan memperolehi alat-alat pertahanan dari United Kingdom.
- (b) Nilai \$4,600 juta itu adalah anggaran kasar sahaja. Sebarang keputusan untuk mendapatkan alat-alat pertahanan itu nanti akan tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan termasuk perkiraan counter-trade dengan pihak United Kingdom.

## PENYERAPAN PEGAWAI NEGERI SABAH KE PERSEKUTUAN

**41. Tuan Maidom bin P. Pansai** minta Perdana Menteri menyatakan

tentang cadangan untuk menyeraikan kakitangan/pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Sabah (yang sedang berkhidmat di Jabatan Persekutuan) ke Perkhidmatan Awam Persekutuan:

- (a) mengapakah penyerapan itu diperlukan;
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa kakitangan dan pegawai-pegawai yang terlibat dalam penyerapan itu merasa amat bimbang dan ragu kerana mengengangkan bahawa bila mereka sudah diserapkan kelak, maka mereka terpaksa berhadapan dengan kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan yang lain di seluruh negara Malaysia untuk bersaing bagi mendapatkan kenaikan pangkat (disebabkan inferiority complex) yang ada pada mereka yang terlibat daripada Sabah. Daian hai ini, apakah jaminan pihak Kerajaan bahawa apa yang dibimbang dan diragui itu tidak akan berlaku kelak.

**Tuan Othman bin Abdul:**

- (a) Penyerapan kakitangan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah ke dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan bertujuan untuk melaksanakan dasar Kerajaan bagi mewujudkan integrasi sepenuhnya anggota Perkhidmatan Awam di Jabatan-jabatan Persekutuan di Negeri Sabah selaras dengan perakuan dan hasrat yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan Tahun 1962 dan Laporan Jawatankuasa Penyatuan Tahun 1971.
- (b) Pada dasarnya kenaikan pangkat pegawai-pegawai adalah berdasarkan kepada prestasi kerja. Dengan penyerapan ini pegawai-pegawai Sabah yang memasuki

Perkhidmatan Awam Persekutuan akan diberi peluang yang sama seperti Pegawai Persekutuan yang lain untuk mengikuti latihan dan pendedahan kerja. Ini secara langsung akan mewujudkan keyakinan diri dan mempertingkatkan prestasi kerja mereka. Oleh itu perasaan rendah diri untuk bersaing sepatutnya tidak timbul.

## BAHAGIAN KEMAJUAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**42. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Perdana Menteri menyatakan apakah fungsi dan peranan Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri yang telah ditubuhkan pada 20-5-1987 lalu, berikutan pemansuhan Kementerian Wilayah Persekutuan. Berapakah bilangan anggota penjawat awam yang menjalankan fungsi dan peranan tersebut. Adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai sebuah negeri, sepertimana negeri-negeri lain di Malaysia.

**Dr Suleiman bin Mohamed:** Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan telah diwujudkan selepas pemansuhan Kementerian Wilayah Persekutuan pada 20-5-1987 berikutan perubahan struktur baru Kabinet Kerajaan. Bahagian ini diletakkan di bawah portfolio Jabatan Perdana Menteri. Fungsi dan peranan Bahagian yang baru diwujudkan ini tidak jauh berbeza dengan peranan yang telah dimainkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Fungsi dan peranan tersebut secara umumnya ialah mentadbir Wilayah Persekutuan, yang meliputi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, dari segi menentukan dasar-dasar pentadbiran, pengurusan dan pembangunan di dalam bidang-bidang

sosio-ekonomi, seperti keagamaan, pentadbiran tanah, infrastruktur, perumahan, pengangkutan, perparitan, pengindahan dan seumpamanya. Ringkasnya, bidang kuasa Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan adalah tertakluk kepada bidang kuasa Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan, sebagaimana termaktub dalam Warta Kerajaan P. U. (A) 168—Akta Tugas-tugas Menteri 1969, di bawah Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) (Pindaan) 1984.

Bahagian ini dianggotai oleh 37 penjawat awam yang dapat dikategorikan seperti berikut:

- (a) Profesional dan — 12 orang Pengurusan
- (b) Perkeranian dan — 6 orang Teknikal
- (c) Lain-lain (bukan — 19 orang profesional perkeranian dan teknikal)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan pada 1 Februari 1974 melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973. Pada masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai sebuah negeri. Ini disebabkan sistem pentadbiran Wilayah Persekutuan sekarang berkemampuan untuk terus mentadbir Wilayah Persekutuan. Dilihat dari segi hiraki pentadbirannya pada hari ini, Y.A.B. Perdana Menteri adalah Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan dan juga dasar-dasar pembangunan di Wilayah Persekutuan.

#### PROJEK LEBUHRAYA BARU

**43. Tuan Haji Abdul Rahman Bakar** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) berapakah projek lebuhraya baru di seluruh negara yang

dirancang untuk tahun 1989 dan 1990; dan

- (b) bilakah projek lebuhraya Kuala Krai-Kuala Berang akan dilaksanakan.

#### Dato' S. Samy Vellu:

- (a) Sejumlah 2 projek jalan raya besar sedang dirancang di dalam tahun 1989 dan 1990 ini. Projek-projek tersebut ialah:

- (i) Jalan raya Genting Highlands. Bukit Fraser's dan Camcron Highland; dan

- (ii) Jalan raya Sungai Siput-Gua Musang-Kuala Berang.

- (b) Projek jalan raya Kuala Krai-Kuala Berang yang dimaksudkan itu sebenarnya ialah jalan raya Sungai Siput-Gua Musang-Kuala Berang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan baharu sahaja meluluskan supaya kajian awal dan rekabentuk jalan raya ini dibuat. Jika kajian itu dapat disiapkan pada akhir tahun 1990 ini, maka pelaksanaan projek ini dijangka dapat dimulakan pada awal tahun 1991 yang akan datang.

#### BAHASA IBAN DI SEKOLAH-SEKOLAH

**44. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rancangan akan dilaksanakan untuk bahasa-bahasa asli di Negeri Sarawak, seperti Bahasa Iban, Bahasa Bidayuh, Bahasa Kayan dan sebagainya, dijadikan mata pelajaran di sekolah-sekolah Negeri Sarawak.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. bagi negeri Sarawak Kementerian Pendidikan telah menetapkan bahawa

bahasa etnik yang akan diajar adalah Bahasa Iban. Tanggungjawab dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Iban ini diberikan kepada Jabatan Pendidikan Negeri yang telah menggubal sukatan pelajaran, mengadakan kursus dan latihan untuk guru serta menyediakan buku teks.

### SISA INDUSTRI

**45. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) berapa banyakkah sisa-sisa industri sedang dikeluarkan seluruh Malaysia setahun;
- (b) adakah pihak Kementeriannya telah memutuskan untuk menempatkan Sepang, Selangor serta Valdor, Pulau Pinang, sebagai tempat pembuangan sisa industri, walaupun penduduk-penduduk di kedua-dua kawasan itu telah bersuara menentang cadangan Kerajaan tersebut; dan
- (c) pernahkah pihak Kerajaan menghantar sisa-sisa industri untuk dibuang ke luar negeri, dan apakah dasar Kerajaan terhadap pembuangan sisa tersebut di seberang sempadan antarabangsa.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):**

- (a) Berdasarkan kepada inventori yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, bagi tahun 1987. Lebih kurang 380,000 meter padu buangan-buangan toksik dan berbahaya dikeluarkan setahun.
- (b) Kerajaan belum memutuskan sama ada tapak-tapak yang disebutkan oleh Ahli Yang

Berhormat akan dijadikan sebagai tapak pelupusan buangan toksik dan berbahaya oleh kerana kajian terperinci kesesuaian tapak perlu dijalankan dan ini bergantung kepada persetujuan Kerajaan Negeri berkenaan. Di samping itu, Kerajaan sentiasa meneliti pandangan dari semua pihak dan akan mengambilkira keselamatan dan kesihatan orang awam di dalam menentukan kedudukan tapak tersebut.

- (c) Ya, pihak Kerajaan pernah meluluskan beberapa penghantaran buangan toksik dan berbahaya oleh pihak pekilang untuk pelupusan di luar negeri. Walaupun pihak Kerajaan belum mempunyai dasar tertentu pada masa ini, prosedur yang diamalkan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk meluluskan penghantaran buangan toksik dan berbahaya di luar negeri adalah tertakluk kepada dua syarat seperti berikut:
  - (i) penghantaran untuk pelupusan tersebut mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa di negara berkenaan; dan
  - (ii) syarikat atau pihak yang akan menerima buangan tersebut mengesahkan bahawa mereka mempunyai kemudahan pengolahan dan bersedia menerima buangan tersebut untuk pelupusan yang sempurna.

### PINJAMAN DAN BIASISWA MARA

**46. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar

Bandar menyatakan setakat mana dan berapa banyakkah wang pinjaman biasiswa yang telah dikeluarkan oleh MARA bagi pinjaman-pinjaman kepada penuntut-penuntut di dalam dan luar negeri dan berapakah yang telah dibayar balik, kalau tidak apakah tindakan-tindakan lanjut kerana kita mengetahui peminjam-peminjam itu sekarang ini berpangkat besar dan bergaji besar, masih enggan menjelaskannya.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Jumlah wang pinjaman dan biasiswa yang telah dikeluarkan oleh MARA berasaskan wang peruntukan yang diterima ialah sebanyak \$564.7 juta (bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima dari 1986-1988) bagi membiayai penuntut dalam dan luar negeri.

Sementara itu, bayaran balik yang teiah diterima sehingga tahun 1988 ialah sebanyak \$50,213,133.97 (tiada pecahan di dalam dan luar negeri).

Mengenai soalan ketiga MARA tidak membezakan tindakan-tindakan yang diambil mengikut pangkat dan gaji pemegang-pemegang biasiswa dan pinjaman pelajarannya. Sebaliknya tindakan adalah meliputi semua pinjaman.

Antara tindakan yang telah diambil ke atas mereka ini ialah:

- (i) Mengeluarkan surat-surat peringatan;
- (ii) Mengenenakan tindakan Undang-undang.

Mengenai saranan Yang Berhormat yang orang-orang berpangkat dan bergaji besar enggan menjelaskan hutangnya, untuk makluman Yang Berhormat, MARA sedaya-upaya berusaha mengambil tindakan untuk mendapatkan bayaran balik dari pihak-pihak yang sepatutnya berbuat demikian. Jika Yang Berhormat ada

maklumat mengenai orang-orang berkengan yang belum diambil tindakan oleh MARA, mungkin Yang Berhormat boleh membantu kami dengan memberikan maklumat-maklumat tersebut dan menasihatkan mereka supaya menjelaskan hutang-hutang mereka.

### **JETI PENGKALAN SULTAN ABDUL HALIM**

**47. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah rancangan atau projek pembinaan semula jeti yang runtuh di Pengkalan Sultan Abdul Halim akan diluluskan dan dilaksanakan dan apakah tindakan sedang dan akan diambil untuk mengurangkan ketidakselesaian para penumpang yang terpaksa menggunakan feri-feri vehicular.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:**

- (1) Cadangan membaikpulih platform yang runtuh di Pengkalan Sultan Abdu) Halim, Butterworth telah dimasukkan sebagai salah satu perkara dalam kajian komprehensif yang dibuat oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.
- (2) Bagi mengurangkan ketidakselesaian para penumpang berjalan kaki yang terpaksa menggunakan feri-feri kenderaan, pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang bercadang untuk membina "canopy" di sepanjang laluan dari pengkalan feri kenderaan ke Kompleks Pelabuhan untuk melindungi mereka dari cuaca panas dan hujan.

### **JALAN RAYA UTAMA DI SABAH—KEROSAKAN**

**48. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama

ada beliau sedar bahawa keadaan semua jalan raya utama di Sabah telah merosot semasa musim hujan yang lalu. Keadaan ini telah menimbulkan kesengsaraan yang amat sangat kepada semua penduduk Sabah umpamanya di Kota Kinabalu/Sandakan, Sandakan/Lahad Datu/Tawau, Kota Kinabalu/Kudat, dan juga antara Kota Kinabalu ke semua bandar pendalaman sebelah pantai barat di Sabah. Apakah rancangan jangka pendek mahupun panjang yang akan diambil oleh Kementeriannya untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' S. Samy Vellu:** Kementerian Kerja Raya memang sedar tentang kerosakan jalan raya utama di Sabah yang telah merosot semasa musim hujan yang lalu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jalan-jalan yang mengalami kerosakan di Sabah dan Rancangan-rancangan untuk mengatasi kerosakan adalah seperti berikut:

*Jalan Kota Kinabalu/Sandakan*

Pada masa ini jalan Tamparuli Ranau dan Jalan Ranau/Telupid sedang diperbaiki oleh JKR Sabah di kawasan tanah runtuh sebagai langkah jangka pendek. Bagi lankagh jangka panjangnya pula, Kerajaan akan membuat kajian kejuruteraan terperinci untuk menentukan sebab-sebab berlakunya kerosakan tersebut dan seterusnya kerja-kerja memperbaiki akan dilaksanakan.

Jalan Raya dari batu 32 Sandakan ke Telupid pula, tender telah dipanggil untuk kerja-kerja memperbaiki jalan yang rosak dan sebagai langkah jangka panjang, kerja-kerja menaikkan taraf jalan tersebut sedang dijalankan secara kontrak.

*Jalan Sandakan/Lahad Datu/Tawau*

Kerja-kerja menaikkan taraf jalan raya dari batu 32 Jalan Sandakan ke Lahad Datu sedang dilaksanakan secara kontrak. Bagaimanapun, jalan tersebut telah mengalami

kerosakan di beberapa bahagiannya semasa musim hujan yang lalu. Kerja-kerja memperbaiki bahagian-bahagian yang rosak itu akan dibuat oleh kontraktor projek ini sebaik sahaja keadaan cuaca mengizinkan. Mengenai bahagian jalan-jalan lain yang tidak termasuk di dalam kontrak ini, pembaikannya akan dilaksanakan oleh JKR sendiri.

*Jalan Kota Kinabalu—Kudat*

Beberapa bahagian jalan Kota Belud ke Kudat juga telah mengalami kerosakan dan JKR Sabah sedang melaksanakan kerja-kerja memperbaiki jalan tersebut pada masa ini. Jalan ini telah di rancangan untuk di naikkan taraf di masa akan datang. Mengenai jalan dari Penampang, Kota Kinabalu ke bandar-bandar utama seperti Tambunan, Keningau dan Tenom pula, jalan-jalan raya tersebut adalah jalan negeri. Walau bagaimanapun, saya difahamkan kerja-kerja pembaikan jalan tersebut akan dilakukan dalam tahun ini juga.

## PEMBAYAR CUKAI DI SABAH

**49. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan nama kelima-lima DIF di Sabah yang mengelak dari membayar cukai sebanyak \$30 juta ringgit, sila nyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka dan sama ada mereka akan didakwa dalam mahkamah menurut Akta Cukai Pendapatan. Jika tidak, mengapa.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Maklumat mengenai pembayar cukai adalah sulit dan tidak boleh dihebahkan kepada umum bertujuan bagi menjaga kepentingan pembayar-pembayar cukai. Di dalam keadaan di mana terdapat pembayar cukai yang disyaki mengelak dari membayar cukai, penyiasatan akan dilakukan oleh

Jabatan Hasil Dalam Negeri dan tindakan akan diambil ke atas mereka setimpal dengan kesalahan mereka tanpa mengira kedudukan seseorang itu dan ini termasuklah lima orang DIF di Sabah sepertimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

## USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

### TAHANAN AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

3.35 ptg.

**Tuan P. Patto (Ipoh);** Tuan Speaker, saya bangun di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (1), untuk mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat ditangguhkan untuk membincangkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan berhubung dengan penahanan secara sulit tanpa bicara 6 orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Saya minta izin untuk baca usul itu.

Bahawa Dewan ini memandang berat akan pencabulan nyata hak-hak asasi manusia di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri seperti yang dicerminkan di dalam penangkapan dan penahanan secara sulit 6 orang ahli Parti PAS yang aktif, iaitu:

- (a) Shahrul Puadi bin Zulkifli—32 tahun, seorang guru di Parit, Perak dan Ketua Pemuda PAS, Parit.
- (b) Mohd. Ros bin Jaafar—46 tahun, seorang dr. heomopathy di Bota Kanan, Bota, Parit, Perak—Aktiviti PAS.
- (c) Abdul Aziz bin Abdul Hamid—48 tahun, seorang guru dari Cemur, Perak dan

Setiausaha Lujnah Tarbiyah, Jawatankuasa Perhubungan PAS Negeri Perak.

- (d) Kofli bin Haji Ibrahim—Seorang aktivis PAS di Perak.
- (e) Idzham bin Mohd. Dali—Seorang aktivis PAS di Kedah.
- (f) Osman bin Mohd. Yatim—Seorang aktivis PAS di Kedah.

Di mana penahanan ini selanjutnya ternyata merosakkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa dengan pemantulan akibat buruk ke atas pelaburan dan usaha promosi pelancongan serta juga ke atas mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Komanwel akan datang yang dijadualkan berlangsung di Malaysia lewat tahun ini.

Bahawa Dewan ini menekankan bahawa Parlimen tidak boleh melepaskan tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak Kerajaan ke atas penahanan-penahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri, tetapi hendaklah menegaskan ke atas haknya supaya dimaklumkan dengan serta merta akan sebarang penahanan sedemikian bagi menyelia penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk mencegah penyalahgunaan dan penggunaan sewenang-wenangnya kuasa seperti yang telah kita lihat dari contoh-contoh "Operasi Lalang" dan sekiranya tidak pihak Cawangan Khas akan mengendalikan suatu Kerajaan Sulit, dengan izin, secret government, tanpa akauntabiliti kepada Parlimen dan orang ramai terutama sekali memandangkan akan pengakuan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa terdapat seramai 150 orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tetapi telah disangkal oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pada 15hb Mac, 1989 dalam Dewan Rakyat yang menyatakan bahawa terdapat hanya 70 orang tahanan di bawah Akta Keselamatan

Dalam Negeri dengan 60 orang ditahan di Kem Tahanan Kamunting, Taiping dan 10 orang lagi ditahan di Pusat Tahanan Polis. Maka timbullah soalan, siapakah yang bercakap benar, kerana boleh jadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mungkin telah mencipta sendiri angka 150 itu ataupun beliau mungkin telah diberi maklumat yang tidak betul oleh Cawangan Khas ataupun Parlimen telah diberi maklumat yang tidak betul oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri oleh kerana beliau tidak memberi sebarang penjelasan yang boleh menyakinkan akan bagaimana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mendapat angka 150 itu, atau adakah ianya satu kebenaran bahawa ada berlaku penangkapan di antara 150 hingga 200 orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada bulan Januari, 1989.

Bahawa 6 orang yang disebutkan tadi adalah kelompok pertama dari mereka ini untuk ditahan secara rasmi tanpa bicara bagi dua tahun pertama di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang telah menjadikan jumlah bilangan orang yang ditahan di bawah Akta tersebut berjumlah 76 orang sekarang. Dan bakinya akan ditahan secara rasmi secepat mungkin ataupun telah ditahan di pusat-pusat tahanan yang tidak diketahui oleh Parlimen atau orangramai dan haruslah diberi ingatan kepada Kerajaan akan ancaman besar kepada imej negara Malaysia yang akan terjadi dengan satu lagi penangkapan dan penahanan besar-besaran di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Bahawa perkara ini adalah tertentu oieh kerana ia berhubung dengan penahanan secara sulit tanpa bicara 6 orang yang kini ditahan di Kem Tahanan Kamunting, Taiping dan telah mewujudkan satu ancaman kepada kemungkinan berlaku lagi penahanan secara sulit tanpa bicara

dan dengan itu membenarkan Kerajaan tidak lagi, dengan izin, accountable kepada Parlimen dan orangramai akan pencabulan nyata hak-hak asasi manusia di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Bahawa perkara ini adalah berkenaan kepentingan orangramai oleh kerana ia berhubung dengan terdapatnya satu perasaan takut yang sedang menjalar bahawa hak-hak asasi manusia akan selanjutnya berterusan dicabuli dan bahawa bukan sahaja akan terdapat penahanan tanpa bicara tetapi sekarang ini terdapat satu perasaan takut akan penahanan sulit tanpa bicara.

Bahawa perkara ini berkehendak disegerakan oleh kerana bahawa pihak Kerajaan yang mana adalah bertanggungjawab bagi pencabulan nyata hak-hak manusia di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang mana sekarang ini telah mengakibatkan perasaan ketakutan akan penahanan tanpa bicara di mana jika tidak diawasi, akan membawa kepada penghakisan selanjutnya hak-hak asasi dan keyakinan awam dalam sistem demokrasi berparlimen sendiri yang membenarkan hak untuk mempunyai pandangan berbeza dengan mereka yang memegang teraju Kerajaan.

Saya mohon mencadangkan.  
(Tepuk)

**Tuan Yang di-Pertua,** Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah menerima satu pemberitahu usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Ipoh berkenaan dengan penahanan 6 orang ahli parti PAS. Teks usul Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti yang telah dibacakan tadi.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (2), Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk menangguhkan mesyuarat

kecuali jika Yang di-Pertua berpuas-hati iaitu perkara yang ditimbang-kan itu menepati 3 syarat, iaitu:

- (i) perkara itu perkara tertentu;
- (ii) ia bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia perlu disegerakan.

Setelah meneliti usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya berpendapat bahawa usul itu tidak perlu disegerakan perbincangan sehingga mesyuarat hari ini terpaksa ditangguhkan kerana penahanan orang-orang yang tersebut itu, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 yang telah diluluskan oleh Parliamen dan telah berjalan kuatkuasanya sehingga hari ini. Sehingga sekarang undang-undang ini tidak diisytiharkan sebagai tidak sah. Selagi undang-undang itu sah, maka kuatkuasa undang-undang itu boleh berjalan mengikut lunas-lunas yang digariskan di bawahnya. Oleh itu, saya menolak usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Ipoh. *(Tepuk)*

## USUL

### UCAPAN TAKZIAH ATAS KEMATIAN MENDIANG YANG BERHORMAT DATO' CHAN SIANG SUN, MENTERI KESIHATAN DAN KELUARGANYA

3.44 ptg.

**Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian mendiang Yang

Berhormat Dato' Chan Siang Sun, Menteri Kesihatan, pada 21 hb Mac, 1989 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya. Rekod perjalanan-perjalanan mesyuarat ini hendaklah disimpan di arkib Parlimen dan salinannya dihantar kepada keluarga mendiang Y.B. Dato' Chan Siang Sun.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat dan anggota Kerajaan amat terkejut menerima berita kematian Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun pada hari Selasa, 21hb Mac 1989. Sesungguhnya kematiannya adalah satu kehilangan besar kepada negara dan khususnya kepada rakyat Malaysia keturunan Cina. Mendiang Dato' Chan Siang Sun telah banyak memberi sumbangan tenaga dan buah fikiran di dalam membangunkan negara. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada pagi ini, telah bertafakkur sejenak dan merakamkan ucapan takziah kepada Datin Chia Kwai Ying dan ahli-ahli keluarga mendiang, atas perkhidmatannya yang lama dan cemerlang kepada Kerajaan.

Beliau yang berasal dari Bentong, Pahang telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan ini sejak tahun 1959 dan merupakan salah seorang yang telah lama berkhidmat sebagai Ahli Dewan ini. Di dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang ahli politik, mendiang merupakan seorang tokoh yang sangat bertimbang rasa, peramah, sentiasa memberikan senyuman, "a man of a thousand smiles" dan berpandangan jauh bagi menyatupadukan semua masyarakat dan rakyat di negara ini. Kepimpinan beliau sebagai salah seorang pemimpin MCA adalah dihormati oleh rakan-rakannya sama ada dalam parti tersebut atau parti-parti komponen dalam Barisan Nasional. Ketokohan beliau sebagai pemimpin yang ikhlas memperjuangkan bukan sahaja nasib rakyat

keturunan Cina tetapi juga rakyat Malaysia keseluruhannya, seharusnya dicontohi.

Sebagai anggota Jemaah Menteri, beliau telah berkhidmat sebagai Menteri Kesihatan dan sebelum ini sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Beliau juga telah menjadi anggota pentadbiran selaku Timbalan Menteri Pendidikan dan Timbalan Menteri Penerangan. Kebolehan beliau mentadbir dan mengendalikan Kementerian Kesihatan dalam meningkatkan mutu kesihatan rakyat di seluruh negara adalah disanjung tinggi. Adalah menjadi harapan beliau supaya langkah berjaga-jaga diperketatkan untuk mengawal penyakit-penyakit merebak di negara ini. Mendiang telah mengeneppikan kepentingan diri dalam menjalankan tugas-tugasnya.

Sifat-sifat kepimpinan beliau yang jujur, ikhlas dan memahami aspirasi rakyat bukan sahaja mendapat sanjungan tinggi daripada masyarakat Cina negara ini tetapi juga mendapat pengiktirafan masyarakat lain dari berbilang kaum.

Atas jasa-jasa beliau kepada negara, mendiang telah dianugerahkan Darjah-darjah Kebesaran Negeri Pahang dan bintang-bintang Persekutuan.

Mendiang Dato' Chan Siang Sun semasa hayatnya adalah seorang pencinta bidang pertanian dan telah bergerak cergas dalam politik, hinggalah beliau berjaya memegang jawatan Naib Presiden MCA sebelum meninggal dunia. Semasa hayatnya juga, mendiang tidak syak lagi merupakan seorang yang taat setia kepada negara dan pemimpin-pemimpin Kerajaan sekarang. Kesetiaan, semangat dedikasi dan kejujuran mendiang di dalam melaksanakan tugas-tugasnya akan dikenang oleh rakyat negara ini seluruhnya.

Sesungguhnya pemergian mendiang Dato' Chan Siang Sun amat dirasai oleh rakyat yang cintakan keharmonian di dalam negara ini. Pemergian mendiang merupakan peristiwa yang amat sedih dan terharu kepada isteri dan anggota-anggota keluarganya. Saya berharap isteri dan anggota keluarganya akan tabah hati serta bersabar di dalam menghadapi peristiwa yang sedih itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

*3.49ptg.*

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, pemergian mendiang Dato' Chan Siang Sun secara mengejut malam tadi adalah satu kehilangan yang amat bermakna di hati kita semua.

Mendiang Dato' Chan Siang Sun adalah seorang pahlawan negara dan selama 30 tahun penglibatan mendiang di dalam arena politik sebagai Ahli Parlimen, telah banyak membantu dirinya sendiri, parti, masyarakat dan juga negara. Mendiang adalah seorang rakyat Malaysia sejati yang mengamalkan rasialisme berbilang kaum dan adalah sangat terkenal dengan sifat kesabaran dan timbangrasanya di kalangan rakan seperjuangan. Mendiang Dato' Chan Siang Sun juga dapat diterima dengan baik oleh masyarakat Cina, Bumiputera dan juga masyarakat India.

Kejayaan dan peningkatan mendiang di dalam arena politik bukanlah diperolehi secara mudah, tetapi terpaksa mengharungi liku-liku yang amat sukar. Walau bagaimanapun, mendiang tidak pernah merasa hampa sungguhpun mendiang hanya menjadi Timbaian Menteri sudah sekian lama, sebelum dilantik sebagai Menteri penuh. Beliau masih lagi meneruskan khidmatnya kepada parti dan masyarakat walaupun terpaksa

menempuh segala kesusahan sehinggalah mendiang dikenali sebagai seorang veteran dan pemimpin yang senior di dalam parti M.C.A.

Mendiang Dato' Chan Siang Sun bukan sahaja seorang pemimpin senior di dalam M.C.A. tetapi juga adalah seorang negarawan yang senior di negara ini. Mendiang adalah ahli yang sejati Barisan Nasional.

Kami merasa bangga mendiang Dato' Chan Siang Sun telah dapat memberikan khidmatnya untuk negara sehingga akhir hayatnya pada malam tadi. Dengan pemergiannya, kita semua telah kehilangan seorang rakan yang baik dan seorang pemimpin yang bijak. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak berucap? Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

3.52 *ptg.*

**Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal):** Tuan Yang di-Pertua, semalam isteri saya memberitahu saya bahawa mendiang Dato' Chan Siang Sun telah diserang sakit jantung ketika bermain bulu tangkis dan kemudiannya meninggal dunia. Saya merasa amat terkejut kerana pada malam Isnin saya telah melihat mendiang Dato' Chan di Majlis Makan Malam di Dewan Tun Hussein Onn dan nampaknya beliau sihat dan kuat.

Tuan Yang di-Pertua, kehilangan mendiang Dato' Chan Siang Sun akan dirasai oleh kawan-kawannya baik pun parti Kerajaan mahupun dari parti Pembangkang kerana semasa hanyatnya beliau mempunyai hati yang besar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Parlimen dari Nibong Tebal, saya menyokong Usul merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat dan menyampaikan ucapan takziah k pada Datin Chan serta keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Maran.

3.54 *ptg.*

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sebagai Setiausaha Barisan Nasional Negeri Pahang ingin merakamkan perasaan dukacita dan takziah di atas kematian mendiang Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun. Kehilangan beliau memanglah bukan sahaja terasa oleh seluruh rakyat dan pemimpin di negara bahkan juga terasa di Negeri Pahang sendiri kerana beliau adalah merupakan Naib Pengerusi Barisan Nasional Negeri Pahang. Jadi, saya sekali lagi menyokong ucapan takziah ini di atas kehilangan beliau. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

3.55 *ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, pihak DAP merasa dukacita di atas kematian Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun, Menteri Kesihatan. Kami hendak menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Sejak tahun 1959 mendiang Yang Berhormat Dato' Chan memainkan peranan beliau sebagai Ahli Parlimen, sebagai Timbalan Menteri dan daiam tempoh tiga tahun ini sebagai Menteri. Beliau merupakan salah seorang Ahli yang paling lama di dalam Dewan yang mulia ini. Setelah berkhidmat kira-kira 30 tahun, pemergian mendiang Yang Berhormat Dato' Chan mesti meninggalkan kesan kerana kegigihan beliau dalam menjalankan tugasnya. Mendiang Yang Berhormat Dato' Chan adalah

seorang peramah, yang berupaya untuk bercampur gaul dengan pelbagai lapisan masyarakat.

Sekali lagi pihak kami merakamkan perasaan dukacita dan mengucapkan takziah kepada keluarga Yang Berhormat mendiang Dato' Chan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Sarikei.

3.57 *ptg.*

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama dengan wakil-wakil parti di Dewan Rakyat ini ingin merakamkan kesedihan dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Berbahagia Datin Cheah Kwai Ying dan keluarganya di atas pemergian mendiang Dato' Chan Siang Sun, Menteri Kesihatan.

Kita berkumpul di Dewan ini dari dalam suasana yang sedih dan juga di dalam suasana yang sukar bagi kita semua menerima hakikat bahawa mendiang Dato' Chan Siang Sun tidak lagi bersama kita dan tidak akan lagi menyertai sidang ini. Mendiang Dato' Chan Siang Sun merupakan salah seorang pelopor Ahli-ahli Parlimen dan scpertimana kita sedia maklum beliau telah berkhidmat sebagai Ahli Parlimen selama 30 tahun.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya sebagai Wakil Rakyat dan anggota Pentadbiran, beliau telah banyak berjasa demi rakyat dan negara yang dicintainya. Kami di SUPP merasa sangat sedih di atas kehilangan seorang tokoh negara dan seorang yang peramah dan sahabat karib. Negara telah kehilangan seorang pemimpin yang setia kepada prinsip-prinsip demokrasi, kebebasan, keadilan dan saksama. Pemergian beliau bukan pada waktunya.

Parti dan sumbangan mendiang Dato' Chan Siang Sun adalah banyak dan ianya akan merupakan peringatan seorang anak watan yang mementingkan ibu pertiwi. Kenangan-kenangan khidmat beliau akan terus kekal abadi di dalam hati dan jiwa rakyat negara ini. Pemergian beliau adalah satu kehilangan besar baik bagi kita yang berkumpul di Dewan ini mahupun bagi seluruh rakyat Malaysia. Teladan beliau sebagai seorang Menteri yang sedia membantu dengan senyuman tiap-tiap orang yang memerlukannya bolehlah dicontohi oleh pemimpin-pemimpin masa depan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Tuaran.

3.59 *ptg.*

**Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut merakamkan ucapan takziah kepada Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun di atas pemergian beliau. Rekod perkhidmatan beliau dalam Parlimen haruslah diteladani dan dicontohi dan kami daripada komponen Barisan Nasional daripada Sabah daripada PBS merakamkan ucapan takziah kepada keluarga beliau. Saya mohon menyokong Usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Ahli Yang Berhormat dari Saratok.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau (Saratok):** Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama rakan yang lain memberi sokongan sepenuhnya kepada usul yang dicadangkan oleh Yang Mulia Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen iaitu YB Menteri Pertahanan memberi takziah kepada keluarga YB Dato' Chan Siang Sun. Mewakili Parti SNAP saya dengan sedih hati oleh kerana apabila membaca suratkhobar pagi ini, saya terkejut sebab sehari kelmarin kami

bersama Dato' Chan dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang lain pergi melawat Bukit Cherakah iaitu satu projek Kementerian Pertanian yang sungguh menarik hati apabila kami melawat dan saya percaya mending YB Dato' Chan memang seorang yang kuat dan sihat apabila bersama-sama pergi sehari kelmarin dan sebelum itu. Oleh kerana itu, kami dalam parti SNAP memang semuanya sedih hati memberi takziah kepada keluarganya oleh kerana tugas dan jawatan yang dipegang oleh beliau selama ini sebagai Menteri Kesihatan memang memberi banyak makna dan hasil kepada Negeri Sarawak. Terimakasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Arau.

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Bagi pihak BBG, Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan, kami ingin merakamkan ucapan takziah kepada Datin Chan keluarganya. Sejak dua hari yang lepas, mending Dato' Chan telah mengikuti program BBC dengan begitu aktif sekali.

Yang pertamanya, sebagaimana yang disebutkan iaitu bersama-sama dengan kami dalam Malam Tahun Melawat Malaysia anjuran Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Yang keduanya, melawat Bukit Cherakah. Dia duduk di sebelah saya semasa di dalam bas dan yang ketiganya, bersama-sama bermain badminton semalam di Kelab Kilat. Malah sebelum bermain, beliau berbual mesra dengan Datin dan juga kami Ahli-ahli BBC dan kami tidak menyangka perkara ini berlaku dan kami amat terharu di atas pemergian Yang Berhormat mending Dato' Chan dan berharap Datin Chan dan keluarga bersabar untuk menghadapi dugaan ini.

Bagi pihak BBC, sekali lagi kami sangat-sangat merasa kehilangan Yang Berhormat mending Dato' Chan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Paloh.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Dato Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Parti Pesaka Bumiputera Sarawak ingin menyokong usul yang dibentang oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan atas kematian rakan kami mending Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun.

Beliau ialah seorang yang peramah dan mesra dan beliau sebagai salah seorang yang veteran sebagai Ahli Dewan Rakyat ini telah lama berkhidmat kepada negara dan semasa beliau menjadi Timbalan Menteri Pertahanan dan juga Menteri baru-baru ini sejak tiga tahun yang lalu, beliau selalu melawat Sarawak dan menolong Kerajaan Negeri Sarawak berkenaan dengan perkara-perkara yang menyentuh dengan jawatan-jawatan beliau.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan takziah kepada Datin Chan dan keluarga beliau dan berharap di masa mereka menghadapi ini, mereka berbanyak-banyak bersabar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Papar.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Parti USNO ingin merakamkan di Dewan yang mulia ini perasaan dukacita yang amat sangat kami dan ingin menyampaikan ucapan takziah kepada Datin Chan serta keluarganya di atas kematian mending Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun pada hari semalam.

Kematian mendiang Dato' Chan memanglah satu kerugian yang besar bukan sahaja kepada keluarganya tetapi juga kepada seluruh rakyat di negara ini termasuk Sabah dan Sarawak.

Jadi, saya inginlah menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan tadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya kemukakan usul, saya juga hendak mengambil kesempatan dengan segala penuh dukacita berucap sedikit.

Kematian Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun sungguh memeranjatkan kita sekalian. Parlimen sudah kehilangan seorang Ahli Parlimen yang cukup matang. Saya dapati mendiang Chan sangat merendahkan diri. Ucapan-ucapannya di dalam Dewan ini membuktikan tabiatnya yang merendah diri itu.

Saya teringat masa beliau menjawab soalan-soalan ataupun membentangkan Rang Undang-undang, beliau berbuat demikian dengan bersopan-santun dan dengan suara yang lemah-lembut. Beliau dapat mengelakkan daripada melibatkan diri di dalam kekecohan yang kadangkadangnya berlaku di dalam Dewan ini.

Beliau adalah satu contoh sebagai bukan sahaja seorang Menteri yang peramah dan jujur bahkan juga sebagai seorang Ahli Parlimen yang bertokoh besar.

Bagi saya, saya telah kehilangan seorang rakan yang karib. Saya kenal beliau semenjak tahun 1964 kerana pada masa itu beliau dilantik sebagai seorang Wakil Rakyat bagi Penggal Kedua, saya pula dilantik sebagai Ahli Dewan Rakyat bagi Penggal yang Pertama. Tempat duduk kami pada masa itu tidak berjauhan-jauhan dan kami

telah pun menjadi kawan yang karib sehingga sekarang.

Usul yang dikemukakan ini adalah sangat sewajarnya bagi mengingati jasa beliau dan juga kepada kaum keluarganya kerana memandangkan kepada perkhidmatannya kepada negara dan memandangkannya sebagai seorang yang gentleman. Saya turut mengucapkan takziah kepada Datin Chan dan sekalian kaum keluarganya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul untuk diputuskan. Usul di bawah nama Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian mendiang Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun, Menteri Kesihatan, pada 21hb Mac, 1989 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya. Rekod perjalanan-perjalanan mesyuarat ini hendaklah disimpan di arkib Parlimen dan salinannya dihantar kepada keluarga mendiang Y.B. Dato' Chan Siang Sun.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian mendiang Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun, Menteri Kesihatan, pada 21hb Mac, 1989 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya. Rekod perjalanan-perjalanan mesyuarat ini hendaklah disimpan di arkib Parlimen dan salinannya dihantar kepada keluarga mendiang Y.B. Dato' Chan Siang Sun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekalian yang ada di dalam Dewan

ini bangun berdiam diri selama satu minit untuk mengingati mending Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun.

*(Majlis berdiam diri selama satu minit).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditempatkan selama lima minit.

*Persidangan ditempatkan pada pukul 4.10 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 4.20 petang.*

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-  
perkerusi Mesyuarat)*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PENDAFTARAN DAN PELESENAN MINYAK KELAPA- SAWIT (PEMERBADANAN) (PINDAAN)

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang dalam Jawatankuasa sebuah buah majlis (*21hb Mac, 1989*).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-  
perkerusi Jawatankuasa)*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh sambung.

*4.21 ptg.*

*Fasal 5—*

**Timbalan Menteri Perusahaan  
Utama (Dato' Alias bin Md. Ali):** Tuan

Pengerusi, pada ketika Dewan ini ditangguhkan petang semalam, saya masih lagi sedang menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, berbangkit daripada Fasal 5 iaitu Seksyen 13 Akta ibu mengenai perkara pengkensenan lesen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum seseorang pemegang itu digantung lesennya, Lembaga akan meminta pemegang-pemegang lesen itu menunjukkan sebab-sebab mengapa lesen itu tidak patut digantung sama ada dalam bentuk tulisan ataupun dikehendaki hadir untuk memberi keterangan. Selepas itu Lembaga akan memberi pertimbangan terhadap sesuatu kes itu. Sekiranya seseorang pemegang lesen itu tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga, maka beliau bolehlah merayu kepada Yang Berhormat Menteri dan keputusan Yang Berhormat Menteri adalah muktamad. Dalam pada itu Lembaga akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan bahawa seseorang pemegang lesen yang telah dikensel itu tidak akan membuat sebarang urusniaga dengan mana-mana pihak. Pada masa ini tiada kes-kes yang telah dilepaskan sepanjang aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan seperti yang dikhuatiri oleh Ahli Yang Berhormat, dari Kepong.

Walau bagaimanapun, akibat pesatnya perusahaan minyak kelapa sawit negara sekarang ini adalah dijangka akan menimbulkan keadaan yang boleh mencemarkan mutu keluaran minyak kelapa sawit negara. Jika keadaan ini tidak dibedung ianya pasti akan menjejaskan imej negara sebagai pengeluar utama minyak kelapa sawit yang bermutu tinggi di pasaran antarabangsa. Oleh hal yang demikian, sebelum perkara ini berlaku adalah wajar peruntukan-peruntukan penguatkuasaan diperkemaskinikan lagi. Tujuan penyitaan itu dilakukan

adalah semata-mata untuk memperoleh bukti-bukti penting kesalahan yang dilakukan bagi maksud dakwaan,

Saya ingin memberikan jaminan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa Merinyu Minyak Kelapa Sawit dalam hal ini tidak mempunyai kuasa bertindak persendirian. Beliau hanya boleh membuat laporan kepada pihak Ketua Eksekutif dan terpulanglah kepada Ketua Eksekutif untuk mengambil tindakan selanjutnya sama ada untuk membawa kes itu ke mahkamah ataupun tidak. Jadi tidak akan timbul perbuatan peras-ugut dan sebagainya. Kalaupun perkara-perkara itu timbul, maka pegawai-pegawai yang berkenaan akan tertakluk kepada tindakan-tindakan disiplin di bawah General Orders.

Saya sekarang habis perkara Fasal 5, Seksyen 13 Akta ibu. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Fasal 5 sudah diselesaikan. Tetapi Fasal 6 hingga Fasal 10 belum dibahas lagi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sebentar. Sekarang kita habiskan sampai kepada Fasal 5 dahulu. Selepas itu ada satu pindaan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Oh, ada pindaan. Terima kasih.

*Fasal 5* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 6 hingga 26—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Fasal 6 hingga 26 terbuka untuk dibahas.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Pengerusi, point of order, tak cukup bilang.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tak cukup bilang. Sila bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

*(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir).*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Boleh sambung semula Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengemukakan sedikit pindaan kepada Fasal 25 di bawah Peraturan Mesyuarat 57 (2). Dengan izin, Tuan Pengerusi, saya mengemukakan pindaan tersebut iaitu pindaan Fasal 25 Akta Ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 37 seksyen 37A yang berikut:

"37A. Baik ketua eksekutif, mana-mana pegawai Lembaga mahu pun mana-mana pegawai kastam" masukkan perkataan "tidak boleh dipertanggungjawabkan" selepas perkataan "boleh" dimasukkan perkataan "tidak".

Seterusnya perkataan-perkataan yang terdapat dalam akta ini tidak berubah. Cuma dimasukkan perkataan "tidak boleh". Ini sebenarnya, Tuan Pengerusi, satu kesilapan cetak dan juga sebab yang sebenarnya Akta ini dalam naskah Inggerisnya jelas membayangkan bahawa maksud sebenarnya ialah bahawa pegawai-pegawai berkenaan tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas kerosakan, kecederaan, ke atas harta-harta semasa mereka menjalankan tugas ini kecuali kecederaan atau kerosakan itu dilakukan dengan sengaja atau disebabkan perbuatan melulu atau kecuaiian yang melampau."

Dengan izin, Tuan Pengerusi, saya mengemukakan pindaan.

**Tuan Pengerusi, (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan kepada Seksyen 37 iaitu Seksyen 37A dengan menambah perkataan "tidak" sebelum perkataan "boleh" pada baris ketiga, sekarang terbuka untuk dibahas.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Fasal 11, Seksyen baru 24A. Pindaan ini membuat peruntukan membenarkan pihak berkuasa melakukan mana-mana barangan yang tidak praktis dipindahkan dari premisnya. Lanya juga menjadikan satu kesalahan bagi sesiapa memecahkan lak yang dikenakan. Soalannya di sini ialah bagaimana pihak berkuasa dapat mengenal pasti orang mana yang telah memecah lak jika tidak ada pengawal menjaga barangan tersebut. Bagaimanakah Kerajaan dapat menguatkuasakan bahagian undang-undang dengan berkesan. Apakah bentuk lak yang akan digunakan supaya sebarang pemecahan lak senang dikesan tetapi sukar dicantum semula selepas dipecah. Bukankah penggunaan ciri keselamatan seperti ini akan melibatkan perbelanjaan tambahan bagi Kerajaan. Jika tidak mengapa, jika ya berapa banyakkah kos tahunan akan bertambah akibat penggunaan peralatan ini.

Tuan Pengerusi, Fasal 13 pindaan Seksyen 26. Pindaan seksyen ini juga mempengaruhi penyitaan yang dibuat di bawah seksyen-seksyen 23 dan 24. Kehendak-kehendak untuk memberi notis penyitaan dan alasan-alasannya di bawah peruntukan yang tersedia ada dipotong, ini adalah kurang memuaskan. Seperti yang dikatakan oleh saya tadi di bawah perbmangan Fasal 10 sekurang-kurangnya sebab-sebab penyitaan dibuat harus dikemukakan kepada orang yang

mana tindakan diambil demi keadilan undang-undang.

Tuan Pengerusi, barangan yang disita itu berupa hak milik tertuduh dan beliau berhak diberitahu mengapa barangan di luar daripada yang diguna semasa melakukan kesalahan terutama sekali jentera, perekaan atau kelengkapan harus disita oleh pihak berkuasa. Jika Kerajaan perlu menanggung kos menjaga atau menyediakan tempat menyimpan barang-barang yang disita syarat menghendaki pegawai memberi alasan juga boleh mengesyorkan yang penyitaan tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Tetapi kerana mempunyai alasan yang benar-benar munasabah untuk berbuat demikian sekalipun Kerajaan tidak perlu menanggung apa-apa kos menyimpan barangan yang disita ianya amat tidak adil untuk merampas segala barangan milikan yang tertuduh kalau hanya setengah barangan sahaja yang boleh diguna sebagai bukti kesalahan. Oleh itu, ciri-ciri memberi alasan bagi penyitaan harus dikekalkan.

Tuan Pengerusi, Fasal 14 seksyen baru 27A. Setelah membaca pindaan ini ia menimbulkan kesangsian kita yang Kerajaan mungkin berniat buruk mencuba dapatkan jaminan daripada tertuduh. Jelas sekali ditunjukkan daripada seksyen baru ini kemungkinan sesetengah barangan yang disita semasa menggeledah premis tertuduh dibuat adalah tidak perlu atau mustahak sebagai bukti berlakunya kesalahan. Jika ini benar, maka pada tempat pertamanya mengapa pula pegawai penyita menyita semua barangan yang tidak perlu atau tidak berguna sebagai bukti.

Tuan Pengerusi, sebaliknya jika Kerajaan tetap menegaskan yang barangan yang disita itu memang boleh diguna sebagai bukti kesalahan telah dilakukan maka mengapa pula

mahkamah boleh memulangkan apa-apa kenderaan, jentera, perakaian atau kelengkapan buat sementara waktu. Jika barangan itu benar-benar bukti yang akan digunakan untuk mendakwa tertuduh, maka mereka tidak patut dibebaskan semula bagi penggunaan si tertuduh kalau-kalau dia mengubah atau menyebabkan rupa barangan tidak lagi boleh digunakan sebagai barang bukti lagi.

Tuan Pengerusi, jelas sekali barangan yang boleh dipulangkan itu mempunyai nilai membuktikan kesalahan yang kecil, maka pada tempat pertamanya tidak perlu disitakan. Menyita sewenang-wenangnya hanya menambahkan lagi kerja mahkamah yang sudahpun dibebankan dengan kes-kes yang lain.

Tuan Pengerusi, Fasal 22 seksyen baru 35A; Fasal 23 seksyen baru 35B; dan Fasal 24 seksyen baru 36A. Ketiga-tiga Fasal ini memasukkan seksyen-seksyen baru tersebut jelas membuktikan bahawa perkara-perkara yang dikatakan melanggar undang-undang itu pernah berlaku, akan tetapi tidak diumumkan kepada orang ramai. Sekurang-kurangnya pindaan-pindaan baru ini menunjukkan bahawa Kerajaan mengambil ketetapan untuk bertindak dengan lebih tegas lagi ke atas kesalahan di bawah Akta PORLA 1976. Apakah kesalahan-kesalahan atau kejadian-kejadian yang sudah berlaku sehingga memerlukan pindaan dibuat tidak dijelaskan oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, oleh itu kami berharap pihak Kerajaan atau PORLA akan memberi penjelasan mengenai sebab-sebab mengapa seksyen-seksyen baru ini diperlukan pada masa sekarang akan tetapi tidak semasa. Akta itu mula-mula dirangkaikan.

Seksyen baru 35B amatlah berpatutan dan harus menjadi

prosedur standard bagi kesemua kakitangan Kerajaan yang mempunyai kekuasaan untuk mengeledah serta menyita sebarang hakmilik atau premis orang ramai.

Tuan Pengerusi, Fasal 25, seksyen baru 37A, walaupun ada pindaan tadi, tetapi ada masalah lagi. Sepertimana yang dibincangkan dalam Fasal 6 mengenai keperluan mengenakan had tempoh masa membuat penyiaran maklumat penggantungan atau pembatalan lesen seseorang dan pihak berkuasa bertanggungjawab menyiarkan maklumat tersebut dengan secepat mungkin, seksyen baru 37A ini memberi jalan keluar kepada pegawai berkuasa lalai dalam tugasnya tanpa menerima apa-apa hukuman atau ancaman perundangan yang boleh dikenakan terhadapnya. Tuan Pengerusi, sesungguhnya ianya benar yang pegawai berkuasa perlu diberi jaminan yang beliau tidak akan dikenakan tindakan undang-undang dengan sewenang-wenangnya, bagaimana pula Kerajaan dapat membuktikan atau mendefinisikan pula dilakukan dengan sengaja atau disebabkan perbuatan melulu atau kecuai-an yang melampau. Ke manakah letaknya sempadan di mana sesuatu perbuatan ditanggap melulu atau kecuai-an yang melampau. Kerajaan bukan tidak tahu bahawa ianya amat sukar untuk menunjukkan tindakan pihak berkuasa adalah disengajakan atau melulu atau terlampau cuai. Maka bagaimanakah Kerajaan boleh menentukan dengan adil dan saksamanya tindakan yang diambil oleh pegawai itu berpatutan atau sengaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab.

**Dato" Alias bin Md. Ali:** Tuan Pengerusi, saya telah menjelaskan beberapa perkara sebelum ini, tetapi masih lagi Ahli Yang Berhormat dari

Kepong mengulang-ulang perkara-perkara yang dibangkitkan. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa Kerajaan akan sentiasa berhati-hati di dalam mengambil apa jua tindakan termasuk tindakan menyita, melat dan juga mendakwa ke mahkamah. Jikalau bukti-bukti yang cukup dapat dikumpulkan untuk kita bawa ke mahkamah, kita akan bawa ke mahkamah. Kebimbangan-ke-bimbangan kemungkinan cuai dan sebagainya itu adalah tidak berasas oleh kerana setiap langkah penguatkuasaan yang diambil tertakluk kepada prosedur-prosedur biasa dan Ketua Pengarah mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memastikan bahawa sesuatu tindakan menyita itu dibuat selepas didapati tindakan itu perlu seluruhnya dan bukan semata-mata untuk menyita demi tujuan untuk menjejaskan perniagaan seseorang. Tetapi apabila pihak Ketua Pengarah berpuashati bahawa sebahagian daripada barang yang disita itu tidak berguna untuk menjadi barang kes atau tidak relevant untuk penyiasatan, maka pihak Ketua Pengarah boleh menggunakan budibicaranya untuk memulangkan sebahagian daripada barang-barang tersebut ataupun sekiranya mahkamah berpuashati bahawa sebahagian daripada barang-barang yang dijadikan barang kes itu tidak perlu dijadikan barang kes, maka pihak yang dituduh boleh membuat permohonan kepada mahkamah untuk mendapatkan barang-barang itu dipulangkan kepadanya. Ini adalah satu prosedur biasa dan tidak ada yang menyimpang daripada amalan-amalan biasa dari segi penguatkuasaan.

Ahli Yang Berhormat juga menyatakan kebimbangan tentang kemungkinan ada manipulasi dalam masa sesuatu lesen itu dikansel atau masa sesuatu lesen itu diambil tindakan untuk menyiarkannya di dalam Warta Kerajaan. Sebenarnya prosedur-prosedur biasa adalah jelas

bahawa selepas sesuatu lesen itu dikansel, dibatalkan, maka Ketua Eksekutif akan mengambil langkah segera untuk menghubungi peniaga-peniaga yang mempunyai urusan dengan pihak yang kena ambil tindakan memberitahu mereka bahawa langkah telah diambil untuk membatalkan atau mengkanselkan lesen mereka supaya tidak berlaku sebarang manipulasi dan penganiayaan terhadap peniaga-peniaga menjalankan urusaniaga dengan syarikat yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu juga menyebut tentang kes di mana kemungkinan Kerajaan terpaksa menanggung kos untuk barang-barang yang dilat supaya memastikan tidak ada orang yang masuk dan pecah atau rosakkan seal itu. Sebenarnya tanggungjawab untuk menjaga barang itu adalah terletak kepada tuanpunya yang berkenaan, bukan pihak PORLA.

Mereka mesti memastikan barang-barang yang dilat itu tidak dirosakkan, tidak dicuri, tidak dimusnahkan tetapi jika berlaku kecurian secara besar-besaran atau secara kecil-kerilan, penyiasatan akan dijalankan dan pihak polis akan mengambil tindakan menurut undang-undang jenayah. Menurut undang-undang yang ada sekarang adalah menjadi kesalahan kepada sesiapa yang didapati mencuri, melarikan atau merosakkan barang-barang yang dilat. Saya fikir undang-undang yang ada sekarang ini sudah cukup untuk mengawal keadaan-keadaan seperti ini.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan Fasal 25 pindaan kepada seksyen baru 37A yang baru. Susahlah kita hendak tentukan mana antara sempadan perbuatan melulu dan perbuatan cuai yang melampau dengan yang tidak melampau. Seperti juga susahnyanya saya hendak memutuskan sama ada Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu handsome

**orangnya atau tidak. Keputusan sama** ada perbuatan itu disebabkan dengan sengaja perbuatan melulu atau perbuatan kecuiaan yang melampau hanya boleh diputuskan oleh mahkamah. Tetapi dalam keadaan-keadaan biasa kiranya kerosakan-kerosakan itu berlaku dalam proses penguatkuasaan biasa maka provision Rang Undang-undang itu memperuntukkan perlindungan kepada pegawai-pegawai yang melakukan kerja-kerja enforcement tersebut.

Saya fikir banyak perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu menyentuh perkara-perkara detail mengenai prosedur dan sebagainya dan agak memakan waktu yang lama untuk saya menjelaskan satu persatu setiap prosedur yang diambil berkaitan dengan enforcement, berkaitan dengan penyitaan, lat dan juga pembatalan lesen dan juga pendakwaan dalam mahkamah. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa Rang Undang-undang ini telah digubal begitu rupa untuk memberi jaminan perlindungan kepada semua pihak, khususnya pihak perusahaan sendiri untuk memastikan bahawa perusahaan minyak kelapa sawit tidak tercemar oleh kerana adanya perbuatan-perbuatan penyelewengan oleh satu dua orang yang mungkin mahu mencari keuntungan secara cepat sehingga merosakkan nama baik minyak kelapa sawit keseluruhannya dan menjejaskan mereka yang berniaga secara jujur dan beramanah dan undang-undang ini tidak akan bertolak ansur terhadap orang-orang yang cuba membuat manipulasi ataupun mencampur adukkan bahan kelapa sawit dengan bahan-bahan yang boleh merosakkan nama baik kelapa sawit. Tidak ada jaminan yang boleh saya diberikan di sini lebih daripada mengatakan bahawa setengah-setengah daripada peruntukan yang disediakan di sini adalah dibuat atas kehendak pihak perusahaan

sendiri selepas mengambilkira fikiran-fikiran dan pandangan-pandangan mereka dan sekiranya ada kelemahan kepada Rang Undang-undang ini maka pihak Kementerian saya sedia menimbangkannya dan mengemukakan pindaan-pindaan selanjutnya pada masa yang akan datang. Terima kasih.

*Fasal 6 hingga 24* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 25* seperti yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 26* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluiskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (HAKMILIK PULAU PINANG DAN MELAKA) (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

*4.57ptg.*

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 telah berkuatkuasa mulai dari 1hb Januari 1966. Akta ini terpakai bagi negeri Pulau Pinang dan Melaka. Semenjak Akta ini dikuatkuasakan ianya telah

dipinda beberapa kali. Pindaan-pindaan terakhir adakah pada tahun 1984 menurut Akta A 597 dan pada tahun 1986 menurut Akta A 649. Akta-akta pindaan tersebut telah antara lain meminda takrif "Melayu" dan juga mengadakan peruntukan dalam seksyen 109A untuk membolehkan penukaran hakmilik bagi tanah-tanah yang bukan "Malay Customary Land" atau "Tanah Adat Melaka" kepada hakmilik tanah jenis "Malacca Customary Land".

Pada masa sekarang ini tanah-tanah "Malacca Customary Land" atau dengan ringkasnya tanah-tanah "MCL" jenis pertanian hanya boleh dimiliki oleh orang Melayu Melaka. Ini adalah mengikut takrif "Malay" yang terdapat di bawah seksyen 94 (1) Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 yang berbunyi seperti berikut, dengan izin.

"Malay means a Malay who was born in the state of Malacca or one of whose parents or grandparents was born in the state". Bagi tanah-tanah MCL jenis bangunan dan industri pula ianya adalah terbuka kepada semua Melayu. Kelonggaran ini adalah sebagai mana termaktub dalam seksyen 94 (2) yang memperuntukkan bahawa bagi tanah-tanah jenis bangunan dan industri, perkataan "Malay" hendaklah termasuk seseorang yang menganuti agama Islam lazimnya bercakap bahasa Melayu menurut adat istiadat Melayu dan:

- (a) lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau pada Hari Merdeka ia adalah berdomisil di Persekutuan, atau
- (b) ia adalah keturunan seseorang yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tanah-tanah MCL jenis pertanian kini mempunyai pasaran yang terhad kerana tanah-tanah ini hanya dibuka kepada

sekelompok yang kecil sahaja iaitu orang-orang Melayu Melaka. Ini bermakna bahawa sumber kewangan bagi memajukan tanah-tanah tersebut adalah terhad dan seterusnya ini telah menjejaskan pembangunan tanah-tanah tersebut. Oleh yang demikian, bagi tujuan mengatasi masalah ini dan mencapai hasrat supaya tanah-tanah MCL ini terbuka kepada semua orang Melayu, maka adalah dicadangkan supaya Seksyen 94, Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 dipinda dengan memotong subseksyen 2, dan meminda takrif "Malay" dalam subseksyen satu supaya berbunyi seperti berikut, dengan izin:

' "Malay" means a person who professes the religion of Islam, habitually speaks the Malay Language, conforms to the Malay Customs and—

- (a) was before the Merdeka Day born in the Federation or born of parents one of whom was born in the Federation, or is on that day domiciled in the Federation; or
- (b) is the issue of such a person; and'

Tuan Yang di-Pertua, takrif baru yang dicadangkan ini bertujuan untuk meliputi semua jenis tanah MCL iaitu pertanian, bangunan dan industri. Dengan pindaan kepada Seksyen 94 (1) dan pemotongan Seksyen 94 (2), pasaran bagi tanah-tanah MCL akan diperluaskan kepada semua orang Melayu. Dengan demikian sumber kewangan bagi memajukan semua jenis tanah MCL akan bertambah luas dan ini akan meningkatkan tahap jaminan bahawa tanah-tanah MCL akan dimajukan dan seterusnya berfungsi sebagai unit ekonomi yang aktif dan bernilai tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan-penjelasan itu, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

**Dato Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

5.03 ptg,

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan bagi membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 yang mana sebentar tadi telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Di dalam penerangan-penerangan dan ulasan tadi berhubung dengan tanah-tanah hakmilik orang Melayu, khususnya di Pulau Pinang dan Melaka untuk menaikkan taraf dan seterusnya memajukan oleh orang-orang Melayu khususnya, dan sebagai yang disebutkan tadi. Di sini saya menyokong penuh di atas usaha dan juga Rang Undang-undang yang telah dibentangkan ini. Tetapi jikalau sekiranya hanya memberikan hak-hak kepada orang Melayu sahaja, tanpa memikirkan yang lain-lain, kemungkinan hak-hak orang Melayu yang hendak dimajukan ini juga mungkin tergendala.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita ketahui, sungguhpun tanah-tanah ini hak Pulau Pinang dan Melaka, boleh dikatakan tanah-tanah yang terhad dan kawasan ini ialah kawasan negeri yang kecil dan tanah-tanah hak Melayu ini duduk di kawasan itu yang

hendak dimajukan. Memang ini yang kita kehendaki, tetapi untuk memajukan ini, kita mengharapkan pihak Kerajaan supaya tidak ada pilih kasih tentang harga tanah dan seterusnya, sebagaimana yang ada sekarang ini. Hak-hak tanah milik orang Melayu tidak berharga, sungguhpun letaknya di Kuala Lumpur, Untuk dipajakkan, untuk digadaikan kepada bank, tetapi bank-bank tidak mahu menerima. Umpamanya, tanah-tanah di Kuala Lumpur ini, seperti di Sungai Pencala, Segambut dan seterusnya, kalau dibandingkan dengan tanah-tanah di persekitaran yang berdekatan dengan tanah-tanah tersebut di mana harganya melambung tinggi. Tetapi harga tanah kepunyaan orang Melayu ini apabila pergi ke bank, sama ada Bank Pertanian, bank itu dan ini—semuanya menolak. Kalau hendak pun ada syarat-syaratnya iaitu dengan pemberian yang begitu murah.

Oleh itu saya mengharapkan dengan adanya usaha-usaha untuk menolong orang Melayu yang ada tanah yang begitu sedikit ini, supaya dapat dimajukan supaya orang Melayu akan dapat meninggikan lagi taraf ekonomi mengikut Dasar Ekonomi Baru tanah hak-hak orang Melayu ini mestilah mengarahkan kepada bank supaya tanah-tanah hakmilik Melayu ini sama harganya dengan tanah-tanah bukan orang Melayu. Tetapi ada kemungkinan pihak Timbalan Menteri akan menjawab sekejap lagi bahawa tanah ini akan bertukar milik ataupun dirampas oleh bank jikalau sekiranya tidak dibayar sekian-sekian masa setelah perjanjian dibuat. Rasa saya itu boleh kita syaratkan. jikalau bank hendak tarik balik kerana yang empunya tanah tidak dapat membayar balik cagaran itu boleh dicari orang-orang Melayu yang lain supaya tanah ini tidak lari daripada tangan orang Melayu.

Dengan cara ini rasa saya, kita akan dapat menolong orang Melayu untuk

meninggikan taraf orang Melayu dan disamping itu juga meninggikan nilai tanah-tanah kepunyaan orang Melayu ini. Itu sahajalah pandangan saya berhubung dengan Rang Undang-undang ini, kerana Rang Undang-undang ini pun tidak banyak hendak diperkatakan. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan. Terima Kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Arau.

*5.07ptg.*

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana saya baru masuk sebab saya dengar perkataan tanah tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan perkara ini, saya ingin menyentuh, sebab ini bukan sahaja melibatkan Rang Undang-undang ini tetapi melibatkan satu perkara secara umum berhubung dengan Kanun Tanah Negara, iaitu berhubung dengan P.A. Tuan Yang di-Pertua, memang undang-undang membenarkan P.A. Loyar-loyar seronok bermain dengan P.A., termasuk juga orang-orang berniaga tetapi sedarkah Kerajaan dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri, disebabkan P.A. ini kebanyakannya selalu ditulis di dalam bahasa Inggeris dan banyak orang-orang yang membuat P.A. ini tidak tahu apa yang dia tandatangani. Loyar (maaf cakap), kadang-kadang menyebelahi pihak yang ingin mendapatkan P.A. tersebut. Tuan-tuan tanah yang buta huruf ataupun yang tidak memahami tentang apa dia P.A. itu dengan sewenang-wenangnya menandatangani perkara tersebut. Saya bukan

hendak kata lawyer tidak ikhlas, tetapi lawyer juga mengikut pelanggannya yang menghendaki supaya P.A. ini dibuat dan saya beri satu contoh yang baik yang terlibat kepada diri saya.

Ibu saya sendiri, yang telahpun membuat P.A. kepada seorang, akhirnya tanah di Pudu dan juga bangunan di sebelah Balai Polis Pudu, termasuk tanah di Paya Jaras habis terbang kepada orang yang membuat P.A. tersebut. Kita tidak boleh berbuat apa-apa kerana tandatangan telahpun dibuat dan kita hendak saman dengan menggunakan lawyer, tetapi lawyer manapun tidak mahu ambil. Saya ingat Yang Berhormat dari Jelutong pun tidak akan terima kes ini sebab kes ini susah hendak dibuat.

Baru-baru ini saya membaca akhbar bahawa tuan-tuan tanah di Kampung Bahru dan juga Datuk Keramat telah membuat perkara yang sama iaitu membuat P.A. kepada kontraktor dan saya kira tidak lama lagi habis tanah di seluruh Datuk Keramat dan juga Kampung Bahru akan lingkup bahawa masuk kepada bank ataupun kepada kontraktor yang berkenaan. Penyangak dan Penyamun ini sekarang sedang berkeliaran bukan sahaja di Kuala Lumpur, malah di seluruh negara dan ada kumpulan sindiket yang bergerak di seluruh negara termasuk yang berlaku dalam kawasan MADA iaitu mereka mengambil peluang kepada orang-orang yang tidak mengerti apa dia P.A. akhirnya tanah-tanahnya akan tergadai kepada orang-orang yang bijaksana.

Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, satu angka ataupun satu kajian kalau boleh Kementerian ini bertanya kepada Pejabat-pejabat Tanah sebab nanti dia jawab "Tanah hak Negeri", kalau hak Negeri hendak jawab macam mana, tanya kepada Negeri berapa ramaikah orang yang telah terlingkup kerana P.A.

Dulu saya tengok jiran saya selama 30 tahun saya duduk, jiran saya muka lain, tetapi baru-baru ini bila saya balik kampung jiran sudah jadi muka lain, fasal apa—kerana P.A., tanah dia terbang kerana P.A. Demikian juga Kampung Datuk Keramat dan juga Kampung Bahru, Timbalan Menteri akan terkejut melihat dulu orang lain duduk, tidak lama lagi orang lain yang akan duduk, sebab undang-undang telah menyebabkan orang-orang kehilangan hak, tidak kiralah apa Yang Berhormat dari Lembah Pantai sebut masalah tanah tinggi di Kuala Lumpur dan rendah di negeri-negeri yang lain, itu tidak termasuk lagi perkara itu. Perkara P.A. ini harus difikir berkali-kali, macam mana kita hendak buat, takkanlah kerana urusan itu kita sampai sanggup membiarkan orang-orang yang tidak bermaya dan tidak memahami kerana P.A. ini biasanya dengan tandatangan, tidakkah ada cara-cara lain yang membolehkan P.A. ini mesti dihadapkan kepada orang-orang tertentu, orang yang lebih bertanggungjawab, bukan sahaja kepada peguam-peguam yang dia juga berniaga, orang penyamun dengan penyangak ini juga berniaga, yang teraniaya ialah tuan-tuan tanah dan setengahnya tanah pusaka yang telah terbang dengan secara P.A.

Saya menganggap ini adalah kesalahan pihak Kerajaan kerana mengadakan undang-undang ini untuk tujuan perniagaan tetapi penyamun dengan penyangak dia bukan kira undang-undang, dia kira apa peluang yang dia boleh masuk, dia masuk, sebab sekarang ini orang mencari petuang di atas loophole . . . . .

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar**  
(Marang): (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran)**; Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Marang bangun.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar**: Minta jalan.

**Tuan Shahidan bin Kassim**: Ini sedikit sahaja.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar**: Minta jalan sedikit sahaja.

**Tuan Shahidan bin Kassim**: Allright!

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar**: Apa yang dimaksudkan dengan 'penyamun' dan 'penyangak' itu, bolehkah elaborate sedikit? Terima kasih.

**Tuan Shahidan bin Kassim**: 'Penyamun' ini dia samun dan 'penyangak' ialah bahasa bertindih untuk penyamun. Makna kata, kerjanya sama iaitu mengambil sesuatu yang bukan haknya. Ramai di Kuala Lumpur ini, ramai yang menipu bank, ini semua dikira penyamun dan penyangak. Ada degree berjela-jela pun tidak kira tetapi sikapnya.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar**: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan sedikit.

**Tuan Shahidan bin Kassim**: Boleh.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar**: Parti-parti politik dimaksudkan termasuk tak? Kalau ada, tolong namakan sedikit. Terima kasih.

**Tuan Shahidan bin Kassim**: Apakah Yang Berhormat mahu berjanji Yang Berhormat tidak akan tanya soalan sebab saya takut nanti Yang Berhormat tanya "grand design" pula, saya tidak boleh jawab. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar**: Okay.

**Tuan Shahidan bin Kassim**: Siapa sahajalah yang terlibat tetapi saya hendak cakap fasal P.A., P.A. ini

berhubung dengan undang-undang tanah. Dalam politik ini Yang Berhormat sedia maklumlah, kita tidak boleh sebut nanti pegawai Kerajaan ramai dengar, orang politik "bersih, cekap dan amanah". Jadi . . . . .

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, minta jalan sedikit lagi.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Okay.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Adakah semua orang politik "bersih, cekap dan amanah"? Bagaimana politik yang sebelah sana itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, itu tidak ada berkaitan. (*Ketawa*) Teruskan, Yang Berhormat. Tak payah jawab.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tetapi sebenarnya masing-masing menganggap dia memperjuangkan hak rakyat. Yang di sebelah sana pun memperjuangkan hak rakyat, kecuali yang sebelah sana dia memperjuangkan hak rakyat dengan kadang-kadang dia mengeluarkan kata-kata kesat kepada sebelah sini. Kami tidak pernah kata apa-apa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak payah, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Okay. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya pohon kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya melihat dengan teliti tentang P.A. ini, buatlah apa cara sekalipun, saya minta satu jawapan yang penuh komitmen, yang menjamin hak tuan-tuan tanah supaya tidak terlengkap. Dan saya minta apa kita hendak buat kepada tanah-tanah yang telah pun digadai dengan menggunakan P.A. ini yang

terdapat di Kampung Bahru dan Datuk Keramat, macam mana kita hendak buat. Kalau sekiranya kita gagal, kita cuma boleh ambil tindakan kepada orang yang berkenaan. Orang yang berkenaan pula bukan boleh dihukum bunuh, dia dipenjarakan 10 tahun, dia keluar dia akan jadi penyamun semula. Bagaimana kita hendak buat supaya P.A. ini mesti ditandatangani di hadapan orang yang lebih bertanggungjawab. Saya tidak pasti sama ada kita tandatangani di hadapan Pengarah Tanah tetapi yang saya tahu kebanyakannya P.A. dibuat melalui peguam-peguam dan kita sedia maklum tentang peguam-peguam, dia berniaga, penyamun penyangak juga, berniaga. Jadi, terima kasih, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

5.15ptg.

**Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut membahaskan Rang Undang-undang yang dikemukakan. Di samping menyokong Rang Undang-undang ini, ingin saya mengemukakan beberapa pandangan tentang tanah-tanah orang Melayu di negeri Pulau Pinang untuk pertimbangan Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa sebahagian besar tanah-tanah hak Melayu di negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai digunakan untuk tanaman padi. Saya memang menyokong tanaman padi tetapi di negeri Pulau Pinang, oleh kerana sistem parit dan taliair tidak begitu memuaskan kecuali di satu dua tempat seperti Sungai Aceh, hasil dari tanaman padi tidak begitu baik. Jadi, sekiranya Kerajaan bertujuan mengatasi masalah kemiskinan di luar bandar, jenis tanaman ini haruslah ditukar. Saya lihat di skim-skim tanah

FELDA peneroka-peneroka mendapat keuntungan yang agak baik sekali dan sebenarnya skim rancangan tanah FELDA ini dipuji oleh agensi-agensi dunia termasuk Bank Dunia, Bank Asia dan sebagainya kerana berjaya mengatasi masalah kemiskinan luar bandar. Saya lihat bahawa salah satu sebab atau punca kejayaannya ialah pemilihan jenis tanaman, di FELDA getah dan kelapa sawit digalakkan dan tanaman-tanaman getah dan kelapa sawit merupakan tanaman eksport yang kadangkala boleh mendapat harga yang tinggi sekali terutama sekali berbanding dengan padi iaitu satu tanaman kemiskinan.

Oleh yang demikian, saya menyeru Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah supaya mengambil berat masalah yang dihadapi oleh pemilik-pemilik tanah Melayu di Pulau Pinang dan membantu mereka menukar jenis tanaman dari padi ke tanaman yang baik, yang dapat mengeluarkan hasil yang tinggi.

Perkara yang kedua berkenaan dengan perbandaran di kawasan luar bandar. Saya lihat bahawa kawasan-kawasan luar bandar, misalnya di kawasan saya di Seberang Perai Selatan, memerlukan bandar-bandar yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan moden; bukan bandar besar tetapi bandar moden yang sesuai dengan keadaan masyarakat dan ekonomi di tempat situ. Saya hendak cadangkan kepada Kementerian supaya melalui PERDA, mengkaji dan merancang pembinaan bandar-bandar moden di kawasan luar bandar, misalnya di Seberang Perai, Tasek, Sungai Acheh dan sebagainya. Penduduk-penduduk di situ sudah lama menunggu proses perbandaran, proses urbanisasi tetapi sehingga sekarang masih belum nampak kemajuannya. Jadi, saya berharaplah Kementerian akan mengambil perhatian dan menimbangkan cadangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya bersama-sama rakan-rakan yang lain mengucapkan tahniah kepada Menteri dan penyokong Rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamad Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Maran.

5.23 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran):** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk membahaskan sedikit Rang Undang-undang ini iaitu suatu untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan kepada negeri-negeri lain, terutama sekali di Malaysia Barat ini, memang negeri-negeri tersebut telah lama menggunakan supaya tanah-tanah orang Melayu itu boleh diberikan kepada orang-orang Melayu daripada negeri-negeri lain, sepatutnya bagi Melaka dan Pulau Pinang ini telah lama kita pinda Undang-undang ini bagi membolehkan orang-orang Melayu yang lain memiliki tanah Melayu di kedua-dua negeri ini. Jadi kalau kita pinda ini bermakna kita memberi peluang kepada orang-orang Melayu yang lain, selain daripada negeri yang berkenaan boleh mengambil bahagian dalam negeri yang berkenaan bagi menjayakan sama ada perkara itu berbentuk bangunan ataupun industri.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya agak berlainan sedikit dengan Yang Berhormat dari Nibong Tebal yang mana beliau menyarankan supaya tanah-tanah sawah di Penang misalnya ditukar, ditanam dengan pokok kelapa sawit ataupun getah. Tetapi apabila saya memandangkan kepada pindaan Akta ini yang mana tanah yang tertakluk kepada kategori

bangunan atau industri, jadi saya menyarankan oleh sebab Negeri Melaka dan Penang adalah negeri yang kecil, saya percaya kedua-dua negeri ini tidak ada lagi kawasan tanah yang luas yang boleh ditanam dengan tanaman komoditi tadi, getah ataupun kelapa sawit. Kalau kita menanam tanaman ini, tanaman ini adalah memerlukan kawasan-kawasan yang luas. Jadi dari segi ekonomi kalau kita gunakan tanah-tanah yang sedikit di Pulau Pinang dan Melaka ini kepada tanaman yang disebutkan itu bererti kita telah merugikan kawasan.

Saya berpendapat bahawa tanah-tanah di kedua-dua negeri ini sama ada tanah itu sebagai tanah paya ataupun sawah ketika ini hendaklah tanah itu diusahakan dengan cara dibuat bangunan dan industri. Perkara ini boleh dibuat dengan cara kita memohon tukar syarat daripada tanah pertanian ataupun tanah-tanah apa-apa untuk menjadi kawasan tanah bangunan ataupun industri. Jadi, saya percaya usaha ini akan lebih memberikan kedudukan ekonomi yang lebih baik daripada yang ada sekarang dan juga ekonomi yang lebih baik daripada kita menggunakan tanah-tanah tersebut dibuat ataupun ditanam dengan kelapa sawit dan sebagainya.

Selain daripada itu, saya juga menyokong Rang Undang-undang ini kerana ini memberi peluang kepada orang-orang Melayu yang lain boleh berkecimpung di negeri-negeri ini bagi berusaha bersama untuk mendapatkan atau membuat perusahaan di sana. Jadi, sepatutnya perkara ini memang lama kita beri peluang kepada orang-orang lain, jadi saya percaya inilah hasrat kita yang baik ini akan berhasil dan merupakan satu tindakan yang sewajarnya kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

*5.27 ptg.*

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya suka saya merakamkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun memberikan pandangan-pandangan di atas Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang ini.

Pertama sekali, suka saya memberikan sedikit penerangan dan penjelasan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai telah menimbulkan tentang soal harga tanah yang dimiliki oleh orang-orang Melayu khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya buat andaian yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ini mestilah tentang tanah-tanah rizab Melayu. Jadi, memang benarlah soal ini memang satu topik yang popular dan selalu dibangkitkan di mana-mana tempat. Suka saya jelaskan iaitu sebagai suatu cara dan usaha untuk hendak memberikan kedudukan yang lebih tinggi terhadap tanah-tanah rizab Melayu ini maka tindakan-tindakan telahpun diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membenarkan, supaya tanah-tanah Malay reserves ini boleh dicagarkan kepada bank-bank mengikut budi-bicara Pihak berkuasa Negeri. Dan saya maklum Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun menyenaraikan bank-bank yang mereka bersetuju supaya Tanah-tanah Simpanan Melayu ini boleh dicagarkan sekiranya hendak dibuat sesuatu bentuk dan corak kemajuan di atas tanah-tanah ini.

Cuma yang suka saya sebut juga di sini, yang selalu timbul ini ialah apabila tanah-tanah yang berkenaan disamakan keadaan dan kedudukan nilainya bila dibandingkan dengan pasaran terbuka. Jadi benarlah tanah-tanah ini bila dipadankan dengan kedudukan di pasaran yang terbuka memanglah rendah kalau dibandingkan dengan tanah-tanah yang lain kerana yang pertama sekali tanah-tanah ini cuma boleh diperniagakan kepada orang-orang Melayu sahaja. Walaupun bank memberikan pinjaman kepada mana-mana pihak di atas satu bidang tanah Rizab Melayu yang dicagarkan tetapi sekiranya timbul masalah yang si peminjam itu tidak dapat menyelesaikan pinjaman itu atau lain-lain masalah berbangkit, pihak bank sendiri tidak boleh hendak memiliki tanah itu kecuali dia melelong dan lelongannya itu pula cuma terhad kepada orang-orang Melayu sahaja.

Di pasaran terbuka ini pula, kalau hendak dibandingkan dengan kedudukan tanah-tanah yang lain sudah semestinyalah tanah-tanah Melayu ini harganya lebih rendah daripada tanah-tanah yang lain kerana pembelinya itu adalah terhad kepada orang-orang Melayu sahaja.

Saya cuba berikan penjelasan dan penerangan ini supaya AhJi Yang Berhormat jelas tentang keadaan kedudukan perkara ini yang sebenarnya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sekejap ya. Yang Berhormat dari Arau bangun.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Belum sampai Arau lagi.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tidak, ini menyelesaikan hal orang lain.

Daripada penerangan Yang Berhormat tadi menunjukkan bahawa orang Melayu ini tanahnya itu murahlah, Melayupun murah. Apakah jalan untuk memahalkan perkara ini? Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau kita buat macam ini, bahawa apabila berlaku perlelongan bolehkah kita bukan sahaja metelompokkan kepada orang-orang Melayu tetapi membenarkan kepada institusi Melayu, sebab institusi Melayu di antaranya seperti Bank Bumiputra dan lain-lain lagi. Misal kata UMBC boleh lelong kepada Bank Bumiputra dengan itu dia boleh naik harga. Kalau tidak, sampai hari Kiamat pun kita dapat harga murahlah.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Maaf, saya akan sampailah kepada apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu bila saya sampai ke peringkat itu sebentar lagi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kalau kita sebut tentang tanah-tanah yang dimiliki oleh orang-orang Melayu seperti yang disebut tadi di tengah-tengah kawasan bandar sama ada di Kuala Lumpur ataupun di Sungai Pencala dan lain-lain. Tanah-tanah ini yang sebenarnya ditakrifkan sebagai tanah Malay Agricultural Settlement tetapi sama taraf dan mertabatnya dengan tanah-tanah Rizab Melayu ini, maknanya tanah-tanah itu cuma boleh diperniagakan di antara Melayu dengan Melayu sahaja dan ini membawa saya kepada apa yang ditimbulkan tadi tentang kedudukan status ataupun hakmilik atas tanah-tanah ini supaya tidak terlepas kepada tangan orang lain. Saya suka beri jaminan kepada Yang Berhormat iaitu tanah-tanah seperti yang terdapat di kawasan-kawasan Kampung Baru, Datuk Keramat, Sungai Pencala dan ada beberapa tempat lain, khususnya di Wilayah Persekutuan ini dan juga di kawasan-kawasan bandar yang lain yang sama ada sudah dijadikan tanah

Malay Reserves ataupun ditakrifkan atas nama Malay Agricultural Settlement ini tidak mungkin boleh terlepas hakmiliknya ke tangan orang lain kerana undang-undang dan peraturan-peraturan yang ada hari ini boleh mencegah daripada berlakunya kejadian-kejadian yang demikian.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini saya sampai kepada soal bagaimana caranya hendak memberikan penilaian harga yang lebih tinggi lagi ke atas tanah-tanah yang dimiliki oleh orang-orang Melayu ini. Jadi, langkah Kerajaan untuk mengemukakan pindaan ini ialah sebagai satu cara untuk merebak dan meluaskan lagi skop untuk cuba meningkatkan nilai tanah-tanah ini. Kalau dahulu misalnya di Melaka tanah-tanah pertanian cuma boleh dimiliki oleh orang-orang Melayu di Melaka seperti, sekarang ini kita perluaskan hak itu kepada semua orang Melayu yang lain dengan harapan ini akan memberikan suatu rangsangan ataupun mempengaruhi kedudukan nilai tanah-tanah yang berada di dalam keadaan demikian.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soal Power of Attorney atau P.A. yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau. Kalau mengikut Undang-undang Tanah yang ada sekarang ini iaitu Seksyen 92, apabila sekeping tanah itu diberi hakmilik kepada seseorang maka tuannya tanah itu mempunyai kuasa yang mutlak di atas tanahnya dan apa yang terjadi atas tanah itu banyak bergantung kepada tuannya tanah. Dalam soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Arau sebentar tadi iaitu tentang P.A. ini, saya cuma dapat memberikan pandangan sekadar untuk menasihatkan tuannya-tuannya tanah supaya lebih berhati-hati apabila hendak membuat perjanjian dengan mana-mana pihak yang hendak melibatkan kedudukan hakmilik

tanah-tanah yang berkaitan. Sekiranya ada apa-apa kemusykilan ataupun kejadian yang boleh menjejaskan tentang kedudukan hakmilik tuannya tanah ke atas tanah-tanah mereka, saya cuma dapat memberikan pandangan supaya mereka ini membuat aduan ataupun laporan kepada Biro Bantuan Guaman kita bagi mengatasi ataupun mencari jalan apa juga perkara dan masalah yang berbangkit daripada satu-satu perjanjian yang dibuat dengan mana-mana pihak kerana . . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Saya setuju dengan Yang Berhormat memberi nasihat kepada tuan-tuan tanah tetapi masalahnya dari undang-undang, pihak-pihak yang menjadi orang tengah itu termasuk peguam dan juga Pejabat Tanah, siapa yang hendak memberi penerangan, P.A. ini sebenarnya memberi hak, tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu sebenarnya menjual. Siapa yang hendak memberi penerangan, sebab orang yang tandatangan ialah P.A. itu dia bukan dapat duit apa pun, kadang-kadang dia kata engkau kena bagi hak dekat aku, aku hendak tolong jual atau buat apa-apa pada tanah kamu.

Seringkali tidak ada orang yang terlibat dengan P.A., jarang sangat, 10% sahaja yang berjaya yang pemegang P.A. itu bayar balik kepada tuan-tuan tanah, yang lain-lain itu, orang yang memegang P.A. termasuklah peguam-peguam, yang saya percaya mengambil kesempatan daripada perkara ini. Mereka bukan salah, yang salah ialah undang-undang kita yang membenarkan P.A. tersebut. Itu terjadi kepada saya, bukan saya tetapi ibu saya semasa saya tiada di sini. Kalau saya ada di sini, saya tahulah buat.

**Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, seperti

yang saya sebutkan tadi apabila pihak berkuasa negeri memberikan hak milik kepada mana-mana pihak maka mengikut apa yang saya katakan undang-undang tanah yang ada sekarang ini, sesiapa yang menerima itu sudah terletaklah kepada macam mana cara dia hendak menguruskan tanah ini. Itu sudah sampai kepada soal peribadi dia. Jadi dalam urusan pentadbiran tanah kita, mengikut peraturan yang ada cuma kalau sekiranya berlaku, saya hanya dapat memberi pandangan seperti yang telah saya katakan tadi. Amat sukar bagi kita hendak memonitor, dengan izin, ataupun mengikuti kegiatan begini kerana perkara ini dibuat di antara pemilik dengan pihak yang satu lagi atas budibicara mereka. Cuma kalau mereka itu lebih berhati-hati dengan mendapatkan pandangan-pandangan daripada pemimpin-pemimpin yang ada di tempat masing-masing, saya rasa mungkin perkara seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tadi dapat kita cuba elakkan daripada berlaku. Jadi . . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sekarang saya mintalah sebab tidak boleh buat apa-apa undang-undang, tidak boleh difikirkan sekarang ini, saya hendak cadangkan supaya perjanjian untuk PA ini dibuat dalam bahasa orang yang punya tanah. Kalau Melayu tulis dalam Jawi supaya senang dia baca. Ini tulis dalam bahasa Inggeris. Saya berani guarantee dia tidak tahu apa yang dia sign dan loyar pun pandai, dia kata ini boleh tolong dan macam-macam lagi. Ini cerita sebab mereka pun cari makan. Tetapi tuan tanah yang teraniaya. Yang membuat mereka teraniaya ialah kita yang membenarkan perkara tersebut. Jadi sekarang kita benarkan supaya semua orang selamat. Orang Tionghua tulis agreement dalam bahasa Tionghua dan sebagainya yang ini Jawi ataupun kita buat di antara bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Senang cakap.

**Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Arau. Saya mengambil perhatian di atas pandangan baik Yang Berhormat itu dan kita akan meningkatkan penelitian kita terhadap kemungkinan-kemungkinan berlakunya perkara-perkara seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya juga suka mengucapkan terima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat tentang mereka yang terjejas kedudukan hak mereka akibat daripada membuat atau mengadakan PA ini dan kita akan cuba meneliti keadaan-keadaan yang dibangkitkan itu. Di atas cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat supaya tanah-tanah Melayu yang dilelong dapat dipastikan pemilik kalau tidak ada orang Melayu tetapi juga oleh institusi-institusi kewangan. Jadi suka saya jelaskan sedikit iaitu institusi-institusi kewangan yang diiktiraf sebagai Melayu di bawah Enakmen Reseb Melayu boleh memiliki tanah-tanah reseb Melayu dan oleh itu institusi-institusi yang bertepatan dengan kehendak-kehendak Enakmen itu boleh mengambil bahagian sekiranya berlaku kejadian-kejadian melelong tanah-tanah reseb Melayu ini.

Yang Berhormat dari Nibong Tebal telah membangkitkan soal hendak menukar corak tanaman daripada yang kurang ekonomik kepada yang lebih ekonomi. Jadi sebenarnya soal hendak menukar jenis-jenis tanaman ini boleh dibuat mengikut budibicara dan kehendak tuan-tuan punya tanah kerana saya masih menekankan iaitu apabila hak milik ini sudah dikeluarkan kepada pemilik-pemilik, apa saja yang hendak dibuat atas tanah itu mestilah mendapat persetujuan tuan tanah. Jadi walaupun hasrat untuk melihat pemilik-pemilik tanah ini mengusahakan tanah mereka secara optima dan mengeluarkan hasil yang maksima tetapi kalau mereka tidak memberikan persetujuan, inilah

biasanya yang menjadi satu masalah seperti mana yang terdapat sewaktu Kerajaan cuba menggalakkan petani-petani kita memulihkan tanah-tanah yang terbiar dengan tanaman-tanaman yang lebih sesuai, yang mampu memberikan pulangan-pulangan yang lebih tinggi daripada setiap kegiatan yang mereka buat itu.

Tuan Yang di-Pertua, di atas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Maran, saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih dan kita harap dengan adanya pindaan yang kita buat ini, Insya Allah nilai tanah khususnya di Melaka yang sekarang ini cuma terhad pemilikannya kepada orang-orang Melayu iaitu atas tanah-tanah jenis pertanian ini dan sekarang terhad kepada orang Melayu, kita buka kepada semua orang Melayu sekarang, akan dapat seperti yang saya katakan tadi memajukan lagi tanah-tanah tersebut di masa-masa yang akan datang. Itu sajalah sedikit penerangan dan penjelasan yang dapat saya berikan.

**Dr Goh Cheng Teik:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud);** Yang Berhormat dari Nibong Tebal minta penjelasan.

**Dr Goh Cheng Teik:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta sedikit ulasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan cadangan atau permintaan saya bahawa agensi-agensi pembangunan di bawah jagaan Kementerian Yang Berhormat seperti PERDA merancang bandar-bandar baru yang kecil di tanah-tanah reseb Melayu di negeri Pulau Pinang dan Seberang Prai. Jarang sekali saya mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri. Jadi bolehkah saya minta Yang Berhormat timbangan cadangan untuk membina bandar-bandar baru yang moden di Sungai

Acheh, di Sungai Duri dan di Tasik di kawasan pilihanraya Nibong Tebal. Saya telah jadi wakil rakyat selama 14 atau 15 tahun tetapi saya lihat bahawa proses urbanisasi di kawasan-kawasan penduduk Melayu nampaknya lambat sangat atau tidak berapa nampak. Barangkali oleh kerana tanah itu tanah reseb Melayu. Jadi, saya mintalah perhatian dan tindakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pindaan ini ringkas sahaja tetapi bila disebut-sebut tadi terpaksa saya jelaskan. Pindaan ini hendak menyeragamkan istilah "Malay" sahaja, boleh selesai 5 minit sahaja saya rasa, tetapi fasal sudah dibangkitkan soal lain, jadi saya terpaksa beri penerangan dan penjelasan sedikit tetapi ini sudah sampai hendak membuat bandar-bandar. Jadi, saya suka jelaskan juga, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bila kita buat PERDA, memang salah satu daripada tujuan kita ialah untuk mewujudkan apa yang kita panggil sebagai pusat-pusat pertumbuhan baru dan proses ini sedang berjalan di dalam berbagai bentuk pelaksanaan. Mungkin di Sungai Acheh itu belum dilaksanakan lagi tetapi semua perancangan kita di dalam kawasan PERDA itu telah pun dibuat dan sedang kita laksanakan untuk mencapai hasrat dan matlamat seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal. Saya sendiri pun memang suka kalau lebih cepat pelaksanaan itu dapat kita buat lebih baik, tinggal lagi dalam proses kita hendak mempercepatkan pelaksanaan itu ada berbagai halangan ataupun hazards yang terpaksa kita atasi sebelum dapat dijadikan kenyataan satu-satu program yang kita taja. Jadi, saya harap Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal akan memberikan kerjasama yang sekuat-kuatnya kepada PERDA dalam apa jua kegiatan yang kita buat kerana kita memang mempunyai program seperti

yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah penerangan dan penjelasan yang suka saya berikan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Tak cukup kuorum.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tak cukup bilang. Sila bilang Setiausaha—18. Sila bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

*(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat saya bacakan sekali lagi, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusi Jawatankuasa)*

*Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5.57ptg.*

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Kanun Keseksaan ini mempunyai dua tujuan utama iaitu pertamanya untuk memperkemas dan memperketatkan takrif bagi kesalahan-kesalahan tertentu seperti rogol dan mengadakan hubungan seks yang bertentangan dengan aturan tabie. Keduanya untuk menaikkan hukuman penjara maksimum bagi kesalahan-kesalahan seksual dan kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan harta termasuk mengenakan hukuman penjara mandatori bagi kesalahan rogol dan mencuri kenderaan.

Kejadian kesalahan-kesalahan seksual seperti rogol adalah semakin meningkat jumlahnya. Statistik yang ada menunjukkan dalam tahun 1988 terdapat 611 kes rogol yang dilaporkan berbanding dengan 368 kes dalam tahun 1980. Mungkin jumlah ini tidak menunjukkan angka yang sebenarnya kerana terdapat kes-kes yang tidak dilaporkan untuk mengelakkan publisiti. Memandangkan meningkatnya peratusan jadian kesalahan itu, keganasan yang terlibat dalam

perlakuannya dan kesannya dari segi mental dan fizikal terhadap si mangsa, Kerajaan memikirkan adalah wajar untuk mengkaji semula hukuman-hukuman bagi kesalahan itu.

Satu lagi kesalahan yang boleh dikategorikan sebagai kesalahan seksual yang semakin menular di kalangan masyarakat ialah kesalahan-kesalahan luar tabii seperti memperkosa si mangsa dengan melakukan hubungan seks dengan tidak normal dan yang sering menjadi mangsa kesalahan-kesalahan ini ialah kanak-kanak kecil tanpa mengira jantina. Hubungan seks yang bertentangan dengan aturan tabii sedemikian jika dilakukan tanpa persetujuan -atau dengan menggunakan kekerasan juga boleh disamakan dengan kesaiahan rogol dari aspek fizikal dan kesannya terhadap si mangsa. Kerajaan mendapati bahawa jenayah-jenayah seperti ini juga harus dibendung dengan mengenakan hukuman-hukuman yang boleh menjadi pencegah ataupun deterrent, dengan izin, yang benar-benar efektif bagi perlakuannya.

Selain daripada itu satu lagi kategori kesalahan yang kian meningkat dan menimbulkan masalah besar adalah jenayah-jenayah yang berhubungan dengan harta seperti kesalahan mencuri, pemerasan, menipu, pecah amanah dan menyimpan harta curi. Mengikut statistik yang ada kes kecurian yang dilaporkan pada tiap-tiap tahun menunjukkan angka yang tinggi. Jumlah purata kes-kes kecurian yang dilaporkan dari tahun 1984 hingga 1988 adalah sebanyak 74,201 kes setiap tahun. Daripada jumlah kecurian yang dilaporkan tiap-tiap tahun kira-kira 24% daripadanya adalah melibatkan kecurian kenderaan. Jumlah kecurian kenderaan yang dilaporkan kian meningkat dari tahun ke tahun dan jumlah kes yang dilaporkan dalam tahun 1988 sahaja adalah sebanyak 16,147.

Selain daripada kesalahan mencuri, kejadian menipu dan pecah amanah semakin berleluasa dan melibatkan wang dan harta yang bernilai berjuta-juta ringgit. Statistik yang ada menunjukkan bahawa kes penipuan yang dilaporkan telah meningkat daripada 1,112 kes dalam tahun 1980 kepada 2,046 kes dalam tahun 1988, iaitu peningkatan sebanyak 84%. Kes pecah amanah yang dilaporkan pula telah meningkat daripada 417 kes dalam tahun 1980 kepada 929 kes dalam tahun 1988 iaitu peningkatan sebanyak 112 peratus dan purata bagi tahun 1984 hingga 1988 ialah sebanyak 990 kes setiap tahun. Kejadian pecah amanah terutamanya tidak hanya dilakukan oleh orang biasa tetapi juga oleh orang-orang yang berkedudukan tinggi yang mengambil kesempatan daripada kedudukan dan pengaruh mereka untuk melakukan jenayah tersebut. Mereka yang melakukan jenayah sedemikian seringkali dikenakan hukuman yang tidak setimpal dengan penipuan dan pecah amanah yang dilakukan kerana hukuman maksimum bagi kesalahan-kesalahan ini masih rendah dan tidak mempunyai pencegahan yang kuat bagi membendung kesalahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk membendung kejadian jenayah-jenayah yang telah disebutkan tadi Kerajaan bercadang untuk meminda beberapa peruntukan dalam Kanun Keseksaan seperti berikut:

*Pindaan kepada Seksyen 292 dan 293*

Pindaan kepada Seksyen 292 dan 293 Kanun, sebagaimana terdapat dalam Fasal 3 dan 4 Rang Undang-undang, adalah bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan penjualan, penyewaan, pengedaran, pameran, pengimportan dan pengeksportan bahan-bahan dan penerbitan-penerbitan lucah. Hukuman penjara maksimum di bawah Seksyen 292 dinaikkan

daripada 3 bulan kepada 3 tahun, dan bagi kesalahan di bawah seksyen 293 yang melibatkan orang di bawah umur 20 tahun hukuman penjara maksimum dinaikkan daripada 6 bulan kepada 5 tahun. Pindaan kepada hukuman-hukuman ini adalah perlu memandangkan bahawa kesalahan-kesalahan tersebut adalah kesalahan yang serius dan boleh meninggalkan kesan buruk dari segi akhlak dan moral ke atas seseorang yang didedahkan dengan bahan-bahan lucah tersebut.

#### *Pindaan kepada Seksyen 312*

Pindaan kepada Seksyen 312, sebagaimana terdapat dalam Fasal 5 Rang Undang-undang, ialah bagi memperluaskan kekecualian bagi kesalahan pengguguran kandungan seseorang perempuan hamil di bawah seksyen tersebut. Di bawah pindaan ini seseorang pengamal perubatan berdaftar adalah dikecualikan daripada kesalahan menggugurkan kandungan seseorang perempuan yang hamil jika pengguguran itu dilakukan bagi maksud menyelamatkan nyawa atau bagi mengelakkan berlakunya kecederaan kepada kesihatan mental atau fizikal perempuan tersebut jika kandungannya itu dibiarkan berterusan. Di bawah peruntukan yang sedia ada kekecualian itu hanya terpakai bagi maksud menyelamatkan nyawa sahaja. Pindaan sedemikian adalah difikirkan perlu memandangkan bahawa kekecualian yang sedia ada adalah terlalu sempit.

#### *Pindaan kepada Seksyen 354*

Kesalahan menggunakan kekerasan jenayah dengan tujuan untuk mencabul kehormatan seseorang juga merupakan suatu jenayah yang serius dan seringkali kesalahan-kesalahan sedemikian melibatkan perkosaan dan keganasan ke atas si mangsa. Tujuan pindaan kepada Seksyen 354, sebagaimana terdapat di bawah Fasal 6 Rang Undang-undang, ialah untuk menaikkan hukuman penjara maksima bagi

kesalahan tersebut daripada 2 tahun kepada 10 tahun kepada penalti yang sedia ada adalah difikirkan tidak setimpal dengan beratnya kesalahan yang dilakukan itu.

#### *Pindaan kepada Seksyen 375*

Pindaan kepada seksyen 375, sebagaimana terdapat dalam Fasal 7 Rang Undang-undang, adalah bertujuan meminda takrif rogol di bawah seksyen itu bagi memperkemas dan memperketatkan takrif kesalahan tersebut. Di antara helah dan cara yang dilakukan oleh seseorang perogol untuk mendapatkan persetujuan mangsanya untuk mengadakan hubungan jenis ialah dengan menimbulkan ketakutan dan mencederakan seseorang lain yang ada kaitan dengan si mangsa atau dengan menimbulkan salah tanggapan mengenai fakta di pihak si mangsa.

Satu cara lain ialah dengan memberi si mangsa ubat-ubatan atau dadah yang boleh menyebabkan si mangsa tidak menyedari tentang persetujuan yang diberinya itu.

Dengan pindaan kepada takrif rogol ini seseorang yang mendapat persetujuan dengan cara-cara tersebut di atas untuk mengadakan perhubungan jenis tetap melakukan kesalahan rogol.

Bagi perempuan di bawah umur 16 tahun dia dianggap sebagai dirogol, tidak kira ia memberi izin atau tidak. Sekatan umur ini dinaikkan dari 14 ke 16 tahun. Pindaan ini adalah perlu memandangkan seseorang perempuan yang berumur di bawah 16 tahun adalah terlalu mentah untuk memahami kesan dan akibat persetujuan yang diberikannya itu.

Pindaan juga telah dibuat kepada kekecualian bagi kesalahan rogol di bawah seksyen ini. Mengikut peruntukan sekarang hubungan jenis

di antara suami isteri dikecualikan daripada menjadi kesalahan rogol sekiranya isteri berumur tidak kurang daripada 13 tahun. Dengan pindaan ini umur isteri tidak lagi dijadikan kriteria bagi pengecualian kesalahan tersebut tetapi bergantung kepada kesahan perkahwinan itu di bawah undang-undang. Pindaan ini adalah sesuai memandangkan kini terdapat undang-undang yang mengawal umur minimum perkahwinan dan lagi dalam hal orang Islam mungkin terdapat perkahwinan yang sah di antara seorang lelaki dengan perempuan di bawah umur 16 tahun. Penjelasan keadaan-keadaan di mana seseorang perempuan itu tidak disifatkan sebagai isteri juga telah diperuntukkan dalam Huraian 1 dan 2 yang telah dimasukkan ke dalam Seksyen ini.

#### *Pindaan kepada Seksyen 376*

Pindaan kepada seksyen 376, sebagaimana terdapat dalam Fasal 8 Rang Undang-undang, bertujuan menaikkan penalti bagi kesalahan rogol, dengan memperuntukkan hukuman penjara mandatori selama sekurang-kurangnya 5 tahun bagi mencerminkan beratnya dan kutukan masyarakat terhadap kesalahan yang dilakukan itu. Kesalahan rogol ini lazimnya dilakukan dengan kejam tanpa berperikemanusiaan dan akan meninggalkan kesan buruk yang berkekalan dari segi mental dan fizikal ke atas si mangsa. Dengan mengenakan hukuman penjara mandatori ini adalah diharapkan ia akan menjadi suatu pencegahan atau deterrent yang kuat bagi perlakuan kesalahan ini.

#### *Seksyen baru 377, 377A, 377B dan 377C*

Seksyen baru 377, 377A, 377B dan 377C, sebagaimana terdapat dalam Fasal 9 Rang Undang-undang, bertujuan mentakrifkan semula

kesalahan luar tabii di bawah Seksyen 377 yang sedia ada.

Seksyen 377 yang sedia ada memperuntukkan dua jenis kesalahan luar tabii iaitu kesalahan melakukan hubungan seks dengan binatang dan kesalahan melakukan hubungan seks yang bertentangan dengan aturan tabii sesama manusia. Penggantian seksyen 377 ini bertujuan memperuntukkan kedua-dua jenis kesalahan ini di bawah seksyen-seksyen yang berlainan untuk membolehkan penalti yang berlainan dikenakan bagi kesalahan-kesalahan tersebut. Kesalahan melakukan hubungan seks dengan binatang adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 377 baru, dengan penalti yang sama seperti yang diperuntukkan sekarang. Seksyen baru 377A mentakrifkan kesalahan melakukan hubungan seks yang bertentangan dengan aturan tabii antara manusia sebagai hubungan seks yang dilakukan secara tidak normal. Takrif sedemikian adalah perlu bagi menjelaskan lagi maksud kesalahan-kesalahan tersebut.

Seksyen 377B memperuntukkan hukuman bagi melakukan hubungan seks sedemikian, yang mana adalah sama dengan hukuman yang ada sekarang.

Seksyen 377C memperuntukkan hukuman bagi kesalahan melakukan hubungan seks sedemikian ke atas seseorang lain tanpa persetujuan atau bertentangan dengan kemahuan orang tersebut atau dengan ugutan. Hukuman yang dikenakan ialah penjara mandatori sekurang-kurangnya lima tahun. Cadangan bagi mengadakan hukuman penjara mandatori ini ialah memandangkan bahawa hubungan seks sedemikian yang dilakukan dengan kekerasan dan tanpa izin akan mengakibatkan si mangsa tertakluk kepada kehinaan dan keganasan yang sama seperti rogol.

*Pindaan kepada Seksyen 377A yang sedia ada*

Seksyen 377A yang sedia ada, yang telah dinomborkan semula sebagai seksyen 377D, memperuntukkan mengenai kesalahan-kesalahan melakukan perbuatan kelucahan melampau dan hanya terpakai bagi orang lelaki. Pindaan kepada seksyen ini bertujuan memperluaskan skop seksyen ini kepada semua orang memandangkan bahawa perbuatan melakukan kelucahan melampau ini juga berlaku di kalangan perempuan.

*Seksyen Baru 377E*

Seksyen baru 377E, yang dimasukkan ke dalam Kanun melalui Fasal 11 Rang Undang-undang, adalah bertujuan mewujudkan satu kesalahan baru kerana merangsang kanak-kanak di bawah umur 14 tahun melakukan kelucahan melampau. Terdapat keadaan di mana seseorang itu akan mendorong seorang kanak-kanak melakukan sesuatu perbuatan luhak ke atas tubuh badan orang itu sedangkan orang itu sendiri tidak melakukan apa-apa perbuatan ke atas kanak-kanak itu yang membolehkan dakwaan dibuat terhadapnya di bawah mana-mana peruntukan yang sedia ada dalam Kanun Keseksaan. Dengan adanya kesalahan baru ini seseorang yang melakukan jenayah sedemikian tidak akan terlepas daripada pendakwaan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah fasal 12 hingga 32 Rang Undang-undang adalah bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan harta seperti kesalahan mencuri, menipu, pemerasan, pecah amanah dan sebagainya. Pindaan-pindaan kepada seksyen-seksyen yang berkenaan akan dihuraikan berikut ini mengikut jenis kesalahan-kesalahan tersebut.

*Pindaan kepada Seksyen 379 dan 380 dan Seksyen 379A Baru*

Seksyen 379 dan 380 masing-masing memperuntukkan mengenai hukuman bagi kesalahan mencuri dan mencuri dalam rumah kediaman. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen-seksyen ini, sebagaimana terdapat di bawah Fasal 12, bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi kesalahan di bawah Seksyen 379 daripada 3 tahun kepada 7 tahun, di samping mengenakan hukuman penjara mandatori bagi kesalahan kedua dan berikutnya, dan daripada 7 tahun kepada 10 tahun bagi kesalahan di bawah Seksyen 380. Seksyen Baru 379A memperuntukkan hukuman khas bagi kesalahan mencuri kenderaan dengan mengenakan hukuman penjara mandatori sekurang-kurangnya satu tahun. Tujuan mengenakan hukuman penjara mandatori bagi kesalahan mencuri kenderaan ini ialah bertujuan membendung jenayah-jenayah sedemikian yang semakin meningkat dan melibatkan sindiket-sindiket besar.

*Pindaan kepada Seksyen 384, 385, 386 dan 387*

Pindaan kepada Seksyen 384, 385, 386 dan 387 yang masing-masing terdapat dalam Fasal 14 hingga 17 Rang Undang-undang, adalah bertujuan menaikkan hukuman bagi semua jenis kesalahan pemerasan. Hukuman-hukuman bagi pemerasan di bawah Seksyen 384 dan bagi pemerasan dengan meletakkan orang dalam ketakutan mati di bawah Seksyen 386, adalah masing-masingnya dinaikkan daripada 3 tahun kepada 10 tahun dan daripada 10 tahun kepada 14 tahun. Manakala hukuman bagi meletakkan orang dalam ketakutan kecederaan di bawah Seksyen 385 dan ketakutan mati di bawah Seksyen 387, untuk melakukan pemerasan, adalah masing-masingnya dinaikkan daripada 2 tahun kepada 7

tahun dan daripada 7 tahun kepada 10 tahun.

*Pindaan kepada Seksyen 406, 407 dan 408*

Pindaan kepada Seksyen 406, 407 dan 408 yang masing-masing terdapat dalam Fasal 20 hingga 22 Rang Undang-undang, adalah bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi semua jenis kesalahan pecah amanah. Hukuman bagi kesalahan di bawah Seksyen 406 telah dinaikkan daripada 3 tahun kepada 10 tahun, manakala hukuman bagi kesalahan pecah amanah oleh pembawa dan lain-lain di bawah Seksyen 407 dan pecah amanah oleh pekerja dan kerani di bawah Seksyen 408 adalah masing-masing dinaikkan daripada 7 tahun kepada 10 tahun. Cadangan pindaan ini adalah perlu supaya hukuman bagi kesalahan-kesalahan sedemikian dapat dijadikan pencegahan yang benar-benar efektif bagi membendung kesalahan pecah amanah jenayah yang semakin berleluasa dan melibatkan jumlah wang yang besar amaunnya.

*Pindaan kepada Seksyen 411 dan 414*

Pindaan kepada Seksyen 411 dan 414, yang masing-masing terdapat dalam Fasal 23 dan 24 Rang Undang-undang, adalah bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi kesalahan menyimpan harta curi di bawah Seksyen 411 daripada 3 tahun kepada 5 tahun dan bagi membantu melindungi harta curi di bawah Seksyen 414 daripada 3 tahun kepada 7 tahun. Pindaan seksyen-seksyen ini juga bertujuan mengenakan hukuman penjara mandatori sekurang-kurangnya 6 bulan bagi pencurian kenderaan bermotor.

*Pindaan kepada Seksyen 417, 418, 419 dan 420*

Pindaan kepada Seksyen 417, 418, 419 dan 420 yang masing-masing

terdapat dalam Fasal 25 hingga 28 Rang Undang-undang, adalah bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi semua jenis kesalahan menipu. Hukuman bagi penipuan di bawah Seksyen 417 adalah dinaikkan daripada 1 tahun kepada 5 tahun, dan bagi kesalahan-kesalahan menipu untuk menyebabkan kerugian salah kepada seseorang yang kepentingannya dilindungi oleh pesalah, di bawah Seksyen 418, dan menipu dengan jalan samaran di bawah Seksyen 419, kenaikan hukumannya adalah daripada 3 tahun kepada 7 tahun. Hukuman bagi menipu untuk mendorong penyerahmilikan harta di bawah Seksyen 420 adalah dinaikkan daripada 7 tahun kepada 10 tahun.

*Pindaan kepada Seksyen 421, 422, 423 dan 424*

Pindaan kepada Seksyen 421, 422, 423 dan 424 yang masing-masing terdapat dalam Fasal 29 hingga 32 Rang Undang-undang, adalah bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi kesalahan mengenai, dengan izin, suratikatan fraud dan melupuskan harta secara fraud di bawah seksyen-seksyen tersebut daripada 2 tahun kepada 5 tahun. Cadangan kenaikan hukuman ini adalah perlu bagi menyelaraskan hukuman di bawah seksyen-seksyen ini dengan kenaikan hukuman bagi kesalahan-kesalahan berhubung dengan harta yang lain yang disebutkan terdahulu.

*Pindaan kepada Seksyen 509*

Seksyen 509 Kanun Keseksaan memperuntukkan kesalahan bagi menggunakan perkataan atau isyarat untuk menghina kehormatan seseorang perempuan. Pindaan kepada Seksyen 509 ini bertujuan meluaskan skop kesalahan ini kepada semua orang kerana kesalahan sedemikian juga boleh dilakukan ke atas lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan kepada Kanun Keseksaan ini

adalah difikirkan penting untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada bagi pendakwaan kesalahan-kesalahan tertentu dengan lebih berkesan. Adalah diharapkan kenaikan hukuman-hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang telah dibincangkan tadi, termasuk mengenakan hukuman penjara mandatori bagi kesalahan rogol dan mencuri kenderaan, akan dapat menjadikan suatu pencegahan (deterrent) yang efektif dan berkesan dalam usaha untuk membendung kejadian tersebut. Mudah-mudahan dengan cadangan yang dikemukakan ini perlakuan kesalahan-kesalahan seksual dan kesalahan yang berhubungan dengan harta ini akan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta' untuk meminda Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45), dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Arau.

6.20 *ptg.*

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membicarakan—menyokong tidak lagi, Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) sebagaimana yang telah dibentangkan sebentar tadi. Saya ingin menyentuh yang penghabisan dahulu, iaitu Fasal 29 sehingga 32 yang ada kaitan dengan undang-undang tanah berhubung dengan P.A. tadi yang tak sempat saya bahaskan. Di sini dinyatakan dengan terang bahawa berhubung dengan kesalahan mengenai surat ikatan

"fraud" dan juga pelupusan harta secara "fraud".

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat daripada maksud undang-undang ini hubungannya dengan P.A. tetapi saya percaya P.A. yang telah dibenarkan di bawah undang-undang tanah tidak dapat menolong untuk menyelesaikan masalah orang-orang yang terlibat kerana hartanya telah dilupuskan dengan secara "fraud", kerana P.A. telah dengan terang dan nyatanya menunjukkan bahawa setelah kita membuat P.A. makna kata kita seolah-olahnya telah pun melepaskan tanah kita, tetapi dalam keadaan sekarang dengan berleluasa orang menggunakan P.A. di mana-mana sahaja termasuk juga di Kampung Bahru dan juga Datuk Keramat yang saya percaya tanah-tanah milik mereka ini akan bertukar tangan tidak lama lagi di mana bank-bank akan melelongkan harta-harta mereka. Jadi saya minta supaya dilihat dengan secara teliti, sebab ini adalah berhubung dengan hukuman yang hendak dikenakan, tetapi P.A. tidak membuatkan mereka yang membuat pelupusan harta secara "fraud" ini dikenakan melalui hukuman ini.

Dalam kita membuat apa-apa ikatan perjanjian selalunya kita dapat mengenakan caveat dan ianya didaftarkan di pejabat tanah tetapi bila kita membuat P.A. kita tidak payah mendaftarkan di pejabat tanah, hanya kita membuatnya di pejabat peguam. Jadi dengan itu undang-undang ini tidak langsung mengikat orang yang telah menipu harta orang melalui P.A. Apakah boleh dibuat ataupun difikirkan oleh Menteri yang berkenaan supaya kita iktakan juga mereka yang terlibat dengan penipuan melalui P.A., sebab kita akan bertanya bahawa orang-orang yang terlibat dengan P.A. ini ialah orang-orang yang teraniaya dan tuan-tuan tanah kita sebagaimana sedia maklum terdapat dua jenis kategori tuan tanah; satu tuan tanah yang mendapat

hartanya secara turun-temurun. secara tradisional. Yang keduanya orang yang mendapat tanah melalui usaha-usahanya iaitu dengan secara moden. dengan cara dia membeli tanah dan sebagainya. Yang nombor dua ini senang cerita, sebab mereka merupakan golongan cerdik dalam negara ini, tetapi orang-orang yang mendapat tanah secara tradisional yang membuka tanah-tanah di kampung-kampung dan sebagainya seringkali terlibat dengan undang-undang yang diadakan oleh Kerajaan dan saya minta supaya Fasal 29) dan 32 ini diperluaskan untuk mengenakan hukuman orang yang terlibat dalam penipuan dengan menggunakan P.A.

Timbalan Menteri tadi walaupun dia memberi jaminan tetapi tidak dapat disebutkan dengan terang bahawa P.A. ini harus didaftarkan di pejabat tanah, dengan itu penyamun dan penyangak yang saya sebutkan tadi tidak dapat berleluasa dalam negara. Pada masa sekarang apa sahaja undang-undang yang kita bercakap dengan begitu lantang di Parlimen ini mereka tetap akan bergerak dengan berleluasa, bergerak dengan bebas dalam negara untuk menipu orang-orang yang tidak tahu-menahu binatang apa P.A.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tegur kepada Timbalan Menteri, saya bersyukur, sebab yang membentangkan Rang Undang-undang ini ialah wanita dan banyak juga terlibat tentang wanita mengenai perkara-perkara ini tetapi saya hendak memaklumkan walaupun pegawai-pegawai Kerajaan yang menderafkan perkara ini tetapi mereka ini memandang dari segi undang-undang dan juga pendapat dan juga pandangan mereka tetapi kami ini mewakili rakyat jelata yang memahami sangat tentang perkara-perkara yang berlaku di tepi-tepi jalan. Undang-undang ini cuma diberi kepada kami semalam dan dibeli dalam bentuk pindaan tetapi

undang-undang asalnya itu tidak dapat diberi. Saya berebut-rebut untuk mendapatkan di mana-mana tempat dan kita ada 177 orang Ahli Parlimen yang terpaksa berebut-rebut mencari undang-undang asal itu. Undang-undang asal ini kalau tidak dibentangkan kepada kami, selepas itu diberi pindaan, ini bukan sekarang, yang lain-lain pun macam itu tetapi yang kena tegur yang ini, saya minta maaf, oleh sebab perkara ini penting dan harus di bincangkan dengan cara terperinci oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita hendak bincang dengan serius walaupun berhubung dengan seks. Saya harap tidak ada orang yang lertawa mengenai perkara ini, oleh kerana kita seringkali kalau sebut seks, kita seronok dengar tetapi orang yang merasai seks itu dia ada dua jenis; satu dia seronok, yang keduanya dia merasai kesakitan. Ini berhubung dengan rogol. Yang pertama, saya hendak sentuh Fasal 7 dahulu, saya terpaksa ambil kiri dan kanan, sebab untuk membolehkan saya menyentuh perkara ini dahulu iaitu tentang hukuman penjara mandatory. Saya bersetuju tentang hukuman penjara ini malah kalau boleh hukuman penjara mandatory ini dinaik daripada 10 tahun kepada 20 tahun. Mengapa 10 tahun? Apakah jaminan 10 tahun orang itu boleh berubah kelakuannya, apabila dia keluar nanti dia tidak merogol lagi?

Kemudian cara kita hendak menentukan orang kena rogol, macam manakah bentuknya? Contohnya dimaksudkan di sini ialah persetujuan tanpa izin. Ini ialah merupakan huraiannya kita persetujuan tanpa izin tetapi apakah orang-orang yang terlibat yang telah pun mengadakan persetujuan tetapi mewujudkan keadaan seolah-olahnya dia melakukannya tanpa izin untuk tujuan menganiaya dan sebagainya. Banyak juga orang politik terlibat

pada masa yang lepas, yang itu dalam keadaan yang diwujudkan yang dia telah diperkosa. Contohnya dia meluka-lukakan di tempat-tempat yang boleh mendatangkan aniaya kepada orang yang melakukan perkara tersebut.

Saya ingin memaklumkan kepada wanita-wanita, Menteri-menteri wanita dan juga Timbalan Menteri, yang ini bagus. Di satu pihak, kita kata, kita mengharapkan keluarga bahagia, tidak ada poligami dan sebagainya tetapi dalam masa yang sama kita menghukum orang merogol. Saya hendak bertanya apakah kajian dibuat di Thailand, berapa banyak kes rogol berlaku? Mengapa kes rogol kurang berlaku di Thailand? Mengapa kes rogol banyak berlaku di negara-negara Arab dan juga di Papua New Guinea? Kenapa kajian ini tidak kita ambil dan kita telitinya habis-habis? Mengapa kurang rogol berlaku di Indonesia? Mengapa banyak kes rogol berlaku di Malaysia? Semua ini melibatkan sikap diri pemimpin-pemimpin itu sendiri dan juga sikap diri Kerajaan. Kita bercakap ini mengenai anti poligami, dalam pihak lain, kita kata, jangan benarkan rogol. Mungkin suami-suami yang terlibat dengan perkara ini yang mungkin membuatnya dengan secara izin tetapi telah diwujudkan seolah-olah dia melakukannya dengan tanpa izin. Tolonglah fikir elok-elok. Ini cuma gambaran dan juga cadangan serta sasaran. Lain kali apa undang-undang yang dibuat jangan memikirkan kepada perkara-perkara yang kita hendak tumpu sahaja, ini perkara

yang kita buat dekat belakang, yang sebelum itu kita kena lihat. implikasi daripada kita buat itulah terjadi benda-benda macam ini, termasuk juga perkara-perkara yang lain.

Kita mengadakan siaran-siaran ghairah dan sebagainya yang boleh menggalakkan orang membuat kelakuan ke arah perkara tersebut. Saya bukan menyalahkan orang perempuan memakai pakaian-pakaian ghairah tetapi kalau kena rogol macam mana cerita? Contohnya kita masuk ke kebun getah pakai pakaian ghairah, susah kita hendak fikirkan apa akan terjadi tentang perkara ini. Ini semua merupakan perlakuan-perlakuan kita di pihak lain yang menyebabkan perkara ini berlaku, lepas itu orang yang menderafkan undang-undang ini pula memikirkan perkara itu sahaja. Jadi janganlah sempitkan pemikiran kita dalam menderafkan undang-undang ini. Fikirkan pula apa yang kita buat di sebalik perkara tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sambung esok.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30petang.*